

Jilid II
Bil. 4



Hari Isnin
15hb Mei, 1972

MALAYSIA

PENYATA RASMI OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KEDUA
Second Session

KANDONGAN-NYA

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Ruangan 409]

USUL²:

**Waktu Meshuarat dan Urusan Yang di-Bebaskan daripada Peratoran Meshuarat
[Ruangan 467]**

**Uchapan Terima Kaseh kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong [Ruangan 467]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KEDUA

Hari Isnin, 15hb Mei, 1972

Meshuarat di-mulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADHIR :

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUN DR ISMAIL AL-HAJ BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).
- Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATO' HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan, DATO' HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K., S.I.M.P. (Raub).
- „ Menteri Kebajikan Am, TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HUSSEIN BIN DATO' ONN, P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timor).
- „ Menteri Tugas² Khas dan Menteri Penerangan, TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Samarahan).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan, DATO' ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- .. Timbalan Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K (Kota Bharu Hilir).
- .. Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- .. Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- .. Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- .. Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT (Johor Bahru Barat).
- .. NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- .. DATO' DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- .. DATO' HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- .. TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- .. TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- .. TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- .. TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- .. TUAN HAJI AHMAD BIN SA'ID, J.P. (Seberang Utara).
- .. TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- .. TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).
- .. PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- .. DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- .. TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., A.M.N., J.P., J.S.M. (Sungei Patani).
- .. DATO' PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.B.S., P.N.B.S. (Julau).
- .. CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- .. TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- .. TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- .. AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- .. TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- .. TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- .. TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- .. TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- .. TUAN CHEN KO MING, P.B.S., A.M.N. (Sarikei).
- .. DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).
- .. DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).

Yang Berhormat TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER
(Bau-Lundu).

- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S.
(Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ TUAN KHOO PENG LOONG, O.B.E. (Bandar Sibu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI IDRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATO' PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATO' ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N.
(Trengganu Tengah).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).

- Yang Berhormat TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P.
(Pasir Mas Hilir).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P.,
J.M.N. (Sabak Bernam).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S.
(Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ DATO' PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, P.I.S., S.M.J. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- „ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA
(Kota Star Selatan).

YANG TIADA HADHIR:

- Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N.
(Sungei Siput).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI
(Kedah Tengah).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).

- Yang Berhormat Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M., C.H., D.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ DATO' PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ TAN SRI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MUSA BIN HITAM (Segamat Utara).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ DR SULAIMAN BIN MOHAMED ATTAS, J.P., P.J.K. (Rembau-Tampin).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ DATO' JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN²

PEGAWAI² TINGGI KERAJAAN— MENEMPATKAN

1. Tuan Mustapha bin Hussain minta Perdana Menteri menyatakan bahawa dalam

asimilasi meujudkan satu bangsa Malaysia sama ada Kerajaan akan mengatorkan supaya Pegawai² Tertinggi keturunan satu bangsa di-tugaskan bekerja di-tempat² yang penoh dengan pendudok² yang berketurunan dari bangsa yang lain. (Mithal-nya, di-Pulau Pinang, kita dapati sekarang Ketua² Pejabat yang tertinggi termasuk Yang Mulia Tuan Hakim dan lain² pegawai² mahkamah ia-lah keturunan dari bangsa yang menjadi sa-bahagian besar daripada jumlah ramai pendudok² di-Negeri itu).

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, bukan-lah dasar Kerajaan untuk menempatkan pegawai² mengikut keturunan mereka, tetapi pegawai² ada-lah di-tempatkan dalam jawatan² di-mana perkhidmatan mereka itu di-perlukan. Sa-kira-nya di-dapati sa-saorang pegawai itu di-tempatkan dalam jawatan di-kawasan di-mana ramai penduduk²-nya berketurunan sama dengan-nya, maka ini ada-lah sa-chara kebetulan sahaja, kerana penempatan-nya dalam jawatan itu ada-lah di-buat berasaskan kepentingan pentadbiran negara.

Saya suka juga menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa dasar Kerajaan untuk mewujudkan satu bangsa Malaysia bukan-lah dengan chara "asimilasi", tetapi ada-lah dengan chara² integrasi, ia-itu menerusi pemakaian unsor² dan nilai² kebudayaan yang sama yang di-persetujukan oleh semua kaum di-negeri ini.

PEGAWAI² KERAJAAN—SUROHAN-JAYA PERKHIDMATAN AWAM

2. Dr Tan Chee Khoon minta Perdana Menteri sama ada beliau sedar bahawa usaha pemusatan semua pegawai² daripada Bahagian Satu hingga Bahagian Tiga telah pun melambatkan lagi perlaksanaan Rancangan Malaysia Kedua dan masalaah-nya ia-lah kekurangan kakitangan sungguh pun ada beribu² orang di-negeri ini yang maseh menganggor dan jika sedar, ada-kah Perdana Menteri berchadang membuat perubahan dan mengambil pegawai² baru dengan sa-chepat mungkin.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, sistem pengambilan bagi pegawai² Kerajaan ada-lah di-tetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Mengikut Perkara 144 Perlembagaan, urusan pengambilan pegawai² Kerajaan ada-lah di-selenggarakan oleh Surohanjaya² Perkhidmatan Awam.

Bagi perkhidmatan² Persekutuan, urusan pengambilan ada-lah di-selenggarakan oleh empat Surohanjaya Perkhidmatan yang berasingan yang di-tubuhkan di-bawah Perkara² 138, 139, 140 dan 141, ia-itu Surohanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan, Surohanjaya Perkhidmatan Awam, Surohanjaya Perkhidmatan Polis dan Surohanjaya Perkhidmatan Keretapi.

Bagi perkhidmatan² Negeri, urusan pengambilan ada-lah di-selenggarakan oleh Surohanjaya Perkhidmatan Negeri masing², kechuali bagi negeri Melaka dan Pulau Pinang di-mana urusan pengambilan di-selenggarakan oleh Surohanjaya Perkhidmatan Awam.

Kerajaan ada-lah yakin bahawa sistem pengambilan seperti yang di-tetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan ini ada-lah sesuai dan memuaskan. Saya sedar bahawa ada kekurangan kakitangan² dalam sa-tengah² perkhidmatan Kerajaan, tetapi kekurangan kakitangan ini bukan-lah di-sebabkan oleh sa-barang kelemahan dalam sistem pengambilan, tetapi ada-lah di-sebabkan oleh kekurangan chalun² yang berkelayakan untuk memenohi jawatan² Kerajaan yang tertentu, khusus-nya jawatan² yang berchorakkan ikhtisas, seperti Pegawai² Perubatan, Jurukira² dan juga Jurutera².

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa beliau telah menyatakan tadi tentang kekurangan kakitangan Kerajaan seperti doktor² atau jurutera². Yang saya hendak maksudkan ia-lah kelas yang ketiga, ia-itu jurutaip, kerani dan sa-bagai-nya yang bukan ada kekurangan, tetapi ada kelebihan dan oleh sebab sistem yang di-adakan yang mana Surohanjaya Perkhidmatan Awam sahaja boleh mengambil kakitangan ini, maka ada beberapa bottle-neck yang mana kebanyakan Kementerian yang berkehendakkan kakitangan ini tetap, tetapi tidak di-dapati kakitangan tersebut.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, dahulu ada-lah kesukaran sedikit dalam hal ini, tetapi perkara ini telah di-dapati dan semua Kementerian² telah di-beritahu, kalau mereka itu berkehendakkan pegawai² yang seperti ini, ia-itu jurutaip dan kerani² mereka itu hanya di-kehendaki memberitahu Jabatan Perjawatan dan chalun² akan di-sediakan kerana ada ramai chalun² untuk jawatan ini supaya jawatan ini boleh di-penohi dengan sa-berapa segera-nya.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar walau pun apa yang telah di-nyatakan oleh beliau bahawa semua di-sediakan, tetapi yang saya

tahu ada di-dalam beberapa Kementerian, umpama-nya Kementerian Kesihatan ada kekurangan kerani dan oleh sebab itu kerani itu di-ambil oleh Surohanjaya Perkhidmatan Awam, maka Kementerian tersebut ta' dapat kerani yang menchukopi.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, pada masa mula hendak melaksanakan Ranchangan Malaysia Yang Kedua, saya telah memberi tahu semua Ketua² Jabatan, kalau ada mana² jabatan kekurangan pegawai mustahak-lah di-beri tahu dengan sa-berapa segera. Saya tahu, beberapa bulan yang lalu Jabatan Perubatan ada memberi tahu yang mereka itu kekurangan kerani² dan saya telah arahkan perkara ini supaya di-atasi dan ada kerani² yang sedia hendak mengambil tempat² itu.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Boleh-kah Yang Berhormat memberi tentang chara² bagaimana penempatan kerani² di-sesuaikan dengan pegawai² yang di-tambah itu, kerana sa-bagaimana telah di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu tadi, saya pun bersetuju ia-itu banyak rungutan² yang saya terima bahawa pegawai² banyak, tetapi kerani² berkurangan hingga menimbulkan kesulitan dalam menjalankan pentadbiran. Boleh-kah Yang Amat Berhormat memberi tahu bagaimana chara penempatan kerani di-sesuaikan dengan pegawai².

Perdana Menteri: Saperti yang telah saya terangkan tadi, yang sa-benar-nya bukan kita kekurangan kerani², yang kita kurang ia-lah pegawai² yang mempunyai kelayakan yang tertentu saperti jurutera² doktor² dan lain². Kerani² kita tidak kurang ini keterangan yang tidak benar. Keterangan yang kita dapati dari Ketua² Pejabat ia-lah mereka itu kekurangan qualified officers.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan. Ada-kah Perdana Menteri sedar di-Pejabat Daerah ada beberapa kakitangan—Penolong Pegawai Daerah jawatan-nya tidak di-isikan dan ada-kah beliau sedar juga ada beberapa siswazah² yang ada kelayakan yang sesuai, tetapi jawatan itu maseh belum di-isikan di-Pejabat Daerah Kuala Lumpur.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, kekosongan dalam semua Jabatan² Kerajaan ada-lah di-isi dari sa-tahun ka-satahuan. Barangkali kalau ada kekosongan tahun ini

bagi pengambilan yang akan datang ini, kita akan isi kekosongan ini; kita ada chukup chalun² yang berkelayakan.

Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad: Soalan tambahan. Ada-kah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa Ranchangan Malaysia Yang Kedua tidak dapat berjalan dengan pesat-nya di-negeri Trengganu, kerana kekurangan kakitangan atau pun pegawai Kerajaan khusus-nya bahagian teknishen, apa-kah langkah dan usaha yang telah di-jalankan oleh pehak Kerajaan untuk mengatasi masaalah ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya kata tadi, saya tahu yang kita ada kekurangan pegawai² yang berkelayakan saperti jurutera² dan juga teknishen². Langkah² telah pun di-ambil untuk melateh pegawai² ini. Bagi teknishen, pehak Jabatan Kerja Raya sedang mengambil langkah melateh pegawai² ini dan saya perchaya kekurangan ini akan dapat di-atasi tidak berapa lama lagi.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Ada-kah Yang Amat Berhormat sedar bahawa di-Trengganu, Jabatan² Tanah dan Jabatan Pertanian dan juga Jabatan Kebajikan Am ada-lah kekurangan kerani² sa-hingga melibatkan sa-tengah² pegawai ada-lah menjadi kerani juga, dan saya fikir ini ada-lah chara yang mendatangkan kelambatan dalam melaksanakan Ranchangan Malaysia Yang Kedua. Ada-kah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar hal ini atau ada-kah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ingat bahawa tempat lain berlebehan sedangkan di-Trengganu ada-lah berkurangan.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, apa soalan-nya? Ada-kah sedar sahaja, dia sudah sedar.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan-nya ada-kah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa di-Trengganu di-jabatan yang saya sebutkan tadi ada-lah kekurangan kerani², dan apa-kah tindakan untuk mengatasi masaalah di-sana bukan di-tempat lain.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Jabatan ini Jabatan² Negeri dan saya sendiri tidak mengetahui hal ini. Tetapi saya dapati bahawa tidak ada sebab-nya jabatan² itu ada

kekurangan kerani, kalau dia berkehendakan kerani², boleh-lah di-ambil dengan senang sahaja. Harus juga tidak ada orang di-Trengganu barangkali orang negeri lain ada yang memegang jawatan kerani. Akan tetapi dasar kita sekarang ini sa-tengah² pejabat suka hendak mengurangkan bilangan kerani ini, sudah terlampau banyak kerani banyak red tape, lambat kerja berjalan. Kita hendak pegawai menjalankan tugas mereka itu dengan segera dan kalau terlampau banyak bilangan kerani pun kerja akan lambat juga.

Tuan Hussain bin Sulaiman: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah benar bahawa kelewatan mengisi kekosongan dalam Jabatan Kerajaan ini berpuncha daripada kelewatan yang berlaku di-dalam Perbendaharaan, di-mana sa-tengah² mengatakan kalau permohonan itu di-buat dalam bulan Januari atau Februari mendapatkan tambahan pegawai, kelulusan-nya di-beri dalam bulan November atau Disember dan menyebabkan tidak dapat di-penuhi pada tahun itu. Jikalau keadaan demikian benar, apa-kah tindakan yang telah di-ambil untuk mengatasi perkara yang seperti ini supaya tidak berlaku berpanjangan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir tidak patut ada kelambatan, sebab kalau ada kelambatan pun ia-lah kesalahan itu kepada pegawai² yang bertanggung-jawab. Di-tiap Negeri ada Jawatan-kuasa Kerja. Tindakan mesti-lah mengadakan meshuarat tiap² minggu. Kalau ada masalah² seperti itu patut-lah di-kemukakan dan di-beritahu kepada Kerajaan Pusat. Jadi, kalau ada kelambatan sampai berbulan², kesalahan itu terutama-nya ia-lah kepada pegawai² yang menjalankan tugas seperti Ketua² Pejabat bukan-lah kesalahan Kerajaan Pusat—bukan kesalahan jentera, kerana mereka itu tidak menjalankan tugas mereka itu.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Ada-kah pehak Kerajaan sedar, bahawa sa-sungguh-nya chara kita mengurangkan kerani² dengan lebih banyak maka itu mendatangkan kelambatan. Saya bandingkan kalau di-Pejabat Tanah, sa-belum kita ada Ranchangan Malaysia Yang Kedua, kerani-nya ada 4 orang, sekarang pun ada 4 orang sedangkan beban-nya bertambah banyak dan pegawai memerentahkan kepada kerani untuk

membuat kerja. Ada-kah sedar bahawa chara kita mengurangkan kerani dan membanyakkan ranchangan ada-lah satu chara yang kurang menyenangkan di-kalangan pegawai² yang tersebut.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Ahli Yang Berhormat itu tidak faham berkenaan dengan pentadbiran. Saya faham, saya telah bekerja di-Pejabat Tanah di-Jajahan, saya tahu bagaimana kerani² buat kerja, mana kerani² yang mustahak dan mana kerani² yang tidak mustahak. Jadi yang hendak di-kurangkan itu ia-lah kerani² yang tidak memuaskan, kerani² yang mustahak tentu-lah kita hendak gunakan.

Tuan Mohd. Tahir bin Haji Abdul Manan: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ini lebih kurang sa-rupa dengan soalan Yang Berhormat tadi ia-itu ada-kah Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri sedar ia-itu selalu ada pertelingkahan antara Treasury dengan P.S.D. yang menyebabkan kelewatan dalam mengambil pegawai bagi apa² jawatan jua pun.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, ini tidak benar. Saya katakan tadi kita ada jentera yang boleh mengatasi perkara ini. Kalau ada kelambatan, kalau kita tidak dapat selesaikan di-perengkat pegawai atau pun di-perengkat Kementerian, perkara ini boleh di-kemukakan kepada saya, saya boleh selesaikan. Tetapi kalau Ketua² Pejabat tidak menjalankan tugas, maka tidak dapat tiada masalah sa-macam ini akan timbul.

KAPAL² MINYAK—MENGELASKAN (CLASSIFY) MUATAN

3. Raja Nong Chik bin Raja Ishak bertanya kepada Menteri Luar Negeri sama ada Kerajaan bersetuju dengan chadangan Indonesia untuk mengelaskan kapal² minyak yang muatan-nya sa-banyak 200,000 tan sa-bagai "super tanker" dan tidak membenarkan-nya belayar di-Selat Melaka di-masa hadapan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, pada prinsip-nya, ada-lah menjadi pandangan kita bahawa kita patut mengadakan sekatan demi untuk menjaga keselamatan pelayaran. Pada masa ini belum-lah ada kata sepakat mengenai apa-kah sekatan yang akan di-kenakan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Boleh-kah Yang Berhormat menerangkan kepada Dewan ini tentang peranan² yang telah kita ambil di-perengkat antara-bangsa supaya perisytiharan kita di-Indonesia untuk menjadikan Selat Melaka ada-lah wilayah kita ini di-terima oleh negara² luar khas-nya negara² yang besar.

Perdana Menteri: Ini soal lain. Dan saya telah jelaskan perkara ini tiga hari dahulu di-minggu dahulu. Kalau Ahli Yang Berhormat dengar perkara ini atau pun membaca Penyata Rasmi, ini tidak payah merugikan masa Dewan ini untuk menjawab perkara² itu.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, minta izin. Will the Prime Minister indicate

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh izin dalam masa Soal Jawab! Chuba berchakap dalam Bahasa Kebangsaan.

Tuan V. David: Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata belum tetap untuk mengambil satu tindakan oleh Kerajaan Pusat. Berapa lama Kerajaan mahu ambil satu ketetapan atas perkara ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya telah terangkan pada minggu yang lalu, perkara ini kita mesti-lah berunding dengan Kerajaan Indonesia dan juga Kerajaan Singapura. Sa-telah perundingan di-jalankan baharu-lah kita dapat tetapkan mengenai perkara ini.

Tuan Goh Hock Guan: Minta izin.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh!

Tuan Goh Hock Guan: Tuan Speaker, boleh-kah Perdana Menteri memberitahu Dewan ini sebab apa polisi² yang Kerajaan Malaysia dan polisi² Kerajaan Indonesia tidak sa-rupa berkenaan dengan Selat Melaka. Dan saya sendiri perchaya jikalau pemereksaan perdagangan di-adakan, mesti-lah keselamatan negara kita boleh membahayakan pada masa hadapan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, ini pun ada-lah soal yang berlainan sedikit, tetapi saya telah terangkan perkara ini di-minggu lalu ia-itu kita akan mengadakan perundingan dengan pihak Indonesia supaya

kita dapat kata sa-pakat dalam hal berkaitan dengan Selat Melaka. Kita akan mengadakan perundingan² lagi supaya dapat menjalankan dasar yang sama dan juga mengambil langkah.

Tuan Goh Hock Guan: Soalan tambahan, Tuan Speaker. Timbalan Perdana Menteri apabila ia berlepas ka-Indonesia berkata Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Indonesia telah membuat satu keputusan yang tetap (complete understanding) mengenai kawalan Selat Melaka dan hari ini kita boleh nampak dari chadangan Perdana Menteri bahawa keputusan ini belum-lah sama berkenaan dengan warship ia-itu kapal lawan daripada Amerika Sharikat atau Russia dan berkenaan dengan muatan 200,000 tan sa-bagai Super Tankers. Yang demikian itu, boleh-kah saya bertanya Perdana Menteri ia-itu Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Indonesia boleh-lah membuat satu meshuarat lagi mengenai Selat Melaka.

Timbalan Perdana Menteri (Tun Dr Ismail Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu memetek perisytiharan saya tidak betul. Jadi kalau petekan tidak betul soal yang di-datangkan ini pun tidak betul juga—tidak ada kena-mengena. Jadi, saya minta dia bacha dahulu apa yang saya ishtiharkan itu, baharu-lah datangkan pertanyaan dalam Dewan ini.

Tuan Goh Hock Guan: Soalan tambahan. Timbalan Perdana Menteri menafikan perisytiharan yang beliau telah buat sa-lepas dia mengunjongi Indonesia. Saya perchaya dia ada berchakap complete understanding telah di-chapai. Sekarang ada-kah dia hendak menafikan perkara itu.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak menafikan. Dia kata soalan yang pertama tadi tidak betul—itu bukan menafikan.

PEREMPUAN SIAM DI-BAWA KA-KROH—PEGAWAI IMIGERESEN

4. Tuan Mustapha bin Hussain minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) ada-kah benar sa-tengah² anggota Kerajaan Malaysia telah menyeludopkan pelachor² dari luar negeri ka-Malaysia melalui Kroh ketika merayakan Hari

Raya Puasa yang lalu dan pelachor² itu di-tinggalkan dalam keadaan sesat dalam negeri kita dan akibat-nya mereka di-tangkap dan di-tahan, dan jika ya, ada-kah ini menunjukkan yang kerjasama di-antara pehak² yang berkuasa di-kedua² belah sempadan telah renggang; dan

(b) apa tindakan yang telah di-ambil:

- (i) untuk menjaga nama baik ang-gota² lain; dan
- (ii) untuk mengeratkan hubungan antara ke dua² pehak berkuasa di-sempadan demi mengeratkan tentangan terhadap pengganas² Komunis.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Ada berlaku satu kejadian di-mana telah di-dapati sa-orang pegawai Imi-geresen yang telah membawa masuk (bukan-nya menyeludopkan) lima orang perempuan Siam ka-Kroh dalam Bulan Puasa tahun lepas dan bukan-nya di-waktu Hari Raya Puasa.

Tindakan tata-tertib telah di-ambil terhadap pegawai tersebut.

- (b) (i) Oleh kerana perkara itu telah di-lakukan oleh sa-orang pegawai yang tertentu sahaja dan tindakan tata-tertib telah pun di-ambil terhadap-nya maka soal kerenggangan di-antara kedua² pehak tidak-lah timbul.
- (ii) Tindakan yang lain tidak-lah perlu sebab hubungan di-antara kedua² pehak berkuasa di-sempadan sa-memang sudah erat.

MELAWAT KA-MALAYSIA— MEMBENARKAN

5. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada beliau akan membenarkan orang² dari Negeri China melawat saudara mara mereka di-Malaysia sa-bagaimana warganegara Malaysia di-benarkan oleh Kerajaan Negeri China melawat saudara mara mereka di-Negeri China dan jika ya, bila, jika tidak, mengapa.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, negara kita tidak ada mempunyai hubungan diplomatik dengan Negeri Komunis China dan dengan demikian tidak ada perjanjian mengeluarkan visa dengan negara itu. Oleh yang demikian orang² dari Negeri China tidak-lah dapat di-keluarkan visa untuk melawat negara kita.

KAD PENGELUARAN—KELAMBATAN MENGELUARKAN

6. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sebab² kelambatan yang kadang²-nya sa-hingga lebih dari sa-tahun dalam pengeluaran kad pengenalan bagi kanak² yang chukup umur 12 tahun.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, lazim-nya pengeluaran kad² pengenalan kepada kanak² yang berumur 12 tahun hanya mengambil masa 3 bulan. Sebarang kelewatan yang lebih daripada 1 tahun mungkin telah berlaku dengan sebab pemohon²-nya tidak dapat datang meng-ambil kad² pengenalan mereka telah siap di-Pusat² Pendaftaran yang berkenaan pada tarikh² yang di-tentukan. Pada masa sekarang lebih kurang 67,000 kad² penge-nalan yang telah siap maseh lagi tersimpan di-Pusat² Pendaftaran di-seluruh negeri ini untuk di-ambil oleh pemohon² yang telah pun berkali² di-hubongi dengan surat.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Ada-kah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sedar bahawa sa-sungguh-nya kedapatan orang² dan kanak² yang hendak pergi mengambil kad pengenalan di-tempat² pengeluaran kad pengenalan pada tarikh yang di-tetapkan di-dalam surat atau borang kad pengenalan sementara itu tidak di-dapati.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Kalau bagaimana yang di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat itu betul, bagaimana-kah 67,000 kad penge-nalan ada di-simpan lagi di-Pejabat² yang saya sebutkan tadi.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Boleh-kah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menerangkan bahawa apa tindakan Pejabat Pendaftaran telah ambil atau akan ambil untuk menchari

67,000 orang yang baharu² ini mendapat kad pengenalan.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Yang pertama saya berkehendakkan kerjasama dari Ahli Yang Berhormat itu supaya apa yang dia memberi keterangan dalam Dewan ini akan juga diberi keterangan kepada umum yang kad pengenalan sa-banyak 67,000 yang ada disimpan dan minta-lah mereka itu mengambilnya.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Boleh-kah Yang Amat Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menerangkan chara penyampaian kad pengenalan daripada Pusat Pengeluaran Kad Pengenalan di-Kuala Lumpur kepada wakil²-nya di-Negeri² dan di-Daerah², oleh kerana bagaimana saya sebutkan tadi ada orang yang hendak pergi ambil kad pengenalan, kad pengenalan-nya tidak ada.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Itu kata dia. Yang saya katakan tadi kad pengenalan sa-banyak 67,000 ini ada disimpan dan surat telah di-hantar dan mereka tidak datang mengambil.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ia-lah bagaimana chara penyampaian kad pengenalan daripada Pusat² Pengeluaran Kad Pengenalan di-Kuala Lumpur ini kepada wakil²-nya di-daerah². Ada-kah memakan masa yang lambat, atau pun chepat, atau bagaimana sa-hingga menimbulkan apa yang saya katakan tadi.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat ini tidak mengerti. Saya kata ada 67,000 kad² pengenalan ini disimpan di-Pejabat² Pendaftaran. Jikalau surat itu datang daripada pejabat² itu, orang itu di-minta-lah datang ka-tempat itu mengambil kad pengenalan-nya.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, ada-kah pehak Kerajaan menhadangkan hendak menghantar kad pengenalan yang ada disimpan di-Pusat² Pendaftaran yang sa-banyak 67,000 ini kepada empunya²-nya dengan melalui pos atau pun melalui wakil² Kerajaan yang ada di-tempat² yang berkenaan?

Dr Tan Chee Khoon: Bangun.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dahulu, ini tadi tidak selesai lagi.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Saya fikir tidak payah saya jawab soalan itu.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Tadi Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah menyatakan Jabatan Pendaftaran ada sa-banyak 67,000 kad pengenalan yang tidak di-sampaikan kepada yang berkenaan. Boleh-kah Menteri yang berkenaan berhubung dengan Menteri Penerangan supaya masalah ini boleh di-terangkan melalui radio dan talivishen supaya ibu bapa boleh mengambil perhatian dan pergi ka-Pejabat Pendaftaran masing² supaya mereka boleh mengambil kad pengenalan tersebut?

Tun Dr Ismail Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan ini hendak adil. Tetapi kita tidak hendak menyuapkan semua sa-kali orang² dalam negeri ini. Jikalau kita sudah beritahu kepada mereka itu, kad telah sedia melalui pos itu, ada-lah menjadi kewajipan mereka yang berkehendakkan kad itu datang. Ahli Yang Berhormat ini berkehendakkan sa-umpama-nya kita menyuapkan tiap² ra'ayat dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua: Dan bukan semua orang ada peti talivishen.

TARAF PERINTIS KAPADA HOTEL²— MENAWARKAN

7. Tuan V. David: bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian sama ada Kerajaan akan menawarkan taraf perintis kepada hotel² sa-kira-nya perubahan dan perluasan di-buat kepada hotel² itu. Jika jawapan-nya tidak, bagaimana-kah Hotel Merlin, Kuala Lumpur layak di-beri taraf perintis.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, sa-bagai langkah menggalakkan hotel² yang telah sedia ada membuat ranchangan membesar dan memodenkan hotel² mereka supaya dapat memberi kemudahan yang lebeh baik dan chukop kepada pelanchong² luar negeri, maka Kerajaan telah memutuskan dalam bulan April, 1970 untuk memberi

galakan kepada hotel² yang membuat ranchangan seperti itu. Di-bawah sekim galakan itu, bagi hotel² yang ada sekarang yang membuat ranchangan untuk membesar dan memodenkan hotel² mereka, maka sa-bahagian daripada pendapatan yang di-perolehi daripada kerja² membesar dan memodenkan itu ada-lah layak untuk mendapat taraf perintis dan dengan syarat bahawa kerja² meluas dan memodenkan itu siap dan mula perniagaan-nya di-antara 1-1-68 hingga 1-1-74. Hotel Merlin, Kuala Lumpur, telah dapat membesar dan memodenkan hotel mereka di-antara masa yang di-tetapkan dan mula mengambil pelanggan bagi bahagian baharu-nya pada 22hb September, 1970. Oleh yang demikian Hotel Merlin, Kuala Lumpur, ada-lah layak mendapat taraf perintis.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata hotel ini hendak di-buat sambungan yang baharu, dengan pinjaman dari Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Wang ini wang kepunyaan pekerja, boleh-kah Kerajaan berfikir tiap² orang yang miskin yang mahu membuat rumah baharu, wang ini boleh di-pinjamkan?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang asal ia-lah berkenaan dengan Hotel Merlin, kemudian soalan tambahan ini soal hendak meminjam wang daripada E.P.F., ini soalan lain dan saya harap Ahli Yang Berhormat itu faham atas Standing Order Parliamnet kita.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, kalau hotel² kecil yang hendak meminjam wang, boleh-kah di-beri pinjam? Tetapi saya nampak Hotel Merlin sudah dapat pinjaman, kalau lain² hotel atau sharikat² lain, boleh-kah Kerajaan pinjamkan wang itu?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kalau memenohi syarat² dan keperluan² yang lain, maka permohonan itu boleh di-pertimbangkan.

BARANG² KEPERLUAN—MEM-BERHENTIKAN KENAIKAN HARGA

8. Tuan V. David bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian apa-kah usaha² yang telah beliau ambil bagi mem-berhentikan kenaikan harga barang² keperluan yang melambong tinggi.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sentiasa mengawasi kenaikan harga barang² terutama-nya harga barang² keperluan dan langkah² yang di-ambil oleh Kementerian tersebut ada-lah merupakan langkah² yang di-tujukan terutama-nya untuk mengawasi kenaikan harga yang tidak berpatutan dan tidak menasabah. Langkah² ini termasuk-lah:

- (a) melaksanakan supaya papan² tanda harga di-pamerkan ya'ani di-tunjokkan di-perengkat jualan runchit atau di-kedai² runchit mithal-nya untuk memberi pembeli² tahu dan pilihan bagi membeli dari kedai² yang menjual dengan harga yang lebih murah dan juga untuk memilih barang² ganti (substitutes) yang lebih murah harga-nya;
- (b) mengena dan menguatkuasakan suatu syarat ka-atas pengeluaran² atau pengilang² tempatan yang telah di-beri galakan ya'ani incentive atau perlindungan oleh Kerajaan supaya jangan menaikkan harga² barang mereka sebelum mendapat kebenaran daripada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, dan untuk mengkaji hal ini Jawatan-kuasa Mengkaji Semula Harga² telah di-tubuhkan;
- (c) penubuhan Jawatan-kuasa Penasihat berkenaan Harga Barang² Keperluan yang mengadakan mesuarat-nya dari semasa ka-semasa untuk menasihatkan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian chara² untuk memberhentikan "profiteering".

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri buat macham mana Kerajaan ada membuat Jawatan-kuasa Kecil untuk menjaga peniaga² dan toko² menjaga supaya dia tidak boleh menaikkan harga barang², tetapi macham mana harga gula sudah naik lebih 20%, boleh-kah Timbalan Menteri memberi jaminan yang harga ini boleh diturunkan? Tidak-kah boleh Jawatan-kuasa ini mengambil tindakan atas sharikat² dan toko² tersebut.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Ahli Yang Berhormat dari Dato' Kramat faham akan ekonomi atau sumber perbekalan gula.

Sa-bagaimana yang telah kerap kali di-nyatakan ia-itu kita mendapatkan gula mentah daripada luar negeri dan harga gula mentah di-pasaran dunia antarabangsa ada-lah naik dan oleh kerana itu terpaksa di-benarkan kenaikan harga gula di-dalam negeri kita ini. Jadi ini yang sa-benar-nya ada-lah sa-bagai akibat kenaikan harga yang kadang² di-panggil imported inflation daripada luar negeri yang Kerajaan kita tidak mempunyai kuat-kuasa untuk menahan-nya. Saya berharap faham tentang kedudukan perkara gula.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Pemangku Menteri Perdagangan dan Perindustrian sedar tentang harga gula. Baharu² ini harga gula di-London bukan di-naikkan, tetapi diturunkan £80 sa-tan. Oleh sebab itu, mengapakah harga gula di-tanah ayer kita di-naikkan baharu² ini manakala harga gula yang ada di-luar negeri di-turunkan?

Tun Tan Siew Sin: (*Dengan izin*) The Honourable Member has answered his own question. The average price for sugar last year was £40 per ton whereas the average price this year is £80 per ton in spite of the slight reduction in price recently.

Tuan V. David: Jawapan Yang Berhormat Menteri itu saya kurang faham. Apa-kah sebab-nya harga gula boleh naik? Boleh-kah Yang Berhormat Menteri Kewangan menerangkan berapa peratus harga gula di-pasaran dunia naik?

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, I tried to inform Honourable Members opposite that the price of sugar today is roughly double of what it was last year. That should answer the questions of the Honourable Members opposite.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu-lah berkenaan dengan pasaran dunia berkenaan dengan gula, tetapi pasaran dalam negeri seperti sayur kangkong, ikan bilis atau pun ikan² masin, saya tahu. Apa sebab-nya harga kangkong, harga kacang dan harga ikan bilis naik? Dapat-kah Kementerian itu menyekat harga² ini oleh kerana gaji orang tidak naik, gaji buroh \$1.50 juga. Bagaimanakah chara hendak menyekat perkara ini?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat itu menyokong petani² dalam negeri kita, tentu beliau merasa sukachita kalau harga kangkong, sayur²an naik; sa-patut-nya Ahli Yang Berhormat itu bershukor kepada Tuhan sebab harga kangkong naik, tetapi kalau sa-kira-nya kenaikan harga barang² ini melampau sangat, sa-hingga menyusahkan ra'ayat yang lain, baharu-lah kita bersusah hati.

Tuan Goh Hock Guan: (*Dengan izin*) Just now the Honourable Minister of Finance stated, in answer to the Honourable Member for Batu, the justification for the rise in the price of sugar. But, Sir, during the debate on the 5% sales tax, we had criticised the Government very strongly on the possible consequences if Government were to implement this 5% sales tax. One of the consequences that we foresaw was that essential foodstuffs would all go up in price. The Government denied that this would happen, but today it has happened. What has the Government got to say on that? Is the Government prepared now to withdraw this 5% sales tax before the economy is damaged further.

Tuan Yang di-Pertua: Apa kena-mengena soalan itu dengan ini?

Tuan Goh Hock Guan: Tuan Speaker, the question was, to stop the exorbitant rise in the price of essential commodities. So my question is now that the price is going up we should remove the 5% sales tax so that we can bring the price down again. I am asking whether the Government is prepared to do that.

Tuan Yang di-Pertua: It has got nothing to do with the 5% sales tax.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Pemangku Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor sa-patut-nya bershukor kepada Tuhan kerana pehak petani dan sa-bagai-nya mendapati harga barang²-nya tinggi sedikit. Saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan, jika harga itu naik memang saya menyokong kelebihan pendapatan kepada kaum petani dan lain². . . .

Tuan Yang di-Pertua: Saya suka hendak mengingatkan kepada Ahli² Yang Berhormat, Tuan Speaker-nya di-sini bukan di-sana (*Ketawa*).

Dr Tan Chee Khoon: Ma'af, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Pemangku Menteri Perdagangan dan Perindustrian jika harga itu naik, saya bersetuju jika pendapatan ra'ayat pun naik juga. Boleh-kah beliau berjanji, gaji untuk pekerja² dan sa-bagai-nya pun boleh di-naikkan supaya mereka boleh mendapati wang yang mencukupi untuk membeli ikan bilis dan kangkong yang harga-nya baharu² ini di-naikkan?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Pemangku Menteri Perdagangan dan Perindustrian sedar di-dalam Kementerian itu chuma ada sa-orang pegawai di-dalam Enforcement Unit, dan jika beliau sedar bagaimana-kah pegawai itu boleh melaksanakan kerja-nya. Soalan yang kedua, bila-kah Kementerian itu akan membentok Surohanjaya Harga atau di-dalam bahasa Inggeris-nya Prices Commission?

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, in the first place, it is not true to say, as Honourable Members have said, that there is a general price increase. According to all the indicators available to us, and we try to be as impartial and as fair as possible, the increase in prices, even as a result of the sales tax, will be very, very small. Honourable Members opposite, of course, are playing politics. But that is an entirely different matter.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan saya tidak pun di-jawab oleh Menteri Kewangan atau Pemangku Menteri Perdagangan dan Perindustrian.

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, I am trying to give facts and to tell the truth, but I think the Members opposite have an entirely different objective.

Tuan Yang di-Pertua: Sabar!

Tuan Goh Hock Guan: (*Dengan izin*) Just now the Honourable Minister of Finance

stated that we are playing politics but the Government is playing with the livelihood of 11 million Malaysians as a result of this 5% sales tax. Now, the question that I would like to ask the Honourable Minister is whether he would consider as one possible measure to reduce the exorbitant rise in the price of essential commodities—that measure being withdrawal of this obnoxious 5% sales tax, seeing that it has failed?

Tuan Yang di-Pertua: Apa soalan itu? What is your question? Get down to the precise question, never mind the trimmings.

Tuan Goh Hock Guan: Yes, not the trimmings. My question is whether the Government would now withdraw the 5% sales tax.

Tun Tan Siew Sin: That is an entirely different question.

Dr Tan Chee Khoon: (*Dengan izin*) Just now I asked two questions, one of which was answered. The first question that I asked was that is the Honourable the Acting Minister of Trade and Industry aware that in the Enforcement Unit there is only one officer and that, if so, how is that officer going to carry out the enforcement of prices? The second question is when will the Government set up the Prices Commission so as to look after the increase of prices that is spreading and sprouting all over the country?

Tun Tan Siew Sin: Sir, I am the Acting Minister of Trade and Industry and I shall try and reply to the Honourable Member. The Enforcement Unit has been given permission to recruit an adequate number of staff to deal with the matter. It, of course, takes time to set up a fairly large unit, but Honourable Members can rest assured that we are doing everything we can. This Prices Commission is being set up, but I would ask Honourable Members to remember that they should not listen to rumours and repeat parrot-like the rumour that there has been a general price increase. That is not so.

Dr Tan Chee Khoon: Is the Honourable the Acting Minister of Trade and Industry aware that what most of us are saying now is not rumours. The Annual Report of Bank Negara has stated quite clearly that there is a 3.2% increase in the prices of local goods and

that is not a rumour, unless the Honourable Minister is telling us that we cannot rely on the Report of Bank Negara.

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, I would advise the Honourable Member to read the entire Report and not only that part which suits him.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Yang Berhormat Pemangku Menteri Perdagangan dan Perindustrian sedar bahawa sa-sunggoh-nya pengawalan harga barang² oleh pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian tidak begitu mendapat kejayaan kerana sa-hingga ini sa-bahagian besar barang² ada-lah naik.

Tun Tan Siew Sin: We do not deny that a number of shopkeepers have taken advantage of certain conditions to increase prices. I have probably presented more Budgets than any other person in the non-communist world in the last few years, but we know that after every Budget prices go up whether there has been a tax increase on those particular items or not.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Yang Berhormat Pemangku Menteri Perdagangan dan Perindustrian sedar bahawa sa-sunggoh-nya chara pihak Kementerian meminta supaya peniaga² meletakkan lebel harga barang² di-kedai² ada-lah mendatangkan harga itu lebih mahal daripada yang sa-patut-nya, sebab saya sendiri menawarkan harga-nya, mithal-nya \$1.50, kalau kita baik dengan dia, boleh dibeli dengan harga \$1.20, tetapi kalau orang ramai pergi beli dengan harga \$1.50. Bila kita tanya kepada tuan punya peniaga itu, maka di-jawab-nya tanya-lah Kerajaan sendiri. Ada-kah sedar?

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, then if there are any cases of this nature I would ask the Honourable Member to report to the relevant authorities.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Oleh kerana orang ramai tidak tahu harga yang sa-benar-nya yang sa-patut di-jual melainkan harga gula dan beras sebab benda ini selalu di-ishtiharkan dan sa-bahagian² kecil yang di-ishtiharkan melalui

radio dan talivishen, ada-kah Kerajaan berchadang hendak mengadakan beberapa Jawatan-kuasa Kawalan Harga Barang² di-peringkat² daerah di-mana pihak Kementerian sendiri dapat menyalorkan senarai harga barang² itu kepada Jawatan-kuasa Kawalan Harga Barang² di-peringkat daerah itu. Ada-kah berchadang hendak berbuat begitu?

Tun Tan Siew Sin: We will look into this. We hope the position will improve in the course of time.

Tuan Goh Hock Guan: Sir, we congratulate the Finance Minister for having presented so many Budgets in the free world. So, in view of that, Sir, would the Honourable Finance Minister give a guarantee, a categorical undertaking, to this country that there will be no further increase in the price of sugar and other essential commodities?

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, I suggest that if and when Honourable Members opposite take over the Government they might care to give such a guarantee, but we do not aspire to, or will be able to, control world prices of essential commodities.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana keuntungan kilang² gula ini banyak sangat, maka ada-kah Kerajaan berfikir untuk menurunkan harga gula dan susu, keuntungan tahunan daripada kilang² gula ini patut di-tengok oleh Kerajaan. Ada-kah Kerajaan berfikir begitu baik atau tidak?

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, that is not so easy because even for income tax purpose it is not easy to check the accounts of very small shops.

Dr Tan Chee Khoo: Is the Honourable Minister aware that perhaps what the Honourable Member for Kuala Selangor is driving at is those sugar manufacturers. Will the Government look into the profits of the sugar manufacturers or, as I call them, the sugar barons in this country, whose profits are well-know to the Income Tax Department—they run into millions every year—and if they are making millions every year, why should the price of sugar keep on increasing? Is it because in order to keep them with more profits?

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, again, the Honourable Member is going on rumours, not all the sugar refineries in this country make huge profits—certainly not as much as the Honourable Member thinks.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Yang Berhormat Pemangku Menteri Perdagangan dan Perindustrian sedar apa yang di-nyatakan oleh saya bukan khabar angin, tetapi di-dalam Laporan daripada kedua² sharikat pengeluaran gula mereka telah menguntongkan bukan \$1,000 bukan \$2,000 bahkan di-Prai sa-takat itu untong sampai \$30 juta di-dalam masa lima enam tahun.

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, unlike the Honourable Member, the Government has sources of information on these things. If he still insists that he is right, then he has no access to the right information.

Tuan Goh Hock Guan: Is the Honourable Minister aware that the increase in the prices regarding the essential commodities is playing havoc with the Second Malaysia Plan, in that, whatever increase in productivity and earning the poor farmers may be getting, the increase in price will cut away that little gain which they might achieve in the coming years? What is the Government going to do about that?

Tun Tan Siew Sin: There is no point in my answering the Honourable Member when he parades such exaggerations.

Tuan Edwin anak Tangkun: (Dengan izin) Could the Acting Minister of Trade and Industry state when does the Sarawak Branch of the Ministry of Trade and Industry expect to control the price of essential commodities in Sarawak?

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, that is a different question. Therefore, I require notice of the question.

SEKOLAH² DI-LADANG² GETAH— MENYEDEHKAN

9. **Tuan V. David** bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah beliau sedar akan keadaan yang sangat burok dan menyedehkan di-sekolah² dalam ladang² getah dan ada-kah beliau akan mengambil tindakan yang wajar

supaya sekolah² itu di-samakan keadaan-nya dengan keadaan sekolah² dalam bandar².

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran (Tuan Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, ya, saya sedar tentang keadaan burok di-satengah² sekolah dalam ladang² getah. Ada-lah menjadi tujuan Kerajaan untuk memperbaiki keadaan sekolah² di-luar bandar dan ini termasuk-lah sekolah² dalam ladang² getah. Walau bagaimana pun, untuk memperbaiki keadaan sekolah² dalam ladang² getah, kerap kali terdapat beberapa kesulitan, di-antara kesulitan² itu ia-lah kerana sekolah² itu terdiri di-luar kawasan “school reserve” dan di-punyai oleh ladang² persendirian. Hanya apabila kawasan di-mana sekolah itu terdiri di-ubah syarat menjadi kawasan² “school reserve” dan apabila keramaian murid² memerlukan tambahan bangunan, baharu-lah dapat Kerajaan mendirikan bangunan yang baharu. Dalam pada itu, bantuan berupa modal atau “capital grants” ada-lah di-berikan kepada sekolah² berasas kepada permohonan² yang di-terima.

Tuan V. David: Sir, I think this is not a very convincing answer. We all know that estates are private properties and this should not stop Government development and fulfil its programme. I think the Government should seriously consider avenues of improving the estate schools which is a disgrace to our society and to our civilisation and I want a categorical assurance from this House that some form of steps will be taken to improve and modernise these schools in the rubber estates.

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjawab tadi bahawa perkara ini memang ada di-dalam tindakan Kerajaan. Suka juga saya ma'alomkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa sekolah² yang ada ini ada dua macham, ia-itu:

- (i) Sekolah² Kerajaan, dan
- (ii) Sekolah² yang mendapat bantuan penoh daripada Kerajaan.

Mengenai sekolah² Kerajaan, dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua ini kita akan membelanjakan lebih daripada \$55 juta untuk menjalankan kerja² pembangunan, dan kerja² pembangunan ini ada tiga rancangan. Satu, ia-lah untuk projek² baharu ia-itu membena bilek² darjah yang baharu dan menambahkan bilek² darjah yang tidak

menchukopi. Yang kedua ia-lah projek² penggantian ia-itu menggantikan sekolah² yang uzor di-luar bandar. Projek yang ketiga ia-lah kerja² kecil ia-itu memberi kemudahan² bekalan ayer, letrik, kantin, tandas dan sa-bagai-nya. Dan mengenai sekolah² yang mendapat bantuan penoh di-dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua kita menyediakan sa-banyak \$7.5 juta dan ini-lah yang kita sebut sa-bagai capital grants. Dan bagi sekolah² yang ada memohon, kita timbangan, dan bagi tahun ini sahaja kita akan membelanjakan sa-banyak \$1.5 juta untuk memberi bantuan modal kepada sekolah² yang mendapat bantuan penoh daripada Kerajaan.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Boleh-kah Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran menerangkan bahawa apa tindakan akan Kementerian Pelajaran ambil atau telah ambil untuk melateh guru² untuk sekolah di-estate masing².

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, soal ini ia-lah mengenai sekolah² yang burok di-luar bandar bukan mengenai perkara hendak melateh guru². Itu soal lain.

Tuan Lee Seck Fun: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen yang berkenaan, ada-kah sedar sekolah Rendah (Jenis Kebangsaan) Tamil Ladang Berang River, Ladang Trolak, Ladang Ketuyong dan Ladang Sungkai, bangunan² sekolah² itu sudah di-buat saperti juga sekolah² yang ada di-Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua: Apa soal tambahan?

Tuan Lee Seck Fun: Soal tambahan saya ia-lah minta Setiausaha Parlimen yang berkenaan ada-kah sedar atau tidak rancangan ini telah berjalan bagi memperbaiki sekolah² di-ladang—sudah di-jalankan dengan baik-nya.

Tuan Mohamed bin Rahmat: Sudah di-jawab tadi.

Tuan V. David: (Dengan izin) Sir, there are some officers administratively responsible to improve those schools. What I was pleading to the Minister—is of course I have spoken privately to him—is that an assurance be

given that all efforts will be taken to improve these schools which are of course in a dilapidated condition.

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, kita menjalankan kerja pembangunan ini menurut rancangan².

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak mengerti soal itu tidak ada merupakan soalan, tetapi ada jawapan yang macham mana (*Ketawa*).

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, saya minta jaminan daripada-nya supaya mengambil tindakan untuk memereksa sekolah², bagaimana sa-patut-nya di-baiki sekolah² di-ladang getah itu.

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, itu memang selalu kita buat.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengapa-kah Kementerian Pelajaran terlampau bimbang; kata orang Perak terlampau kuat.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah kata orang Perak (*Ketawa*).

Tuan Hashim bin Gera: Hingga hari ini Sekolah Kebangsaan Telok Kemang yang runtoh tahun 1970 bukan Oktober sekarang tahun 1972 belum lagi di-dirikan dan pengakuan di-beri hanya tinggal pengakuan sahaja, apa-kah sebab tidak di-dirikan?

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, kalau sa-suatu perkara yang samacham ini susah saya hendak jawab-nya. Saya minta notis. Walau bagaimana pun saya fikir dalam perkara ini baik-lah Yang Berhormat ini berhubung dengan saya sa-lepas persidangan Dewan ini, boleh-lah saya beri jawapan kepada-nya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah chukop.

(Masa untuk Pertanyaan² bagi Jawab Mulut telah chukop dan Jawapan² Lisan bagi Pertanyaan² No. 10 hingga 65 ada-lah di-beri di-bawah ini).

GERAN² TANAH SIMPANAN ORANG² MELAYU—LAPORAN

10. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan bila-kah beliau akan mengeluarkan laporan penyiasatan beliau berhubung dengan geran²

tanah simpanan orang² Melayu yang telah tergadai kepada peminjam² wang.

Menteri Perusahaan Utama (Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud): Pada takat ini Kerajaan tidak nampak ada sebab²-nya yang laporan ini patut di-keluarkan kepada orang ramai.

SHARIKAT² KERJASAMA NELAYAN

11. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan kedudukan Sharikat² Kerjasama Nelayan memandang bahawa Akta Persatuan Nelayan telah di-luluskan oleh Parlimen baharu² ini.

Menteri Pertanian dan Perikanan (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Persatuan Nelayan akan di-tuboh di-pusat² perikanan yang melingkongi satu kawasan yang besar. Sharikat Kerjasama Nelayan akan terus berjalan seperti biasa walau pun Persatuan Nelayan di-tubuhkan. Peruntukan telah di-buat bagi Sharikat Kerjasama boleh di-terima masuk menjadi ahli sa-bagai satu unit Persatuan Nelayan kawasan.

NELAYAN² PANTAI BARAT— LANGKAH² MENCHEGAH GANGGUAN

12. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa nelayan² Pantai Barat, Malaysia Barat selalu di-ganggu oleh nelayan² Thai, dan jika ya, nyatakan langkah² yang akan di-ambil.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Saya ada-lah sedar tentang nelayan² negeri ini di-ganggu oleh nelayan² negeri asing termasuk-lah nelayan² Thai.

Kapal² T.L.D.M. ada-lah melakukan rondaan di-kawasan nelayan² negeri ini menangkap ikan.

Nelayan² itu ada-lah di-galakkan supaya menangkap ikan berkumpul dan berhubung dengan kapal² T.L.D.M. yang meronda apabila mereka di-ganggu oleh nelayan² negeri asing.

GETAH—PENJUALAN KA-NEGERI CHINA

13. Raja Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) berapa tan getah telah di-jual kepada negeri China oleh Malaysia pada tahun 1971 dan berapa tan yang di-jangka akan di-jual pada tahun 1972; dan
- (b) sama ada penjualan getah kepada negeri China telah menaikkan harga getah dunia.

Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud:

- (a) Malaysia telah menjual sa-banyak 56,919 tan getah kepada Negeri China dalam tahun 1971. Bagi tahun 1972 ada-lah di-anggarkan penjualan getah ka-Negeri China akan bertambah menjadi lebih kurang di-antara 150,000 tan hingga 200,000 tan.
- (b) Penjualan getah ka-Negeri China pada masa ini tidak menaikkan harga getah dunia di-sebabkan Negeri China hanya membeli getah R.S.S. daripada Malaysia dan di-samping itu ada juga beberapa faktor lain yang menentukan pergerakan harga. Walau bagaimana pun dengan pertukaran rombongan perniagaan di-antara Malaysia dan Negeri China yang menyebabkan Kedua² Negeri² ini membuat satu perjanjian perniagaan perdagangan yang mana Negeri China bersetuju memberi lebih banyak lagi getah daripada Malaysia, mungkin akan menukarkan kedudukan yang ada pada masa ini dan yang akan boleh memperbaiki kedudukan harga getah pada masa hadapan.

KILANG KULITKRAF—JENTERA² TIDAK DI-PAKAI

14. Raja Nong Chik bin Raja Ishak bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar:

- (a) mengapa banyak jentera² yang di-beli untuk kilang Kulitkraf tersadai sahaja di-dalam kilang itu dan tidak di-pakai langsung beberapa lama;
- (b) ada-kah benar pekerja² kilang itu tidak bekerja berminggu² lama-nya kerana ketiadaan paku kasut dan lain² dan kilang itu terpaksa meminjam bahan² ini daripada kilang² kasut yang lain, dan jika benar, kenapa; dan

- (c) oleh kerana kilang kulitkraf dapat membuat kasut untuk polis dan tentera pada satu masa, mengapa sekarang ini ia tidak dapat memenuhi pesanan² daripada polis dan tentera dan sebalak-nya terpaksa menempah dari kilang² kasut yang lain pula.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba):

- (a) Memang ada jentera² yang di-beli tidak di-pakai.

Sebab²-nya :

- (i) Sa-tengah² dari jentera² yang tidak di-pakai itu, telah di-beli hanya untuk melateh pekerja² waktu pekerja² di-lateh di-Pusat Kemajuan Pertukangan Tangan MARA, Petaling Jaya.
 - (ii) Ada beberapa chara membuat kasut (different construction) dan tiap² satu jenis construction memerlukan jentera² khas untuk jenis construction itu. Kita perlu ada jentera² yang berbagai jenis untuk persediaan membuat kasut² yang berbagai jenis construction yang di-perlukan oleh membeli².
 - (iii) Ada jentera² yang telah di-beli mengikut nasehat² pakar kasut yang menasehat Kulitkraf yang tidak di-gunakan sekarang kerana, jentera² itu tidak di-perlukan sekarang kerana jenis² kasut yang di-buat sekarang tidak memerlukan jentera² itu. Jentera² ini akan di-jual.
- (b) Tidak benar pekerja² kilang tidak bekerja berminggu² kerana tiada paku atau barang lain². Jika tiada barang², pekerja² di-tugaskan membuat kerja² kasut yang lain.
- (i) Benar dalam tahun sudah kita mengalami kekurangan barang². Ini di-sebabkan oleh kelambatan menerima barang² yang di-pesan dari luar negeri. Apakala ini berlaku kita terpaksa pinjam dari kilang² kasut lain. Chara pinjam meminjam ia-lah chara biasa dilakukan oleh pengilang².
 - (ii) Satu lagi sebab ia-lah ada di-antara tawaran² yang di-perolehi yang mesti kita bekalkan dalam

tempoh yang singkat dan jika di-tunggu barang² dari luar negeri, akan melambatkan bekalan. Oleh itu kita pinjam atau beli dari mana² kedai atau kilang kasut yang ada barang² itu. Ada di-antara kilang² kasut yang juga menjadi agen menjual barang (components) yang kita perlukan.

- (c) Dalam tahun 1970 dan 1971 keupayaan mengeluarkan kasut terhad. Jentera² kasut hanya siap tiba dan di-pasang pada bulan Jun 1971. Oleh itu untuk memenuhi kontrek, dalam tahun sudah, kita ada memohon pertolongan kilang² kasut lain membuat beberapa operasi seperti menjahit dan membuat tapak dan membekal kasut juga. Tetapi kulit² kasut, dibekalkan oleh Kulitkraf sendiri. Ini juga menolong Kulitkraf menjual kulit² pengeluaran-nya.

Tahun 1972 ini pekerja² telah ter-lateh, dan pengalaman semakin baik, oleh itu dalam tahun ini semua kasut² Askar dan Tentera di-buat dan di-keluarkan oleh Kulitkraf sendiri dan tidak di-tempah di-kilang² lain.

PUSAT LATEHAN BELIA DUSUN TUA—BELIA DI-LATEH

15. Tuan Haji Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan sama ada Kementerian sedar bahawa beribu² orang belia telah mendaftar untuk memasoki pusat² latehan yang di-kelolakan oleh Kerajaan Pusat atau Kerajaan² Negeri dan jika ya, nyatakan langkah² yang di-ambil bagi mengatasi masaalah ini.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah): Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sa-sungguh-nya sedar bahawa ada beribu² orang belia (lebeh kurang 70,000) yang telah berdaftar untuk memasoki Pusat Latehan Belia Dusun Tua.

Langkah² yang telah di-ambil oleh Kementerian ini bagi mengatasi masaalah ini ia-lah membesarkan lagi Pusat Latehan Belia di-Dusun Tua bagi membolehkan lebeh ramai lagi belia² di-ambil berlateh. 10 buah bengkel tambahan di-jangka akan siap di-bena pada pertengahan tahun 1973. Ada-lah di-jangka hingga di-akhir tempoh masa Ranchangan

Malaysia Kedua (1975) sa-ramai kira² 3,000 orang belia akan di-beri latehan di-Angkatan Belia Pelupor Negara dan 12,000 orang belia pula di-Angkatan Pembena Negara.

Kementerian ini juga sedang mengambil langkah² untuk menghantar belia² ini berlateh di-tempat² lain seperti di-firma² tempatan bagi melateh mereka ini di-bidang² kemahiran tertentu.

KELAPA SAWIT DAN GETAH DI-RANCHANGAN L.K.T.P.—KERUGIAN

16. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) berapa ekar tanah kelapa sawit dan getah di-bawah ranchangan² L.K.T.P. yang telah di-musnahkan oleh ribut, banjir dan kebakaran; dan
- (b) sama ada kerugian ini di-tanggung oleh L.K.T.P. atau peserta² sendiri.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba:

- (a) Sa-hingga tarikh ini sa-banyak 1,141 ekar tanah di-ranchangan² L.K.T.P. telah di-musnahkan oleh ribut, banjir dan kebakaran. Kawasan 1,141 ekar ini terbahagi seperti berikut:

Luas Kawasan Terlibat		
Punca Kerosakan	Getah	Kelapa Sawit
Angin ...	446 ekar	76 ekar
Api ...	36 ekar	81 ekar
Banjir ...	35 ekar	467 ekar
	517 ekar	624 ekar

- (b) L.K.T.P. ada mempunyai peruntukan insuran bagi semua kawasan ladang peserta² dan kerugian² yang di-akibatkan oleh benchana² alam seperti angin, api dan banjir akan di-tanggung oleh peruntukan insuran ini.

GETAH PEKEBUN² KECHIL—TANAMAN SA-MULA

17. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) jumlah ekar tanah² pekebun² kechil getah yang di-tanam sa-mula di-bawah Kumpulan Wang B hingga sekarang dan jumlah ekar yang telah gagal;

(b) sebab² kekurangan pengeluaran susu getah yang tidak memenohi matlamat yang di-jangka sa-banyak 6,000 paun bagi sa-ekar; dan

(c) sebab² pokok² ini tidak subur sa-belum berumur 25 tahun.

Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud:

(a) Hingga 31-12-71 sa-jumlah 1,249,607½ ekar getah pekebun² kechil telah di-tanam sa-mula di-bawah Kumpulan Wang B. Tidak ada ranchangan tanam sa-mula yang telah di-laporkan sa-bagai gagal. Walau bagaimana pun ada sa-jumlah 40,000 ekar getah pekebun kechil, ia-itu lebeh kurang 3% kepada jumlah keluasan yang telah di-tanam sa-mula yang di-dapati kurang chukup jagaan.

(b) Pengeluaran susu getah sa-banyak 6,000 lbs. bagi satu ekar ada-lah satu angka, hasil daripada penyelidekan sains dan ini merupakan satu angka teoritical yang boleh di-chapai dalam keadaan "ideal". Hetong panjang pengeluaran susu getah bagi estet² di-Malaysia ada-lah sa-banyak 1,200 lbs. bagi sa-ekar dan 700 lbs. sa-ekar bagi pekebun² kechil.

Pengeluaran susu getah yang kurang di-satengah daerah² ada-lah di-sebabkan oleh:

- (i) beneh² tanaman yang di-gunakan tidak berapa baik;
 - (ii) kurang jagaan; dan
 - (iii) kurang penggunaan baja² yang baik.
- (c) Sebab² mengapa pokok² menjadi kurang baik sa-belum umur-nya sampai 25 tahun ada-lah:
- (i) kurang jagaan;
 - (ii) penyakit;
 - (iii) kurang baja;
 - (iv) menoreh pokok yang maseh muda;
 - (v) tanah yang kurang subur; dan
 - (vi) musnah akibat selalu berlaku-nya banjir.

TUNJOK PERASAAN PEKERJA² DERMAGA PORT KELANG— LANGKAH² MENYELESAIKAN

18. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menerangkan sebab² tunjok perasaan pekerja² dermaga di-Port Kelang dan nyatakan langkah² yang telah di-ambil untuk menyelesaikan pertikaian tersebut.

Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat (Tan Sri V. Manickavasagam): Tunjok perasaan yang baru² ini di-adakan oleh tukang panggah dan pekerja² wharf pelabuhan Kelang timbul dari kebuntuan, walau pun rundingan sa-chara langsung yang panjang telah di-adakan di-antara Kesatuan dengan pihak majikan mereka, berhubung dengan permintaan Kesatuan untuk kenaikan gaji. Walau bagaimana pun, dalam satu perjumpaan yang di-adakan di-Kementerian saya pada 9hb Mach, 1972, kedua² pihak telah di-minta kembali sa-mula ka-meja perundingan dan chuba lagi menyelesaikan perkara itu. Pegawai² kanan di-Kementerian saya juga telah di-tugaskan untuk memberi pertolongan kepada kedua² belah pihak di-mana perlu. Kedua² pihak itu di-beri masa sa-bulan untuk menyelesaikan pertikaian itu. Tetapi kedua² pihak gagal lagi untuk mencapai penyelesaian, walau pun telah mengadakan beberapa perjumpaan dan mendapat pertolongan dari Kementerian saya. Di-dalam keadaan yang demikian pertikaian tersebut telah di-hadapkan ka-Mahkamah Perusahaan pada 30hb Mach, 1972 untuk mendapatkan penyelesaian.

Mahkamah Perusahaan telah pun menetapkan pembicharaan pertikaian itu pada 26hb Jun hingga 14hb Julai, 1972.

HOSPITAL LADY TEMPLER— CHADANGAN DI-JADIKAN HOSPITAL BESAR

19. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pada waktu² tertentu Hospital Lady Templer hanya berisi sa-paroh sahaja dan jika sedar, nyatakan sama ada beliau akan bersetuju menukarkan Hospital Lady Templer menjadi Hospital Besar bagi menampung pesakit² dari bahagian selatan Kuala Lumpur.

Menteri Kesihatan (Tuan Lee Siok Yew): Ya, saya di-beritahu bahawa pada waktu² tertentu Hospital Lady Templer hanya berisi separoh sahaja. Saya bersetuju menukarkan Hospital itu menjadi Hospital Besar untuk menampung pesakit² dari bahagian Selatan Kuala Lumpur. Walau bagaimana pun, oleh kerana ia-nya sa-buah Hospital Persendirian, Juma'ah Pengurus Hospital Lady Templer mesti-lah bersetuju dengan chadangan itu.

BELIA² SARAWAK—LATEHAN MENJADI BELIA² PELUPOR NEGARA

20. Tuan Haji Awang Wal bin Awang Abu minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada beliau akan menerima belia² dari Sarawak untuk di-lateh menjadi Belia² Pelupor Negara.

Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah: Ada-lah menjadi dasar Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk mengambil belia² berlateh di-Pusat Latehan di-Dusun Tua melalui Kerajaan² Negeri yang menchalunkan mereka berasaskan kapada peluang pekerjaan yang ada di-negeri² tersebut. Dengan demikian jika sa-kira-nya Kerajaan Negeri Sarawak bersedia untuk berbuat demikian, maka Kementerian ini akan dapat menerima belia² dari negeri itu untuk berlateh di-Angkatan Belia Pelupor Negara.

PERKHIDMATAN PENERBANGAN MALAYSIA/SINGAPURA— RUNDINGAN

21. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad minta Menteri Perhubungan menyatakan sama ada sa-barang perundingan di-buat antara Malaysia dan Singapura sa-belum perpechahan M.S.A.; jika tidak, mengapa, dan jika ya, nyatakan sebab² pertikaian ini.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Pegawai² Malaysia, melalui Lembaga Pengarah dan lain² saluran, sentiasa mengadakan perundingan dengan pihak Singapura apabila sahaja timbul sa-suatu masalah berkenaan dengan pengurus Sharikat Penerbangan Malaysia—Singapura itu. Tetapi sa-telah sharikat ini berjalan beberapa tahun, maka di-dapati bahawa kepentingan dan fahaman kedua² Kerajaan

ada-lah berlainan; dan perbezaan ini tidak dapat di-damaikan (reconcile) melainkan jika sharikat M.S.A. di-rombak. Oleh sebab ini maka ketetapan telah di-ambil untuk mengadakan kajian supaya di-aleh bentuk sharikat ini dengan tujuan matlamat hendak menubuhkan Sharikat Penerbangan Kebangsaan masing².

PENGIKLANAN MAS DI-DALAM MAJALLAH

22. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad minta Menteri Perhubungan menyatakan ada-kah beliau sedar tentang iklan MAS baru² ini di-mana gambar Pengurus Besar-nya di-iklankan di-dalam Majallah Time dan lain² majallah, dan bukan mengiklankan MAS, dan jika ya, apa-kah tindakan yang telah di-ambil untuk mengelakkan kejadian sa-umpama ini daripada berlaku lagi pada masa hadapan.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya sedar tentang iklan itu yang bertujuan mengiklankan MAS dan bukan Pengurus Besar-nya. Reka bentuk iklan itu bukan-lah terbit dari arahan Pengurus Besar MAS tetapi ia-lah rekaan firma pengiklan yang pakar dalam lapangan-nya dan yang di-ambil dan di-tugas bagi mengiklankan MAS di-dunia. Firma pengiklan berpendapat bahawa rupa bentuk itu ada-lah satu dari chara² yang berkesan bagi mengenal MAS kepada dunia. Sharikat Penerbangan Pan-Am dan Braniff di-Amerika Sharikat ada juga membuat pengiklan yang berupa bentuk seperti iklan MAS yang di-sebut. Ada-lah lebih baik membiarkan chara² iklan itu kepada pakar-nya yang mahir.

KENAIKAN HARGA BARANG² KEPERLUAN

23. Tuan Edwin anak Tangkun minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa harga sa-tengah² barang² keperluan telah di-naikkan sunggoh pun barang² itu di-kechualikan daripada Chukai Jualan; dan
- (b) langkah² yang akan di-ambil oleh Kerajaan untuk menyetabilkan harga.

Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin): Saya di-beritahu bahawa sa-hingga ini belum

ada bukti menunjukkan kenaikan harga² barang² keperluan yang di-kechualikan daripada chukai jualan.

Mengenai bahagian kedua soalan itu, ingin saya menyatakan bahawa pihak Kerajaan tidak menguat-kuasakan kawalan (control) harga dan oleh yang demikian soal penyetabilan harga tidak-lah berbangkit. Kerajaan hanya menyemak (check) harga barang² penggunaan dan bahan² pembinaan dan mengambil langkah² sesuai untuk menjamin bekalan barang² dan bahan² itu ada-lah menchukopi supaya mengelakkan daripada kenaikan² harga yang tidak berpatutan. Kuatkuasa-nya kad² tanda harga bagi barang² keperluan di-peringkat ronchit dan perlu-nya bagi pengeluar² memperolehi kebenaran sebelum apa² perubahan harga di-kuatkuasakan ada-lah dua chara lagi bagi mengawal (check) kenaikan harga barang².

LANGKAH² MEMENOHI KEHENDAK² PEKERJAAN DI-SARAWAK

24. Tuan Edmund Langgu anak Saga minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan langkah² yang sedang di-ambil untuk memenohi kehendak² pekerjaan yang kian bertambah terutama di-Sarawak.

Tan Sri V. Manickavasagam: Kementerian Buroh dan Tenaga Ra'ayat melaksanakan ranchangan latihan perusahaan di-Institute Latihan Perusahaan, Kuala Lumpur untuk melengkapi tenaga buroh di-negara ini dengan kemahiran dan mobiliti pekerjaan yang diperlukan untuk memenohi keperluan perusahaan yang sentiasa bertambah.

Dalam kursus persediaan tukang, di-masa ini di-jalankan di-Institute Latihan Perusahaan, Kuala Lumpur, Jabatan Tenaga Ra'ayat telah mengkhaskan 10 tempat untuk chalun² dari Sarawak.

Kursus ini akan di-jalankan juga pada 10-7-72.

Kementerian saya di-masa ini memikirkan kemungkinan yang ada untuk memperluaskan Ranchangan Keperantiran Kebangsaan ka-Sarawak.

Kami juga telah membuka dua Pejabat Pekerjaan di-Sarawak pada 1-1-72. Pejabat

ini di-tempatkan di-Miri dan Sibü untuk membantu penchari² kerja dalam mencari pekerjaan.

Kajian tenaga buroh untuk menilai kedudukan pekerjaan dan pengangguran di-bandar utama akan di-jalankan sa-chepat mungkin.

PERHUBONGAN BAHAGIAN KELIMA MELALUI JALAN RAYA

25. Tuan Awang Bungsu bin Abdullah minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan bila-kah Bahagian Kelima di-Sarawak akan di-hubongi dengan lain² Bahagian di-Sarawak dengan jalan.

Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Dato' Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, jalan yang panjang-nya kira² 90 batu untuk menyambungkan Bahagian Kelima dengan Bahagian² lain di-Sarawak boleh juga di-bena melalui kawasan yang berbukit-bukau. Ada-lah di-anggarkan bahawa projek jalan ini akan menelan belanja kira² \$22 juta. Memandangkan harga projek ini ada-lah tinggi, kajian² ekonomi hendak-lah di-jalankan supaya ia dapat di-tentukan ada-kah mendatangkan faedah kepada negara khususnya Sarawak pada masa ini. Oleh yang demikian sukar-lah bagi saya pada waktu ini memberitahu Ahli Yang Berhormat bila-kah yang jalan ini akan dapat di-bena. Saya suka memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa Bahagian Kelima itu dapat juga di-hubungkan dengan negeri Sabah melalui jalan raya Lawas/Merapok/Sirdumin yang akan di-bena dalam tahun 1973.

JURURAWAT PERGIGIAN DI-LUAR² BANDAR—MENAMBAHKAN BILANGAN

26. Tuan Luhät Wan minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau akan menimbang menempatkan ramai lagi jururawat² pergigian di-kawasan² luar bandar, terutama sa-kali di-Sarawak.

Tuan Lee Siok Yew: Ya, apabila lebeh ramai lagi jururawat² pergigian di-perolehi.

PERKHIDMATAN DOKTOR² BER-KAPAL-TERBANG—MENUBOHKAN

27. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong minta Menteri Kesihatan menyatakan sa-takat mana-kah Kerajaan Pusat akan membantu menubuhkan Perkhidmatan² Doktor² Berkapal-terbang di-Sarawak.

Tuan Lee Siok Yew: Kerajaan Pusat belum lagi menimbang akan penubuhan Perkhidmatan² Doktor² berkapal-terbang.

ULU RIMBAS/ULU PAKU—RANCHANGAN² PEMBANGUNAN

28. Tuan Andrew Mara anak Walter Unjah minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada beliau akan memulakan suatu kajian ekonomi pertanian untuk mengetahui sesuai tidak-nya di-mulakan ranchangan² pembangunan di-antara Ulu Rimbass dan Ulu Paku dan di-kawasan² Rendah Saribas dalam Daerah Saribas, Sarawak.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Kajian ekonomi pertanian bagi satu² kawasan pertanian lazim-nya di-jalankan oleh ejensi² Kerajaan Negeri, ia-itu sa-telah di-binchang dan di-luluskan oleh Jawatankuasa Pembangunan Negeri. Sekira-nya satu kajian Kemungkinan di-perlukan bagi suatu kawasan yang luas, maka Kerajaan Negeri boleh meminta Kerajaan Pusat membantu membuat kajian tersebut.

PERKHIDMATAN POS DALAM BULAN PUASA—POSMAN²

29. Tuan V. Veerappen minta Menteri Perhubungan menyatakan sama ada beliau sedar yang posman² yang beragama Islam tidak di-beri kelepasan pada bulan puasa seperti pekerja² lain di-lain² pejabat.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Di-dalam bulan Puasa posman² yang beragama Islam habis bekerja lebeh awal daripada waktu kerja biasa. Mereka boleh pulang sa-baik sahaja mereka menghabiskan penyerahan² mereka di-sabelah pagi. Dalam bulan puasa penyerahan² di-buat sa-belah pagi sahaja. Oleh kerana perkhidmatan pos ada-lah suatu perkhidmatan yang penting dan

juga memandangkan kepada bentuk kerja² yang di-jalankan oleh posman² tidak-lah mungkin untuk melepaskan mereka pulang pada waktu² yang tetap. Mengikut keadaan di-satu² pejabat itu, peruntukan di-buat untuk membenarkan posman² yang beragama Islam pulang lebeh awal daripada biasa di-dalam bulan Puasa tetapi di-samping itu pula pertimbangan juga di-beri untuk menentukan supaya perkhidmatan penyerahan yang memuaskan seperti yang di-harapkan oleh orang awam tidak akan terjejas.

PEMBAYARAN ELAUN LEBEH MASA PEKERJA² DI-PEJABAT POS

30. Tuan V. Veerappen minta Menteri Perhubungan menyatakan sama ada pekerja² di-pejabat pos di-bayar elaun lebeh masa kalau mereka berkhidmat sa-penoh hari pada hari Sabtu.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Pegawai² Kerani Pos bekerja 42 jam dalam sa-minggu dan posman² bekerja 48 jam dalam sa-minggu. Mereka layak menerima bayaran lebeh masa jika mereka bekerja lebeh daripada had² tempohan kerja itu dalam sa-minggu. Mereka tidak di-bayar bayaran lebeh masa berhubung dengan pekerjaan sa-penoh hari pada hari² Sabtu oleh kerana mengikut sharat² perkhidmatan mereka bekerja kerana ini ada-lah menjadi sa-bahagian daripada waktu kerja biasa mereka.

RUMAH² BUROH BAGI PEKERJA² KERETAPI—MERUNTOHKAN

31. Tuan V. Veerappen minta Menteri Perhubungan menyatakan sama ada beliau mempunyai ranchangan hendak meruntohkan rumah² buroh bagi pekerja² keretapi dan mendirikan sa-mula rumah baru untuk mereka kerana mereka sekarang dalam rumah² kechil tanpa bekalan letrik atau ayer.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Pentadbiran Keretapi ada ranchangan untuk menggantikan rumah² buroh ini dengan rumah² yang lebeh selesa dan moden. Pembinaan bagi dua belok rumah pangsa di-Bukit Bangsar sedang di-jalankan untuk mengganti rumah² lama kelas XI di-Jalan Bangsar dan di-jangka akan siap dalam bulan Ogos 1972 ini. Ranchangan juga sedang di-ator bagi membena dua buah belok lagi rumah pangsa di-Bukit Bangsar,

satu belok di-Sentul dan satu belok di-Ipoh. Bahkan Pentadbiran Keretapi dalam ranchangan perumahan-nya bertujuan membena banyak lagi rumah² pangsa di-seluruh rangkaian keretapi di-masa hadapan dari masa ka-samasa mengikut kedudukan kewangan keretapi.

KELEMAHAN PENTADBIRAN MAJLIS TEMPATAN DI-MALAYSIA BARAT—LANGKAH² MENGATASI

32. Tuan Lee Seck Fun bertanya kepada Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan ada-kah beliau sedar bahawa pentadbiran kebanyakan majlis² tempatan di-satengah² negeri di-Malaysia Barat ada-lah lemah dan jika sedar, apa-kah tindakan yang telah di-ambil untuk membetulkan keadaan ini.

Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Ong Kee Hui): Kerajaan² Negeri, yang di-bawah Perlembagaan ada-lah bertanggung-jawab di-atas Kerajaan Tempatan, telah dan sedang pun mengambil tindakan sewajar-nya, bilamana di-anggap perlu, supaya membolehkan Majlis² Tempatan berjalan dengan lebeh cekap dan berkesan lagi. Sa-balik-nya, perbaiki yang agak ternyata (substantial) bukan sahaja di-dalam pentadbiran Majlis Tempatan tetapi juga di-dalam pentadbiran penguasa² tempatan yang lain, hanya boleh di-chapai melalui penyusunan sa-mula Penguasa² Tempatan yang pada masa sekarang sedang di-pertimbangkan oleh Kerajaan Negeri.

PEMERASAN PEKERJAAN TERHADAP PEKERJA² KEDAI

33. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan sama ada ia sedar bahawa berpuluh² ribu pekerja yang bekerja di-kedai² gunting dan kedai² mengerinting rambut sedang di-peras dengan di-suruh bekerja dalam masa yang panjang di-bayar gaji yang rendah dan sharat² pekerjaan yang tidak memuaskan; dan nyatakan apa-kah langkah² yang akan di-ambil oleh Kementerian-nya untuk membaiki kedudukan ini.

34. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan sama ada ia sedar bahawa berpuluh² ribu pekerja

yang bekerja di-kedai² kain-baju dan empori² sedang di-peras dengan di-suruh bekerja dalam masa yang panjang di-bayar gaji yang rendah dan syarat² pekerjaan yang tidak memuaskan; dan menyatakan apa-kah langkah² yang akan di-ambil oleh Kementerian-nya untuk memperbaiki keadaan ini.

Tan Sri V. Manickavasagam: Pekerja² kedai, termasuk-lah mereka² yang di-nyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dalam kedua² soalan, dalam 26 bandar utama telah dilindungi oleh Perintah Peratoran Gaji (Pembantu Kedai) 1970. Perintah ini menentukan gaji minima terkanun. Lapan jam kerja biasa sa-hari dan hari kelepasan umum yang di-gezetkan, chuti tahunan dan chuti sakit bergaji merupakan di-antara perbekalan² perlindungan yang di-nyatakan dalam Ordinan Pekerjaan 1955.

Pekerja² tidak boleh di-paksa bekerja lebih daripada masa 8 jam sa-hari, walaupun mereka bersetuju untuk membuat kerja lebih masa paling banyak sa-lama 32 jam saminggu. Mereka ada-lah berhak untuk mendapatkan gaji lebih masa tidak kurang dari satu sa-tengah kali ganda sa-bagai mana yang di-tentukan oleh Ordinan Pekerjaan. Keadaan perniagaan mungkin memerlukan masa kerja yang lama untuk keperluan² pengguna. Saya fikir tidak begitu adil untuk menchampioni hal ini.

Masalah memperluaskan bidang Perintah Peratoran Gaji (Pembantu² Kedai) 1970 untuk meliputi pembantu² di-lain² bandar sedang di-fikirkan oleh Kementerian saya.

"TOTAL IMMERSION METHOD"— PENGUNAAN DI-SEKOLAH²

35. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pelajaran menyatakan butir² kajian bahasa Inggeris "total immersion method" di-Sekolah² Menengah Kebangsaan dan namakan sekolah² yang menggunakan sistem ini.

Menteri Pelajaran (Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tidak ada apa yang di-katakan "total immersion method" itu di-amalkan di-sekolah².

TANAMAN² MODAL SWASTA DAN MODAL ASING—JUMLAH

36. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah:

(a) tanaman modal swasta; dan

(b) tanaman modal asing di-Malaysia pada tahun 1971.

Tun Tan Siew Sin:

- (a) Jumlah wang yang di-tanam modalan oleh kalangan swasta dalam perusahaan² perintis dalam tahun 1971 ia-lah lebih kurang \$101.9 juta.
- (b) Jumlah tanaman modal asing yang di-tanam modalan dalam perusahaan² perintis dalam tahun 1971 ia-lah lebih kurang \$46.4 juta.

JAWATAN-KUASA KHAS MENILAI KEDUDOKAN GETAH—LAPORAN

37. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau akan memberi suatu laporan yang di-buat oleh jawatankuasa khas yang telah di-tubuhkan untuk menilai kedudukan getah dan menchari langkah² radikal untuk meninggikan harga getah.

Tun Tan Siew Sin: Sa-bagaimana yang telah saya nyatakan dahulu, Jawatankuasa Khas yang di-tubuhkan dalam Jabatan Perdana Menteri akan mengemukakan satu laporan dalam masa lebih kurang satu bulan daripada sekarang.

PROJEK JALAN RAYA PANTAI TIMOR/BARAT—PENGAMBILAN KAKI-TANGAN

38. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan sama ada Kementerian-nya telah dapat mengatasi kesulitan di-dalam pengambilan kaki-tangan² yang sesuai untuk menyiapkan projek Jalan Raya Pantai Timor/Pantai Barat di-Malaysia Barat sa-belum tahun 1976.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Suka saya menyatakan bahawa pihak Kementerian tidak menghadapi sebarang kesulitan untuk melaksanakan projek ini supaya dapat di-siapkan seperti yang di-jadualkan ia-itu tahun 1976. Pihak Kementerian ini juga tiada menghadapi sebarang kesulitan dalam pengambilan kaki-tangan² yang sesuai sa-bagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

KILANG PENAPIS MINYAK DI- LUMUT—MENUBOHKAN

39. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada terdapat chadangan² untuk menubuhkan

kilang penapis minyak di-Lumut, dan jika ya, beri butir² yang lebih lanjut.

Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud: Satu permohonan bagi menubuhkan kilang penapis minyak di-Lumut telah di-terima oleh Kerajaan dan projek ini sedang di-selideki.

RANCHANGAN TALIAYER DI-JOHOR BARAT—KERJA² PEMBENAAN

40. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan sama ada kerja² pembenaan Ranchangan Taliayer di-Johor Barat telah di-mulakan, dan jika sudah, nyatakan jumlah wang yang telah di-untukkan bagi Ranchangan ini dan bila-kah ranchangan ini akan siap.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Kerja² pembenaan bagi Ranchangan Johor Barat belum di-mulakan. Kerajaan sedang menjalankan kajian atas kemungkinan mendapatkan wang pinjaman daripada luar negeri untuk melaksanakan ranchangan itu.

HOSPITAL² DAERAH MENJADI RUMAH SAKIT UMUM—MENINGGIKAN TARAF

41. Tuan Chan Fu King minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau mempunyai ranchangan² untuk meninggikan taraf Hospital Daerah Telok Anson ka-taraf Hospital Besar; dan jika tidak, mengapa.

Tuan Lee Siok Yew: Tidak ada lagi ranchangan untuk meninggikan taraf Hospital Daerah Telok Anson ka-taraf Rumah Sakit Umum. Kementerian saya sedang mengkaji pembentokan dan taraf beberapa buah yayasan² rawatan perubatan di-negara ini. Apabila kajian ini selesai, dapat-lah di-tafsirkan taraf hospital² daerah.

TUNTUTAN PEKERJA² SEREMBAN TOWN BUS SERVICE—KEPUTUSAN

42. Dr A. Soorian minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan apa-kah keputusan tuntutan kes kerja lebih masa yang telah di-ambil oleh Kementerian beliau pada tahun 1970, ia-itu tuntutan² pekerja Seremban Town Bus Service.

Tan Sri V. Manickavasagam: Pekerja² yang berkenaan telah di-nasihatkan untuk mengemukakan tuntutan yang rasmi menge-

naï kerja lebih masa, kalau ada, kepada Mahkamah Buroh. Sa-takat ini hanya sa-orang sahaja pekerja yang telah berbuat begitu dan pendengaran kes ini telah ditangguhkan menunggu keputusan Mahkamah Tinggi Rayuan mengenai kes buroh di-atas tuntutan yang sama.

PEMBAYARAN GAJI PEKERJA² LADANG SA-CHARA KONTREK

43. Dr A. Soorian minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan sama ada beliau sedar yang pekerja² ladang sa-chara kontrek di-bayar gaji yang rendah seperti \$1 ka \$2 sa-hari dan jika ya, apa-kah langkah² yang telah atau yang akan di-ambil oleh Kementerian beliau untuk melindungi pekerja² ini.

Tan Sri V. Manickavasagam: Saya anggap bahawa Ahli Yang Berhormat itu merujuk kepada pekerja² ladang seperti penoreh getah yang mana gaji mereka ada-lah atas dasar bagi-dua dan tergantung kepada banyak-nya getah yang di-toreh. Oleh itu gaji mereka mungkin tinggi atau rendah bergantung kepada banyak-nya kerja yang di-buat. Sudah tentu tingkat² gaji ada-lah berubah mengikut harga getah, tetapi faktor yang penting ia-lah bagaimana kuat-nya pekerja itu sedia bekerja untuk mendapatkan lebih banyak gaji. Soal untuk melindungi pekerja² yang demikian tidak timbul.

KAJIAN PENGANGKUTAN KUALA LUMPUR—LAPORAN

44. Tuan Goh Hock Guan minta Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) apa-kah yang telah berlaku kepada Kajian Pengangkutan Kuala Lumpur yang telah di-buat enam tahun dahulu;
- (b) kenapa-kah Kajian tersebut tidak di-umumkan kepada pihak awam;
- (c) bila-kah ia-nya akan di-umumkan;
- (d) apa-kah shor² utama kajian tersebut;
- (e) sama ada di-antara shor² itu yang telah di-laksanakan; dan
- (f) si-apa-kah perunding²-nya dan berapa banyak-kah wang awam telah di-bayar kepada mereka.

Dato' Ong Kee Hui:

1. Kebanyakan daripada perakuan² bagi laporan berkenaan Kajian Pengangkutan Kuala Lumpur telah di-masokkan ka-dalam pelan Pembangunan Lengkap Kuala Lumpur.
2. Kajian itu tidak di-umumkan kepada orang ramai oleh kerana sa-tengah daripada perakuan² bagi kajian tersebut ada-lah menyentoh taksiran atas harta².
3. Perakuan utama kajian tersebut ada di-tunjokkan dalam pelan Pembangunan Lengkap Kuala Lumpur yang telah di-gezetkan.
4. Pembaikan² segera saperti yang di-perakukan, sa-umpama pembaikan kepada simpang², meluaskan jalan² kepada jalan² yang ada sekarang dari Pusat Bandar ada-lah sedang di-laksanakan.
5. Perunding² yang berkenaan ia-lah Tetuan R. Crooks, Michell & Peacock and Tippetts-Abbott-McCarthy-Stratton dan perbelanjaan-nya ia-lah \$650,000.

LAPORAN DAN PELAN INDOK ANTOLIC—PENGUMUMAN

45. Tuan Goh Hock Guan minta Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) apa-kah yang telah berlaku kepada Laporan dan Pelan Indok Antolic (Antolic Report and Master Plan) yang telah di-sediakan oleh pakar² Antolic Bangsa² Bersatu untuk Kuala Lumpur dan Lembah Kelang;
- (b) mengapa-kah Laporan tersebut tidak di-umumkan dan bila-kah ia-nya akan di-umumkan; dan
- (c) apa-kah shor² Laporan Antolic yang telah di-laksanakan di-Kuala Lumpur dan Lembah Kelang.

Dato' Ong Kee Hui: Soalan bertulis yang sama daripada Ahli Yang Berhormat dari Bungsar telah pun di-kemukakan dan di-jawab pada persidangan pertama di-Dewan Ra'ayat, dalam tahun 1971.

Penasihat Peranchang Bangsa² Bersatu, Enche' V. Antolic berada di-Malaya dari 1959-1961. Pada hujung tempoh itu beliau mengemukakan satu laporan deraf yang

di-edarkan kepada Jabatan Perdana Menteri, Kementerian dan Jabatan Peranchang Bandar dan Kampong untuk kajian.

Sa-lain dari tidak lengkap, laporan itu juga mengandongi beberapa chadangan yang kontroversial, umpama-nya:

- (i) Ia akan melibatkan Kerajaan mengeluarkan perbelanjaan yang banyak yang mana ia tidak mampu, dan chadangan² lain hendak-lah di-pertimbangkan.
- (ii) Ia akan membangkitkan purak-peranda di-kalangan orang awam yang mana akan melibatkan harta-benda mereka dengan terok.
- (iii) Ia akan menyebabkan berlaku-nya spekulasi yang meluas di-kawasan² yang di-chadangkan untuk pembangunan baru itu.

Laporan itu di-anggap tidak sesuai untuk penerbitan.

Kandongan² teknik Laporan Antolic semenjak itu telah di-semak, di-tambah dan di-kemaskinikan mengikut perangkaan² dan analisa² yang terbaru, dan satu panduan mengandongi chadangan² mengenai pembangunan telah di-sekutukan untuk implimantasi bagi Persekutuan dan Kerajaan² Negeri.

KAJIAN LEMBAH KELANG— MEMULAKAN PEKERJAAN

46. Tuan Goh Hock Guan minta Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) bila-kah perunding² baru untuk Kajian Lembah Kelang akan memulakan pekerjaan-nya;
- (b) bila-kah Laporan tersebut akan siap;
- (c) bila-kah ia-nya akan di-kemukakan ka-Parlimen;
- (d) siapa-kah perunding²-nya; dan
- (e) pehak berkuasa yang berkenaan.

Dato' Ong Kee Hui: Pakar² Perunding bagi Kajian Lembah Kelang telah pun memulakan kerja²-nya pada awal bulan Januari tahun ini. Satu laporan yang berupa deraf akan di-sediakan pada penghujung tahun ini. Laporan ini tidak akan di-hantarkan ka-Parlimen. Perunding² itu ia-lah Messrs. Shankland Cox & Associate daripada United Kingdom.

Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Kerajaan Negeri Selangor ada-lah bertanggung-jawab mengenai co-ordinasi projek ini.

JAWATAN² DALAM ANGKATAN TENTERA YANG TIDAK DI-PENOHI

47. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pertahanan menyatakan mengapa beberapa jawatan di-dalam Angkatan Tentera yang di-adakan untuk tahun 1971 telah tidak di-penuhi dalam tahun itu; jika ya, nyatakan kedudukan jawatan² ini sekarang dan jumlah wang yang akan terlibat setiap tahun sa-kira-nya semua jawatan² ini di-penuhi.

Perdana Menteri: Tidak ada jawatan² dalam Angkatan Tentera yang di-peruntukkan dalam tahun 1971 tidak di-penuhi dalam tahun itu. Ada beberapa jawatan itu telah tinggal kosong buat beberapa waktu tetapi telah di-penuhi dalam tahun itu juga sa-telah anggota² yang sesuai untuk jawatan itu selesai menjalani kursus² latihan mereka.

PEMBAYARAN TUNGGAKAN GAJI ANGGOTA ANGKATAN TENTERA—KEDUDOKAN

48. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) kedudukan pembayaran tunggakan yang terbit dari ulangkaji gaji² anggota Angkatan Tentera yang sa-patut-nya di-buat dalam tahun 1971; dan
- (b) tarikh bila pembayaran tunggakan akan di-buat dan jumlah wang yang akan terlibat.

Perdana Menteri:

- (a) semua tunggakan gaji yang terbit dari ulangkaji gaji anggota² Angkatan Tentera pada tahun 1968 itu telah pun di-bayar dalam tahun 1969.
- (b) Jawapan kepada soalan (b) tidak timbul.

PENGECUALIAN MENGGISI BORANG TERHADAP RA'AYAT SINGAPURA KA-MALAYSIA

49. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sebab-nya mengapa ra'ayat

Singapura yang hendak masuk ka-Malaysia melalui Tambak Johor di-kecualikan dari mengisi borang² khas di-masa² yang tertentu dan sama ada Kerajaan Singapura juga berbuat demikian bagi ra'ayat kita.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Peratoran ini di-buat oleh kerana mengelakkan kesesakan kenderaan² yang datang dari Singapura ka-Johor Bahru. Ada-lah di-dapati pada hari² yang tertentu ia-itu hari Sabtu, Ahad dan hari kelepasan 'am Persekutuan, bilangan warga-negara Singapura yang masuk ka-Johor Bahru ada-lah ramai daripada hari² lain dan ramai daripada mereka datang kerana melanchong atau pun berkelah dan balek pada hari yang sama. Kedatangan mereka ini adalah di-galakkan kerana memberi keuntungan kepada peniaga² di-negeri Johor. Memandangkan hal itu pemegang² paspot Singapura yang datang menaiki kereta pada hari dan waktu yang tertentu di-beri kemudahan tidak mengisi borang jika mereka akan balek pada hari yang sama. Sungguh pun mereka ini di-kecualikan daripada mengisi borang² itu tetapi kawalan yang ketat di-buat untuk menentukan mereka tidak tinggal di-negeri ini lebih lama daripada masa yang di-tentukan.

Tentang soalan sama ada Kerajaan Singapura juga berbuat demikian kepada ra'ayat kita, ada-lah di-nyatakan bahawa warga-negara Malaysia pada masa sekarang tidak di-kehendaki mengisi borang untuk masuk ka-Singapura melalui Tambak Johor.

MELARANG PENAYANGAN FILEM² UNTUK ORANG² DEWASA

50. Tuan Hor Cheok Foon minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah beliau akan menimbang melarang penayangan filem² yang bertanda untuk orang² dewasa sahaja di-negara kita bagi mengelakkan kebudayaan kuning meresap dan merachuni fikiran dan kesusilaan belia² kita.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Sekshen 9A (1) "Cinematograph Films Ordinance, 1952" memberi kuasa kepada Lembaga Penapis Filem dengan persetujuan yang Amat Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri membuat "Classification" terhadap filem² yang di-benarkan untuk tayangan orang ramai. Berpanduan kepada kehendak²

Sekshen ini maka saya telah memberi persetujuan kepada Pengerusi, Lembaga Penapis Filem membuat dua "Classification" kepada filem² yang di-benarkan untuk di-tayang kepada orang² ramai. Kedua² 'Classification' itu ada-lah seperti berikut:

- (i) Jenis pertama ia-lah filem² yang akan di-luluskan untuk di-tonton oleh orang² ramai dengan tidak mengira apa jua umur penonton² itu. Untuk filem jenis ini satu 'Certificate' puteh akan di-keluarkan oleh Lembaga Penapis Filem;
- (ii) Jenis kedua ia-lah filem² yang di-luluskan untuk di-tonton oleh orang² dewasa sahaja. Perkataan "dewasa" didalam "context" ini ia-lah bererti penonton² yang berumur 18 tahun keatas. Satu "Certificate" merah jambu yang mempunyai tanda untuk orang² dewasa sahaja akan di-keluarkan oleh Lembaga Penapis Filem apabila membenarkan tayangan filem² jenis ini.

Suka juga saya menyatakan di-sini bahawa filem² yang di-hadkan untuk tuntonan orang² dewasa ini ada-lah di-tapis juga oleh Lembaga Penapis Filem dan adegan² yang melampau tidak-lah di-benarkan untuk di-tayangkan kepada orang ramai. Adegan yang berchorak 'Yellow Culture' sudah memang tidak di-benarkan untuk di-pertunjukkan kepada orang ramai.

Oleh kerana ada "safeguard²" yang tertentu oleh pihak² berkuasa maka saya tidak berchadang hendak mengubah persetujuan yang telah saya beri terhadap penayangan filem² yang di-kelaskan untuk tuntonan orang² dewasa sahaja.

LESEN² SENJATAPI—BILANGAN

51. Tuan Hor Cheok Foon minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bagi tempoh 13hb Mei, 1969 hingga Mei, 1972:

- (a) bilangan lesen² senjapati yang di-keluarkan kepada Ahli² Parlimen dan Ahli² Dewan Negeri; dan
- (b) bilangan permohonan² lesen² senjapati dari Ahli² Parlimen dan Ahli² Dewan Negeri yang di-tolak dan mengapa di-tolak.

Tun Dr Ismail Al-Haj:

- (a) 202 laras,

- (b) 12 permohonan,

Bukan-lah menjadi amalan Kementerian ini untuk memberitahu sebab permohonan² ini di-tolak demi menjaga kepentingan keselamatan awam dan maruah orang² yang berkenaan itu.

"THE AFRO-ASIAN TABLE TENNIS TOURNAMENT"—KEBENARAN PENAYANGAN

52. Tuan Hor Cheok Foon minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah Kerajaan akan membenarkan penayangan sa-buah filem mengenai lawatan pasukan permainan ping-pong kita ka-Republik Ra'ayat China, dan jika tidak, mengapa.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Filem bertajok "The Afro-Asian Table Tennis Tournament" yang juga menunjukkan adegan² lawatan pasukan ping-pong Malaysia ka-Republik Ra'ayat China telah di-tapis oleh Lembaga Penapis Filem dan Lembaga itu telah bersetuju untuk membenarkan tayangan filem ini kepada orang ramai.

PERENTAH BERKURONG DI-DAERAH ULU KINTA—PENAREKAN KEMBALI

53. Tuan Chan Yoon Onn minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilakah perentah berkurong yang di-kenakan di-Daerah Ulu Kinta akan di-tarek kembali kerana penduduk² di-daerah ini tiada dapat menjalankan urusan harian mereka.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Bukan semua kawasan dalam Daerah Ulu Kinta di-kenakan perentah berkurong. Hanya kawasan² Utara daerah itu telah di-kenakan perentah berkurong sa-masa Gerakan Setia di-lancarkan pada 25hb September, 1971. Waktu berkurong pada mula-nya ia-lah 24 jam tetapi sekarang di-kenakan hanya dari-pada pukul 1.00 pagi hingga 4.00 pagi. Pertimbangan akan di-beri untuk menarek balek perentah berkurong sa-baik sahaja keadaan keselamatan di-kawasan tersebut ada-lah memuaskan.

BANDUAN² LEPAS LARI DARI PENJARA—BILANGAN

54. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa ramai-kah banduan² yang lepas lari dari penjara² di-seluruh Malaysia sejak Januari 1969; dan
- (b) nyatakan sebab²-nya banduan² itu dapat melepaskan diri.

Tun Dr Ismail Al-Haj:

- (a) Sejak bulan Januari tahun 1969 sa-ramai 24 orang banduan telah lari dari penjara² di-Malaysia. 22 daripada mereka itu telah dapat di-tangkap sa-mula.
- (b) Banduan² itu dapat melepaskan diri ia-lah kerana kechuaian atau kelalaian pegawai² yang menjaga mereka. Tindakan Mahkamah atau tata-tertib telah di-ambil terhadap mereka² yang terlibat.

LAWATAN BAGINDA QUEEN ELIZABETH II KA-MALAYSIA

55. Tuan Su Liang Yu minta Perdana Menteri menyatakan mengapa Ahli² Parlimen tidak di-beritahu mengenai Lawatan Baginda Queen Elizabeth II ka-Malaysia dan mengapa Ahli² Parlimen dari Negeri Perak tidak pun di-jemput ka-Majlis rasmi berkaitan dengan lawatan itu. Nyatakan juga mengapa suatu jadual lawatan tiada di-buat untuk Baginda melawat Negeri Perak yang menjadi salah satu kawasan penghasil bijeh timah yang terbesar dalam dunia ini.

Perdana Menteri: Pada kelaziman-nya Yang Berhormat Ahli² Parlimen tidak-lah di-beri tahu dengan rasmi tentang lawatan Ketua² Negara asing. Walau bagaimana pun, satu kenyataan akhbar kerajaan telah di-umumkan pada 22hb September, 1971 mengenai lawatan ini dan saya perchaya Yang Berhormat Ahli² Parlimen telah membaca-nya.

Yang Berhormat Ahli² Parlimen ada-lah di-jemput ka-perayaan² yang tertentu di-Kuala Lumpur berkaitan dengan Lawatan² Negara, tetapi jemputan itu ada-lah terhad kepada mereka yang tinggal di-Kuala

Lumpur. Mereka yang tinggal di-luar Ibu Kota tidak di-jemput supaya tidak menyusahkan mereka.

Atorchara Lawatan Negara Seri Paduka Baginda Queen Elizabeth II telah di-buat mengikut keputusan perundingan² dan persetujuan² di-antara dua pihak. Jangka lawatan itu agak pendek dan oleh itu hanya beberapa buah negeri di-Malaysia telah terpilih untuk lawatan Baginda itu. Pemilihan negeri² itu ada-lah dengan persetujuan pihak British yang menyampaikan hasrat Baginda untuk melihat keadaan² tempatan pada keseluruhan-nya.

PEGAWAI² KERAJAAN BERAMPUT PANJANG—TINDAKAN

56. Tuan Su Liang Yu minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ramai pegawai² Kerajaan berambut panjang seperti "hippies" dan jika sedar, apa tindakan² yang akan di-ambil supaya pegawai² tersebut berambut pendek.

Perdana Menteri: Saya fikir tidak mustahak bagi Kerajaan mengenakan apa² peraturan tertentu mengenai chara² sa-saorang pegawai Kerajaan menyimpan rambut-nya. Yang lebeh mustahak ia-lah sa-saorang pegawai Kerajaan itu menjaga kesihatan-nya, dan senantiasia mempunyai sifat² keperibadian yang baik, jujur dan chekap menjalankan segala tugas²-nya.

BANTUAN KREDIT KAPADA PETANI² DI-RANCHANGAN PERAYERAN MUDA DI-KEDAH DAN PERLIS

57. Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilangan petani² di-Ranchangan Perayeran Muda di-Kedah dan Perlis yang telah mendapat bantuan keredit dari Bank Pertanian;
- (b) jumlah keredit yang di-beri kepada mereka;
- (c) sama ada mereka telah membayar balek keredit ini menurut perjanjian; jika tidak, nyatakan jumlah baki yang maseh belum di-jelaskan; dan
- (d) langkah² undang² yang akan di-ambil terhadap mereka oleh Bank Pertanian sa-kira-nya mereka gagal membayar.

Perdana Menteri:

- (a) Hingga tarikh ini Bank telah meluluskan bantuan kredit di-Ranchangan Perayeran Muda, Kedah dan Perlis untuk 5 musim seperti berikut:

Musim	Bilangan Petani ²
Luar Musim 1970	431
Musim Biasa 1970	1,733
Luar Musim 1971	3,191
Musim Biasa 1971	3,873
Luar Musim 1972	4,868

- (b) Jumlah kredit yang di-lulus dan di-gunakan setakat 30-3-72 ada-lah seperti berikut:

Musim	Di-lulus	Di-guna
Luar Musim 1970 ... \$	88,327	\$ 64,006
Musim Biasa 1970 ...	456,087	253,964
Luar Musim 1971 ...	1,031,137	662,569
Musim Biasa 1971 ...	1,438,148	902,710
Luar Musim 1972 ...	1,916,195	sedang berjalan

- (c) Baki berseih belum berbayar kepada Bank setakat 30-3-72 ada-lah seperti berikut:

Musim	Baki Berseih
Luar Musim (I) 1970	\$ —
Musim Biasa (II) 1970	4,969
Luar Musim (I) 1971	75,451
Musim Biasa (II) 1971	374,927
Luar Musim (I) 1972	belum habis musim

Tempoh akhir untuk menyelesaikan bayaran bagi Musim II 1971 ia-lah akhir bulan April, 1972. Kenyataan pembayaran hingga akhir April belum di-tentukan.

- (d) Langkah² Undang² yang telah di-ambil oleh Bank terhadap petani² yang tidak menjelaskan pembayaran balek ia-lah sa-chara menuntut-nya melalui tindakan sivil di-Mahkamah Majistrate.

SHARIKAT PERKAPALAN GREAT MALAYSIA MEMBAWA BAKAL² HAJI MENERUSI LEMBAGA TABONG HAJI—SHARAT² KEBENARAN

58. Tuan Haji Yusof Rawa minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) atas dasar dan perkiraan apa-kah Sharikat Perkapalan Great Malaysia di-beri hak untuk membawa bakal² haji menerusi Lembaga Tabong Haji;

- (b) sama ada benar atau tidak bahawa Lembaga Tabong Haji telah di-nasihatkan supaya tidak memberi hak membawa bakal haji Lembaga Tabong Haji kepada Sharikat Perkapalan Great Malaysia;

- (c) sama ada benar atau tidak bahawa dengan menggunakan kapal² Sharikat Perkapalan Great Malaysia untuk mengangkut bakal² haji, pihak Lembaga Tabong Haji akan kehilangan lebih $\frac{1}{2}$ juta ringgit keuntungan yang mungkin di-perolehi-nya;

- (d) apa-kah langkah² tegas yang sudah di-ambil oleh Kerajaan untuk mengatasi kelemahan² peratoran dan layanan yang telah di-beri oleh Sharikat Perkapalan Great Malaysia kepada jema'ah baru² ini; dan

- (e) sama ada benar atau tidak bahawa dengan tidak menjadi ahli Lembaga Tabong Haji sa-saorang itu akan menghadapi kesulitan bila hendak mengerjakan fardhu haji-nya di-Mekah.

Perdana Menteri:

- (a) Faktor² yang di-timbangkan sa-belum di-tawarkan kepada Sharikat Great Malaysia Line untuk membawa bakal² haji menerusi Lembaga Tabong Haji ada-lah seperti berikut:

- (i) Kapal² haji kepunyaan Great Malaysia Line ada-lah lebih besar daripada kapal² yang pernah di-gunakan.

- (ii) Alat² yang di-dapati di-kapal² kepunyaan Sharikat Great Malaysia Line ada-lah lebih baik. Mithal-nya kapal ini di-peralatan dengan hawa dingin, dan bilek² saloon-nya ada-lah lebih besar.

- (iii) Kapal² kepunyaan Sharikat Great Malaysia Line ini ada-lah lebih laju dan dengan demikian dapat menyelamatkan perbelanjaan bakal jema'ah² haji dan dengan demikian pula dapat menjimatkan pertukaran wang luar negeri.

- (iv) Lebih kurang 50% daripada anak² kapal Sharikat ini terdiri daripada kaum Bumiputra. Kebanyakan daripada mereka telah

di-ambil bekerja sa-telah tamat latehan masing² daripada Sekolah Latehan Pelayaran Pulau Pinang, Ex-Servicemen melalui Kementerian Pertahanan dan Belia Pelupor Negara daripada Dusun Tua melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

- (b) Tidak benar.
- (c) Tidak benar. Sa-balek-nya Lembaga akan mendapat keuntungan tidak kurang daripada \$125,000 tiap² tahun berdasarkan kepada bilangan jema'ah² haji sa-ramai 9,000 orang sa-tahun.
- (d) Pihak Lembaga Tabong Haji telah di-arahkan supaya kapal² itu di-periksa oleh pakar² dalam bidang perkapalan dari sa-masa ka-samasa dan pandangan² pakar² itu akan di-jadikan asas perbincangan di-antara Lembaga dengan pihak Sharikat Great Malaysia Line dengan tujuan supaya segala kelemahan peratoran², layanan² dan lain² boleh di-perbaiki.
- (e) Tidak. Jema'ah haji sama ada penyimpan atau bukan, tetap akan di-beri pertolongan kerana tugas² Lembaga ada-lah mengawal dan memberi perkhidmatan yang perlu mengikut kehendak² Akta Perlembagaan kepada semua jema'ah haji sa-masa berada di-Tanah Ayer dan di-Tanah Suchi.

Walau bagaimana pun, Lembaga ini dapat memberi kawalan dan perkhidmatan yang lebih kemas dan teratur kepada mereka yang menjadi ahli Tabong Haji.

PEPEREKSAAN KERANI² KERAJAAN—MENGADAKAN KURSUS² BAGI MENGATASI PERATUS KEGAGALAN

59. Tuan Yeoh Teck Chye minta Perdana Menteri menyatakan, memandangkan kepada peratus kegagalan yang tinggi dalam Peperiksaan Kerani² Kerajaan, sama ada beliau berchadang hendak mengeluarkan arahan² supaya kursus² bagi kerani² Kerajaan hendak-lah di-adakan dengan segera sa-belum peperiksaan di-adakan seperti di-dalam Kementerian Pertahanan.

Perdana Menteri: Kursus² untuk Kerani² Kerajaan memang ada di-anjorkan tiap² tahun di-Dewan² Latehan Pegawai Kerajaan di-beberapa tempat di-negara ini seperti di-Petaling Jaya, Pulau Pinang, Perak, Negeri Sembilan, Pahang dan Johor.

Sa-lain dari itu Kementerian dan Jabatan ada-lah di-galakkan memberi "coaching classes" kepada Kerani² di-Kementerian² atau Jabatan² masing² sa-belum Kerani² mengambil peperiksaan. Perkara seperti ini memang di-amalkan oleh beberapa Kementerian dan Jabatan di-negara kita ini termasuk-lah di-Kementerian Pertahanan seperti yang di-nyatakan oleh Ahli Yang Berhormat.

Oleh yang demikian saya tidak fikir mustahak untuk Kerajaan mengeluarkan apa² arahan lagi mengenai perkara ini.

MAJLIS WHITLEY—PENYUSUNAN SA-MULA

60. Tuan Yeoh Teck Chye minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan kepada jaminan yang di-beri oleh beliau dalam Dewan ini pada bulan Februari, 1972 bahawa Majlis Whitley akan di-susun sa-mula dalam masa dua minggu, apa-kah kedudukan Majlis itu sekarang.

Perdana Menteri: Kertas mengenai penyusunan sa-mula Majlis Whitley itu telah pun di-edarkan kepada pihak² Pekerja untuk mendapat ulasan mereka. Keputusan mengenai pengujudan sa-mula-nya akan di-buat oleh Kerajaan sa-lepas sahaja ulasan² tersebut di-terima.

BUKU BANCHI PENDUDOK DAN PERUMAHAN MALAYSIA, 1970—PENGEDARAN

61. Tuan Chan Yoon Onn minta Perdana Menteri menyatakan mengapa buku yang bertajuk Banchi Pendudok dan Perumahan Malaysia, 1970 tidak di-edarkan kepada Ahli² Dewan Ra'ayat sejak penerbitan-nya beberapa bulan yang lalu.

Perdana Menteri: Bukan-lah menjadi amalan bagi Jabatan Perangkaan mengedarkan penerbitan²-nya kepada Ahli² Dewan Ra'ayat.

Penerbitan² Jabatan itu termasuk laporan² atas Banchi Penduduk dan Perumahan 1970, boleh di-beli dari Bahagian Penerbitan, Jabatan Perangkaan.

KEMASOKAN JURUTERA² KA-PERKHIDMATAN KERAJAAN— JUMLAH

62. Tuan Peter Paul Dason minta Perdana Menteri menyatakan:

- (i) jumlah Jurutera² yang telah memasuki Perkhidmatan Kerajaan melalui pelbagai Kementerian sejak 1hb Januari, 1971 hingga 31hb Mach, 1972; dan
- (ii) jumlah Jurutera² yang telah meninggalkan Perkhidmatan Kerajaan dengan chara meletakkan jawatan dari pelbagai Kementerian sejak 1hb Januari, 1971 hingga 31hb Mach, 1972.

Perdana Menteri:

- (i) Jumlah Jurutera² yang telah memasuki Perkhidmatan Kerajaan semenjak 1hb Januari, 1971 hingga 31hb Mach, 1972 ia-lah 88 orang terdiri daripada:
37 orang Jurutera² Tetap;
39 orang Jurutera² Konterek; dan
12 orang Jurutera² Sementara.
- (ii) Jumlah Jurutera² yang telah meninggalkan Perkhidmatan Kerajaan semenjak 1hb Januari, 1971 hingga 31hb Mach, 1972 ia-lah 45 orang.

SUROHANJAYA PILEHANRAYA— SHOR² PENYUSUNAN SA-MULA KAWASAN² PARLIMEN DAN DEWAN UNDANGAN NEGERI

63. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Surohanjaya Pilehanraya telah pun menyiapkan shor² untuk penyusunan sa-mula kawasan² Parlimen dan Dewan Undangan Negeri, dan bilakah shor² itu akan di-bentangkan di-Parlimen untuk di-terima.

Perdana Menteri: Penyiasatan tempatan baru sahaja selesai. Laporan oleh Surohanjaya Pilehanraya sedang di-sediakan dan jika tidak ada apa² bantahan, Laporan ini mungkin boleh di-kemukakan ka-Dewan Ra'ayat tidak berapa lama lagi.

KEMASOKAN PEKERJA² I.M.G. KA-PERKHIDMATAN BERPENCHEN— JUMLAH

64. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan kemajuan² yang telah di-buat di-dalam menempatkan pekerja² I.M.G. ka-perkhidmatan berpenchen di-dalam shor² Suffian di-bawah tajok² berikut:

- (a) jumlah yang telah di-tempatkan; dan
- (b) jumlah yang maseh lagi menunggu untuk di-tempatkan.

Perdana Menteri: Tindakan sedang di-ambil oleh Ketua² Setiausaha kepada Kementerian² dan Ketua² Jabatan untuk memasukkan pekerja² dalam Kumpulan Perusahaan dan Buroh Kasar, ka-dalam perjawatan berpenchen. Dalam urusan ini, ketutamaan ada-lah di-beri kepada pekerja² yang telah meninggal dunia atau yang telah bersara semenjak sharat² perkhidmatan Suffian di-kuat kuasakan. Pada perengkat ini angka² yang di-minta belum dapat di-berikan.

SELAT MELAKA—PENDIRIAN MALAYSIA

65. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Luar Negeri menyatakan pendirian Malaysia terhadap masalah Selat Melaka.

Perdana Menteri: Saperti yang telah saya terangkan di-Dewan ini pada minggu lepas oleh kerana sa-bahagian daripada Selat Melaka itu terletak dalam kawasan perayeran Malaysia dan sa-bahagian-nya lagi dalam perayeran Indonesia, kedua² Negara telah berpendapat bahawa sebarang langkah untuk menjadikan Selat tersebut sa-bagai kawasan perayeran antarabangsa akan menjejaskan kedaulatan kita ka-atas Selat tersebut. Dari itu pendirian kita ia-lah untuk menentang sebarang langkah untuk menjadikan Selat Melaka sa-bagai Selat Antarabangsa.

Oleh sebab Selat Melaka ada-lah jalan laut yang penting yang menghubungkan Lautan Hindi dengan Laut China Selatan, kita telah memberi jaminan hak lalu-lintas menurut prinsip "innocent passage" kepada semua jenis kapal. Kita maksudkan "innocent passage" sebagai memberi ma'ana bahawa lalu-lintas tersebut tidak akan membahayakan "coastal states", atau negeri² selat, dalam kes ini, ia-lah Malaysia dan Indonesia.

USUL²

WAKTU MESHUARAT DAN URUSAN YANG DI-BEBASKAN DARIPADA PERATORAN MESHUARAT

Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan:

Bahawa walau apa pun peruntokan Peratoran Meshuarat 12, persidangan Dewan hari ini tidak akan di-tanggohkan sa-hingga pukul 7.30 malam.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan.

Bahawa walau apa pun peruntokan Peratoran Meshuarat 12, persidangan Dewan hari ini tidak akan di-tanggohkan sa-hingga pukul 7.30 malam.

UCHAPAN TERIMA KASEH KAPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Atoran Urusan Meshuarat di-bachakan bagi menyambong sa-mula Perbahathan yang di-tanggohkan atas masaalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sa-perti-nya di-persembahkan kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong demikian bunyi-nya:

"Ampun Tuanku,

Patek, Yang di-Pertua dan Ahli² Dewan Ra'ayat Malaysia di-dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Ra'ayat menguchapkan berbanyak shukor dan terima kaseh kapada Kebawah Duli kerana Titah Uchapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Ketiga." (12hb Mei, 1972).

Perbahathan di-sambong sa-mula

Tuan Yang di-Pertua: Sa-belum perbahathan ini di-sambong sa-mula, saya suka mengingatkan kapada Ahli² Yang Berhormat, masa perbahathan ada-lah sangat

suntok, jadi kalau Ahli² Yang Berhormat hendak berbahath—hendak beruchap panjang², tidak adil-lah, sebab ada lagi Ahli² Yang Berhormat yang tidak dapat beruchap sama sa-kali. Jadi, kalau dapat supaya di-pendek²kan ucapan itu sadikit, kalau boleh 5 minit, kalau tidak sa-puloh lima belas minit, bagitu-lah sa-terus-nya.

Ahli Yang Berhormat yang menyambong ucapan-nya pada kali pertama ia-lah Ahli Yang Berhormat dari Seremban Timor. Kapada Ahli Yang Berhormat ini, saya minta tolong pendekkan ucapan-nya, oleh kerana Ahli Yang Berhormat itu sudah berchakap lebeh kurang sa-tengah jam.

Dr Chen Man Hin (Seremban Timor): 15 minit, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Baik-lah.

Dr Chen Man Hin (Seremban Timor): (*Dengan izin*) Tuan Speaker, I will continue. However all is not well. The Ministry of Education has admitted a huge drop-out problem and had admitted before that out of the 234,000 pupils admitted in 1965 over 100,000 pupils have dropped out of schools six years later. Then again there is the question of lowering of the teaching standards because there are too few teachers to look after the interest of so many students. Mr Speaker, Sir, there is also the question of the too quick a switch of medium of instruction to Bahasa Malaysia where inevitably there is the result of teachers struggling to explain the intricacies of geography, science and mathematics in a language in which they have not yet become proficient. Therefore, standards are falling. Then again the teaching of mother tongues is also unsatisfactory. Here the voices of Chinese and Tamil educationists have not been heeded.

Then, Sir, there is also a communication gap between the Education Ministry and parents. It is, therefore, opportune at this time that both parent/teacher organisations should be set up so that these can act as a sounding board for the Ministry's policies. You cannot get a good opinion as to whether your policies are popular or acceptable unless you get the opinion of the people.

Sir, the development of a nation's economy depends largely on its human resources and

how they are utilised to make a nation strong, dynamic and progressive.

A good example is China, where human resources are utilised to the full. Without foreign aid or investment, she has, through sheer hard work and discipline, built herself a strong nation where there is no poverty, no crime, no rape. She is now a respected superpower. Similarly, if we can advance economically at a faster rate by ensuring that our youths are properly trained and educated, we can do the same here, Sir.

Also, the implementation of development projects can be faster if proper use is made of our own Malaysian students who have graduated from overseas, for example, the Nanyang and the Taiwan Universities. Therefore, in the interest of the nation's development and for the sake of the poor, the "have-nots" and unemployed, I call upon the Government to grant speedy recognition of these degrees.

Mr Speaker, Sir, in the years ahead, in the next decade or two, it is vital that the nation takes the right course towards national unity, through multi-racial integration and rapid economic development. Whether we succeed will largely depend upon the pursuance of correct and rational policies, especially in the field of education. However, the present educational system has many shortcomings and problems. There is a need for some drastic reforms to ensure that the system is geared towards national unity and training our students to be ready for an industrial and technological society.

Fundamental re-assessment should be made along the following lines:

- (1) Raising the social and economic status of teachers. For too long, the teachers in our society have not been accorded a respected and revered position. They tend to be treated as mere servants of a bureaucratic institution. Upgrading their status is necessary to attract more people with skill and dedication to enter the teaching profession.
- (2) A humane and rational approach in the implementation of Bahasa Malaysia as the national and common language.

Too rapid a pace without regard to the availability of well-trained teachers has caused untold damage and reduced

the quality of education to a degree where a whole generation of students will become semi-literates. There is no denying the fact that there is an acute shortage of well-trained teachers competent to teach in Bahasa Malaysia, with the result that standards have begun to fall. A survey of primary school students will show that most of them are unable to comprehend lessons taught to them.

Thousands of students failed the M.C.E. in 1970 and 1971 because of the Bahasa Malaysia compulsory pass. They failed because either of inadequate instruction or that pass standards have been raised much too high. Mind you, the 7,000 who failed the M.C.E. in 1971 passed with credits or distinctions in other subjects, including science and mathematics. Must we curtail and blight their careers so mercilessly? In the national and larger interests, it would be better to pass a candidate in Bahasa Malaysia as long as he can show that he is functionally literate in the subject. After all, these 7,000 students do represent potential wealth for our country in terms of trained manpower.

The Member for Kuala Selangor missed the point, Tuan Speaker, Sir, when commenting on the speech by my colleague, the Member for Bandar Melaka. He was not opposed to the study of Bahasa Malaysia as such, but he was explaining that it was quite unnecessary to penalise a boy with 7 "A"s for failing in Bahasa Malaysia, when in the first place the quality of teaching is questionable. During the transition stage, it is logical to exercise judgement and regard the criterion for a pass in Bahasa Malaysia as possession of an adequate working knowledge of the language as being sufficient.

- (3) It should consider re-opening secondary schools with Chinese as the medium of instruction. Two reasons require this course. One is the tremendous increase in the pupil enrolment of students in the Chinese stream primary schools, indicating a strong desire on the part of Chinese parents to educate their

children adequately in their mother-tongue. This is a right accorded in Article 152 of the Constitution. The other reason is to enable a smooth continuity of their studies in secondary schools without encountering the difficulty of adjustment to a secondary school where Bahasa Malaysia or English is the medium of instruction. In the Chinese stream secondary school, as envisaged, both Bahasa Malaysia and Mandarin are the media of instruction and students at the end of Form V can take their examination subjects in both languages. This will encourage students to be fluent in Bahasa Malaysia as well as Mandarin.

- (4) The educational system should be to teach students to be practical and job-oriented. There are at present too few vocational, technical and professional institutions. The system is still too biased towards the production of students with a general education but without possession of a particular skill or vocation. Too many are equipped only to be clerks and white-collar employees, when what the country wants now are artisans, technicians and skilled blue collar workers. This is a legacy from the colonial days when students were trained to be no more than penpushers, and this must be quickly changed in order to ensure that factories can have the adequate manpower.
- (5) It must also revitalise and expand the Adult Education system. Today we have a large student drop-out problem in our hands. Poverty has been blamed as one of the chief causes. More relevant, however, is parental guidance. Parents, under the adult education programme, can not only become literate but can be inspired to be more concerned with the education of their children. This will lessen the incidence of student drop-outs. Unfortunately, the adult education system as it is today is in a sorry state of affairs. Most classes are empty or near-empty and teachers are dispirited.

Clearly, Mr Speaker, Sir, drastic reforms are required if we are genuinely interested to

see that the direction and content of the education system are geared towards the achievements of national unity and economic development of the country.

I, therefore, call upon the Minister of Education to organise a Royal Commission of Inquiry to investigate the educational system and to draw up an educational blueprint which will develop our human resources to the maximum. Terima kaseh.

Tan Sri Syed Jaafar bin Hasan Albar (Johor Tenggara): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa masalah atau perkara dalam Titah Uchapan di-Raja yang ada di-hadapan Dewan pada petang ini.

Satu perkara yang amat menarek perhatian saya dalam Titah Uchapan di-Raja ini ialah berkenaan dengan masalah Ranchangan Malaysia Kedua yang telah bagitu di-tekan-kan di-dalam ucapan ini sa-hingga meng-ambil boleh di-katakan sa-bahagian besar daripada Titah di-Raja yang ringkas ini.

Dalam Dewan ini, saya telah berulang² kali menyebutkan ia-itu untuk menjayakan atau untuk menjamin kejayaan Ranchangan Malaysia Kedua ini yang bagitu indah di-susun dan di-ator perlu-lah terlebih dahulu kita menyemak jentera² Kerajaan yang akan melaksanakan Ranchangan Malaysia kedua ini.

Saya yakin dan perchaya bahawa Kerajaan dari satu masa ka-satu masa sentiasa menyemak jentera² itu dan memeriksa jentera² itu untuk memperbaiki mana² bahagian jentera yang tidak berjalan dengan baik. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, sa-perkara yang patut saya tegor Kerajaan di-sini ia-itu terlampau banyak sangat Jawatan-kuasa² yang ditubuhkan dalam negara kita ini—berbagai² Jawatan-kuasa.

Saya sendiri, Tuan Yang di-Pertua, tidak menentang penubuhan Jawatan-kuasa² yang di-tanggongkan ka-atas-nya melaksanakan Ranchangan Malaysia Kedua ini. Tetapi yang saya berasa khuatir bahawa masa kita akan habis di-dalam meshuarat² Jawatan-kuasa itu. Kerana saya perhatikan bahawa sa-saorang pegawai itu kadang² dudok dalam 5 Jawatan-kuasa, dalam 10 Jawatan-kuasa, dalam tujuh lapan Jawatan-kuasa, bagaima-kah kita hendak harap daripada sa-orang pegawai berjaya dalam menunaikan

tanggungan-nya pada hal dia telah di-beban-kan dengan tanggungan² yang begitu berat, yang berbagai² pula. Oleh sebab itu, kira-nya Kerajaan hendak menubuhkan juga, Jawatan²-kuasa ini biar-lah Jawatan²-kuasa itu di-penohi oleh ramai orang dan tidak di-timpakan ka-atas beberapa kerat manusia sahaja. Ini-lah yang membimbangkan saya berkenaan dengan soal hendak menjayakan Ranchangan Malaysia kedua ini.

Perkara hendak memberikan peluang kepada bumiputra untuk menchapai dalam masa 20 tahun sa-banyak 30% daripada jumlah aktiviti² dalam semua perengkat dan jenis perdagangan dan perusahaan, Tuan Yang di-Pertua, saya bimbang tujuan yang baik ini yang telah pun ada sa-tengah² orang dalam negeri kita chemburukan perkara ini dan merasa sa-olah² hendak di-berikan segala²-nya kepada orang² Melayu dan bumiputra yang lain. Saya nampak dan saya bimbang bahawa tujuan yang baik ini, chita² yang mulia dan tinggi ini akan terbengkalai di-tengah jalan. Sebab²-nya, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah perkara jentera² Kerajaan tadi agak-nya tidak begitu lichin perjalanan-nya.

Lagi satu perkara yang patut saya sampaikan di-dalam Dewan ini ia-lah perasaan ragu² dan shak wasangka kebanyakan orang² Melayu yang pada hari ini sedang chuba bergiat di-dalam lapangan perniagaan ia-lah kebimbangan mereka berkenaan dengan peranan yang akan di-ambil oleh ejensi² Kerajaan yang konon-nya telah di-tubuhkan untuk menjamin orang² Melayu dapat ber-champur di-dalam lapangan perniagaan dan perusahaan.

Ada sa-tengah² pendapat yang sedang berkembang kuat dalam kalangan orang² kita Melayu di-Kuala Lumpur ini dan bumiputra yang lain mengatakan, bahawa ejensi² ini nampak-nya menjadi rival kepada usaha persaorangan atau group orang² Melayu yang sedang chuba hendak bangun di-dalam lapangan industeri dan perdagangan. Oleh itu, saya ingin menchadangkan supaya perkara² ini dapat di-harmonisekan, dapat di-betulkan supaya tidak akan berlaku pertentangan antara ejensi² Kerajaan ini dengan orang persaorangan atau group² orang Melayu yang baharu sahaja bangkit hendak men-chuba nasib-nya di-dalam lapangan industri dan perdagangan. Kalau perkara ini tidak dapat di-harmonisekan, maka saya bimbang

segala chita² kita akan hanchor di-tengah jalan.

Tuan Yang di-Pertua, satu masaalah yang penting di-dalam usaha ini yang saya ingin hendak menarek perhatian Dewan ini ia-lah usaha Kerajaan dan Kementerian² dalam Kerajaan menubuhkan persatuan² dan sharikat² kerjasama. Apa yang menjadikan saya tertanya² dan ramai orang di-luar Dewan ini tertanya² ia-itu pada masa seka-rang ini kita adakan sharikat² serbaguna nelayan² di-merata² tempat di-dalam tanah ayer kita ini. Tiba² sa-belum sharikat² Kerja-sama serbaguna nelayan² ini bangkit, datang pula satu usaha daripada pemerintah menubuhkan sharikat dan persatuan² nelayan. Saya nampak orang² kita di-tepi pantai, penangkap² ikan kita menjadi bingung hendak pergi kepada persatuan nelayan atau hendak masuk sharikat serbaguna nelayan² ini. Saya fikir, kalau perkara ini tidak di-betulkan dengan segera, saya perchaya bahawa akan berlaku overlapping dan akan berlaku pertengkaran sa-sama sendiri di-kampong kerana tidak tahu ka-mana hendak pergi. Mereka bingung ada-kah hendak ka-sharikat nelayan atau hendak pergi ka-sharikat kerjasama serbaguna. Kenapa perebutan yang sa-umpama ini boleh berlaku di-antara dua Kementerian yang berlainan?

Tuan Yang di-Pertua, di-sini saya ingin menyentoh masaalah peranan Kerajaan kita dalam usaha-nya merapatkan hubungan antara negara² Islam. Dalam kontek itu masa-lah hubungan kita dengan negara² Islam saya ingin menyebutkan ia-itu baharu² ini kita telah mengiktiraf atau memberikan perakuan atas ujud-nya negara Bangla Desh. Saya sa-hingga ini belum mendengar lagi usaha² menubuhkan perwakilan kita di-negara itu. Dalam Negara itu sedang berlaku banyak perkara yang patut mendapat perhatian kita dan dengan mengharap-kan wakil kita yang ada di-India untuk menjengok ka-Bangla Desh, saya fikir ini satu perkara yang kurang manis dan kurang sedap pada pendapat dan perasaan orang² Islam seluroh-nya khas-nya negara sahabat kita Pakistan dan satu masaalah lagi kita sentiasa tidak putus² membacha berita² keja-dian² aniaya sedang berlaku dalam Bangla Desh ia-itu di-antara orang² Benggali dan orang² yang bukan Benggali yang berada di-Bangla Desh. Jadi sa-kira-nya kita mem-punyai sa-orang wakil di-sana perkara² ini akan dapat kita ketahui dengan lebeh

mendalam dan lebih rapat lagi untuk disampaikan kepada Sekretariat Islam untuk membuat chadangan² penyelesaian atau mengurangkan penderitaan yang di-tanggung oleh orang² yang bukan Benggali di-Bangla Desh itu.

Sa-perkara lagi yang saya terpaksa menyentuh dengan chara kilat, kerana Tuan Yang di-Pertua, tidak membenarkan saya berchakap panjang. Sa-perkara lagi yang patut saya sentoh dalam ucapan dan Titah di-Raja ini ia-lah berkenaan dengan Kerajaan hendak menubuhkan sa-buah Jawatan-kuasa memerhatikan filem² kuning dalam negeri ini atau apa yang di-katakan filem² sex.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya bukan filem² sex sahaja yang patut di-perhatikan kalau kita hendak memelihara manusia dan ra'ayat negeri kita daripada menempoh kemerosotan akhlak. Pada pandangan saya filem² wajib di-semak dan di-tapis betul².

Nombor dua, majallah² luchah, kelender², hipis² yang datang dengan bau-nya ka-negeri kita ini. Kadang² bau-nya kalau kita berdiri berhela jauh-nya pun tidak tahan di-buat-nya. Saya tidak tahu apa untong yang Kerajaan dapat daripada hipis² ini datang sa-lain daripada. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Bau apa itu, bau baik-kah atau bau yang tidak baik?

Tan Sri Syed Jaafar bin Hassan Albar: Baik-lah saya tidak usah cheritakan. Kalau Tuan Yang di-Pertua ingin hendak tahu, sa-kali ada peluang boleh kita rapat, sendiri boleh rasa daripada kita mendengar cherita.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan hipis² ini, saya pun hairan memikirkan berapa-lah keuntungan yang kita akan dapat tarek daripada kemasokan hipis² ini sa-lain daripada kemerosotan akhlak dan chontoh² burok yang di-bawa oleh manusia ini. Tuan Yang di-Pertua, saya dapat faham, oleh kerana saya banyak berulang ka-Pulau Pinang kerana tanggung-jawab dan kewajipan saya di-sana banyak, saya dapat faham bahawa di-Pulau Pinang ada satu steshen untuk hipis² ini di-Telok Bahang. Di-sana hipis² ini akan berkumpol sa-sama sendiri dengan di-tuntun dan di-lihat oleh orang² kampung kita yang berdekatan di-situ, mereka berbogel, serta

melakukan kelakuan² yang sama dengan kelakuan binatang di-hadapan mata dan khalayak ramai. Jadi, kenapa soal yang sa-umpama ini di-biarkan berleluasa dalam sa-buah negara yang menjunjung tinggi ugama Islam, ia-itu satu ugama yang meng-utamakan di-dalam semua pelajaran-nya sa-lain daripada meng-Esakan Tuhan, Islam—soal akhlak-lah yang menjadi yang kedua-nya. Pertama di-dalam Islam ia-lah Tuhan, nombor dua akhlak dan akhlak ini di-runtohan dan di-jahanamkan dalam negara yang mengaku² menjunjung ugama Islam sa-bagai ugama resmi. Jadi, saya fikir Kementerian yang berkenaan wajib sa-kali mengambil tindakan yang pantas, lekas dan deras berkenaan dengan perkara ini. Dan saya berharap tindakan menyekat kemasokan hipis ini akan di-jalankan dengan tidak berlengah² lagi.

Kita berharap, Tuan Yang di-Pertua, bahawa Jawatan-kuasa untuk menyemak filem² atau menapis filem² ini akan segera bergerak dan segera bertindak supaya filem² sex yang terlampau sangat itu di-hentikan serta merta. Sebab mengikut cherita² orang² yang biasa menuntun dan melihat gambar² filem sex ini, cherita-nya ngeri sangat hendak dengar, Tuan Yang di-Pertua. Kita ini manusia bukan-nya binatang, tetapi dengan keadaan sa-umpama itu di-tunjokkan di-khalayak ramai, sudah tidak ada beza-nya di-antara manusia dengan binatang. Kita manusia, sudah-lah tidak chukop dalam rumah, dalam rumah di-adakan bilek pula. Sudah dalam bilek, tidak chukop, di-adakan kelambu lagi. Ini semua-nya untuk menyala-kan dan membangkitkan perasaan kejantinaan yang ada dalam jiwa tiap² sa-orang yang hidup.

Bagi orang yang bernaftu sa-umpama itu bagus-lah pada-nya, tetapi bagi orang yang memikirkan nasib manusia dan keturunan penduduk—human beings—manusia yang akan datang, ngeri memandang chontoh yang ada di-hadapan mata kita ini.

Saya, Tuan Yang di-Pertua, sangat² ter-tarek hati dengan kenyataan yang telah di-buat oleh Menteri Besar Selangor baharu² ini dalam surat² khabar berkenaan dengan filem² sex dan desakan²-nya supaya Kerajaan bertindak di-atas perkara ini. Saya sunggoh² memuji beliau di-atas keberanian-nya memberikan fikiran-nya dalam public, tetapi apa yang saya harapkan daripada beliau sendiri

ia-lah supaya bertindak melarang semua pertunjukan² dan floor show yang ada dalam capital/city ini daripada di-pertunjokkan dengan berleluasa. Saya harap beliau akan membuat chontoh dan tauladan kepada Kerajaan Pusat kerana tidak guna kalau filem sahaja di-tahan dan orang² ini akan datang melalui lain² saluran pula dan saluran hidup pula, bukan gambar sahaja.

Jadi, ini-lah Tuan Yang di-Pertua, perkara² yang saya rasa perlu di-sentuh sa-chara kilat dalam ucapan saya ini. Sungguh pun maseh banyak lagi yang boleh saya katakan tetapi untuk memberi peluang kepada yang lain, saya terpaksa berhenti, terima kasih.

Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub (Payang): Tuan Yang di-Pertua, harapan kita untuk membela Malaysia supaya menjadi satu bangsa yang mempunyai kema'moran dan sifat² yang lain seperti yang di-harapkan di-bawah Dasar Ekonomi Baharu dari sa-hari ka-sahari nampak-nya makin bertambah baik. Memang-lah tidak boleh di-nafikan bahawa usaha untuk mengubah chara kehidupan ra'ayat di-mana jua pun daripada yang tidak begitu memuaskan hati kepada taraf yang lebeh tinggi akan mengambil masa yang panjang. Satu proses yang perlahan, tetapi dengan kesungguhan dan dengan tenaga serta keazaman kita yang kuat di-sertai dengan kebolehan kita sakalian untuk melaksanakan ranchangan² bagi kepentingan ra'ayat jelata, kita yakin bahawa Dasar Ekonomi Baharu kita ini, yang menjadi asas bagi Ranchangan Malaysia Yang Kedua akan tetap berjaya. Sudah pun kita nampak tanda²-nya ka-arrah itu.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimana pun tidak lah harus bagi kita sakalian untuk berpuas hati oleh kerana walau pun kita mempunyai ranchangan yang paling baik, yang di-tulis dengan chukop sempurna—blue print yang telah di-fikirkan dengan sa-dalam²-nya oleh pakar² kita, namun ranchangan itu akan tinggal jadi ranchangan sahaja jikalau tidak di-sertai dengan kejujoran, dengan kemahuan, dengan kesungguhan pehak² yang bertanggung-jawab untuk melaksanakan ranchangan tersebut. Di-bawah ranchangan ini, Dasar Ekonomi Baharu, tanggung-jawab tersebut tadi tidak-lah terhad kepada gulungan yang tertentu. Ia-nya ada-lah menjadi tanggung-jawab kita sakalian, ra'ayat Malaysia yang ta'at setia sa-penoh²-nya kepada negara kita ini. Tanggong-jawab kita sakalian

untuk menjaminkan bahawa pelaksanaan dengan sa-penoh²-nya di-jalankan dengan chara yang akan menjaminkan faedah² di-bawah ranchangan ini akan di-rasai oleh ra'ayat sakalian.

Dalam masalaah ini, Tuan Yang di-Pertua, mithal-nya tidak-lah memadai bagi kita, Kerajaan mithal-nya menyeru private sektor supaya mereka memainkan peranan mereka. Apa yang penting saya rasa, sangat² perlu bagi menjaminkan pelaksanaan yang men-chukopi di-bawah Ranchangan Ekonomi Baharu, Dasar Ekonomi Baharu ini ia-lah Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri hendak-lah menjaminkan bahawa segala jentera Kerajaan itu, tiap² pejabat, jabatan², ejensi², semua-nya bergerak chukop rapi untuk menterjemahkan plan tersebut itu kepada suatu perkara yang realis. Mithal-nya banyak lapangan di-mana anak² bumiputra boleh mengambil bahagian dalam negara kita ini untuk sampai kepada harapan kita supaya beberapa peratus daripada bumiputra² itu dapat champor di-dalam lapangan business. Ini tidak terhad, mithal-nya, Tuan Yang di-Pertua, kepada kontrek membuat bangunan yang di-jalankan oleh private sector tetapi juga termasuk kepada business² yang boleh memberi keuntungan yang besar yang mungkin tidak begitu banyak di-kenali atau di-sedari oleh gulungan bumiputra. Mithal-nya menyedia atau menjual makanan kepada sekolah², kepada Polis, kepada tentera dan badan² yang lain. Saya yakin bahawa dalam lapangan yang demikian, anak² bumiputra kita akan sanggup mengambil peranan mereka masing² belajar dalam hal business, dengan syarat Kerajaan memberi sokongan yang penoh, sa-penoh²-nya kepada usaha mereka itu. Tidak men-chukopi bagi Kerajaan hanya memberitahu ra'ayat ia-itu anak² bumiputra di-beri preference 10% dalam mana² tender, ini tidak men-chukopi. Saya sendiri telah mengetahui bahawa di-Sarawak beberapa orang taukeh² telah berusaha untuk menjamin bahawa anak² bumiputra kita tidak akan dapat masok di-dalam lapangan tender² memberi makanan² kepada badan² Kerajaan ini tadi.

Satu perkara lagi sa-bagai tauladan mithal-nya, Tuan Yang di-Pertua, kontrek Mengechap buku² yang di-keluarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Mana-kah satu badan yang membuat kontrek ini? Tidak-kah kontrek seperti itu dapat di-beri kepada anak bumiputra kita sa-telah bertahun² kontrek ini di-pegang oleh kumpulan² yang

lain? Memang seperti yang telah di-jelaskan dari sa-masa ka-samasa bukan-lah adil bagi Kerajaan hendak mengambil daripada satu golongan yang telah pun mempunyai hak itu dan di-beri kepada golongan yang lain, tetapi sa-balek-nya dengan perkembangan pembangunan di-negara kita ini makin bertambah banyak sa-makin sa-hari, trading activities akan tentu bertambah juga. Dalam usaha Kerajaan untuk membantu ra'ayat bumiputra di-bawah Dasar Ekonomi Baharu tidak dapat di-elakkan sama sa-kali 100% ada golongan yang tidak akan senang hati, dan ada golongan yang tidak akan mendapat keuntungan seperti yang di-alami oleh mereka di-masa² yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, di-samping Negeri Sarawak mempunyai masalah, kerumitan² tentang perhubungan daripada satu kampung kepada kampung yang lain, keperluan jalan raya, kekurangan perhubungan² yang lain dan ini menyebabkan kerumitan bagi menjalankan rancangan pembangunan di-Negeri Sarawak, kita juga sekarang sedang menghadapi satu masalah yang besar, ia-itu mengenai masalah keselamatan di-Negeri Sarawak. Sa-benar-nya masalah ini bukan hanya di-hadapi oleh orang Sarawak sahaja, tetapi masalah ini ada-lah masalah negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya mengambil peluang ini untuk menchatetkan perasaan terima kaseh yang tidak terhingga ra'ayat dan Kerajaan Negeri Sarawak kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita Tun Abdul Razak, kerana Yang Amat Berhormat itu telah bersetuju memberi segala² keperluan yang di-kehendaki oleh Negeri Sarawak dalam usaha kita bersama untuk menghapuskan penjahat² komunis di-Negeri Sarawak. Kita telah mula mengambil langkah² yang efektif yang kita harap akan dapat menjamin penjahat² yang efektif yang kita harap akan dapat menjamin penjahat² komunis di-Negeri Sarawak itu tidak akan dapat bermaharaja-lela lebeh lama lagi di-negeri kita ini, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, menghapuskan penjahat² komunis ini di-Negeri Sarawak bukan hanya tanggung-jawab ra'ayat Malaysia di-Sarawak sahaja, merbahaya yang di-timbulkan oleh penjahat² komunis itu ada-lah mengancam keselamatan seluruh negara, ya'ani mengancam keselamatan semua ra'ayat Malaysia. Dengan hal yang demikian itu, saya sangat² berharap supaya sakalian mereka yang ada mempunyai

kaitan mengenai masalah keselamatan di-Negeri Sarawak saya tumpukan kepada pegawai² yang berkenaan, khusus-nya lawat-lah Negeri Sarawak supaya dengan kata kepala mereka sendiri, mereka dapat menyaksikan keadaan yang sa-benar-nya dan dapat merasa have the feel of the situation di-Negeri Sarawak itu sendiri daripada hanya membaca minit² atau memorandum yang di-hantar oleh Pegawai² Kerajaan Negeri Sarawak.

Dalam menghadapi keadaan yang seperti ini, Tuan Yang di-Pertua, pengalaman yang pahit yang di-rasa oleh negara² yang lain jelas menunjukkan bahawa senapang atau senjata² yang lain dengan ubat²-nya atau pun dengan rengkas-nya tindakan sa-chara militari sahaja tidak mencukupi dan tidak akan menjamin kemenangan perjuangan kita. Yang penting sa-kali ia-lah perjuangan supaya perasaan dan fikiran ra'ayat itu menyebelahi pihak kita dan di-sini-lah sekarang Kerajaan kita menekankan kepentingan.

Tuan Yang di-Pertua, perjuangan ini perjuangan ideologi di-mana kemenangan itu tidak dapat di-tentukan dengan sa-chara peperangan senjata biasa, peperangan menawan hati dengan perasaan baik sakalian dan dengan hal yang demikian tadi role yang boleh di-mainkan oleh pihak militari, role yang penting sa-kali tidak dapat di-nafikan ia-lah memberi sokongan sa-penoh²-nya seperti yang telah mereka beri di-masa² yang lampau dan sekarang juga kepada Kerajaan Civil, ia-itu Kerajaan yang di-pilih oleh ra'ayat.

Tuan Yang di-Pertua, sa-masa saya berchakap sekarang ini beratus² anak² Malaysia ra'ayat Malaysia di-Sarawak yang mempunyai ta'at setia yang tidak berbelah bagi kepada negara kita ini, sekarang berlatih bagaimana menggunakan senapang, bagaimana memikul senapang untuk menjaga keamanan kampung halaman, anak isteri keluarga mereka sendiri. Ra'ayat sendiri telah tampil kahadapan dengan sukarela minta menjadi Ahli Pasokan Keselamatan Kampung, dan semangat yang telah ditunjukkan oleh mereka itu sanggup memberi pengorbanan yang paling tinggi, ia-itu sanggup mati jika perlu untuk negara mereka ada-lah satu perasaan yang tidak dapat kita gambarkan dengan perkataan sahaja.

Mereka telah sanggup memikol senapang dengan sukarela-nya untuk menentang penjahat² komunis, dan saya sendiri mewakili Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah pun memberi senapang² itu dengan ubat²-nya sa-kali kapada bukan sahaja anak² bumiputra di-negeri Sarawak, Melayu, Iban, Melanau tetapi juga orang Malaysia keturunan China, dalam kawasan² sensitif dalam Bahagian Ketiga. Ini di-minta sendiri oleh mereka itu.

Pada hari Sabtu yang lalu dalam Lawatan saya di-daerah Bintang—nama-nya tidak begitu baik, Tuan Yang di-Pertua, itu-lah nama daerah itu tadi 'Bintang'. 40 orang, orang² keturunan China telah mendaftarkan diri untuk menjadi ahli² Pasokan Keselamatan Kampong. Kumpulan² atau pun suku² bangsa yang lain juga akan di-beri latehan yang sa-chukup bagi menjaga keamanan kampong halaman mereka sendiri. Dengan hal yang demikian itu, tidak-lah dapat dinafikan bahawa seluruh ra'ayat Malaysia di-Sarawak terutama sa-kali yang mempunyai ta'at setia yang tidak berbelah bagi kapada negeri ini menolak 100% dan akan terus menolak penjahat² komunis itu. Keazaman mereka yang kuat di-sertai dengan kemahuan yang telah mereka dorong dalam diri mereka sendiri akan menjamin ra'ayat ini tidak akan dapat di-pengaruhi oleh penjahat² komunis itu lagi, tetapi sa-balek-nya mempunyai kemahuan sahaja untuk melawat tidak menchukupi mempunyai kesanggupan untuk mengorbankan jiwa tidak menchukupi, mereka hendak-lah di-beri senjata yang di-kehendaki oleh mereka. Dan sa-kali lagi saya berterima kaseh kapada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan Pusat yang telah pun membekalkan beribu² batang senapang demi kepentingan ra'ayat Sarawak menjaga tanah ayer kita ini, tetapi banyak lagi senapang² yang di-kehendaki oleh ra'ayat dan saya harap, saya yakin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan memberi keperluan² dari sa-masa ka-satu masa.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyambong ucapan saya ini dalam bahasa Inggeris, kerana ini banyak menyentoh sabagai komen kapada ucapan² daripada pehak Pembangkang dari Sarawak terutama sa-kali Ahli Yang Berhormat dari Saratok.

(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, parallel with the economic development that is brought

about by the wise economic policy of our Government is also the steady growth of national consciousness and identity amongst the peoples of Malaysia. In a smaller scale, it has been exemplified in the willingness of our brother Malaysians both from West Malaysia and Sabah to fight the common enemy in Sarawak. Many have given their lives in the course of their duty and before the battle is completely won, before final victory is achieved many more perhaps will have died. Recently, we have had 15 members of the Security Forces, 13 from West Malaysia and two from Sabah, ambushed, shot dead by the enemy. But, Mr Speaker, Sir, with each death on our part, there is that much increase in our realisation that whether we come from West Malaysia or Sabah or Sarawak, we are one people, the people of Malaysia and Malaysia is our country—the only object of our loyalty. This spirit, Mr Speaker, Sir, can also be fostered by other ways. The bridge of Unity and National Solidarity can be constructed in other areas, but this bridge can only be built on a strong foundation upon which each and everyone of us is equally dependant. We must have a common cause and our common cause is our loyalty and allegiance to Malaysia only.

Mr Speaker, Sir, while we do not cherish any self-praise, I wish to state in this House, particularly for the benefit of the Members of the Opposition Party, SNAP from Sarawak, that the Sarawak Coalition Government has made tremendous progress in the national consolidation effort. To a great extent, we have made the people of Sarawak realise that they are first and foremost Malaysians, not Sarawakians. We are intensifying our efforts to create a truly strong spirit of Malaysian nationalism and patriotism.

Mr Speaker, Sir, in his speech last Friday, the Honourable Member for Saratok, among other things, also touched on the need for creating an awareness among the people of the national efforts and goal in order to win their hearts and minds. How beautiful an expression was used by him. His party, SNAP, he said, could also help in bringing about Malaysian integration and, in the same breath, he also sought an excuse for being provincial. Where is the logic in this? But it is typical of the party of which he is a member. There is nothing strange about this. The tragedy, however, is that while outwardly they appear to be concerned with national

affairs, by their actions they do not in any way help in creating the national consciousness and national identity as we understand it. The claptrap, the slogan, whatever one likes to call it—Sarawak for the Sarawakians—can hardly be called a factor that contributes to national unity. Yet this is the slogan that SNAP wants it to be identified with.

Mr Speaker, Sir, the top leaders of SNAP have been exposed in the Sarawak Council Negri, Legislative Assembly, as those who did not practise what they preached when they were in power. Yet the Honourable Member for Saratok had the temerity last Friday to play in this Dewan the same old tune. He called upon the Government to put aside political affiliations in the discharge of public duties. Sir, when the Chairman of SNAP was leading the SNAP Government of Sarawak, he practised to the fullest extent the worst type of political nepotism. I need only quote the case of Orang Kaya Pemanchar Dukau, which is a typical example. He was ordered, literally ordered, by the then Chief Minister of Sarawak on 6th September, 1965 "to be told to retire from service." Allow me, Mr Speaker, Sir, to read the relevant minutes to this Dewan for the benefit, particularly of the Honourable M.P.s of the Opposition. I have here a photostat copy.

"Deputy Chief Minister (at that time the Honourable Member for Miri-Subis)

M.S.S. Tony Shaw"

This is what the then Chief Minister wrote:

"I must make it very clear that Orang Kaya Pemanchar Dukau will never be promoted because he belongs to an Opposition party. The question of promoting Penghulu Orang Kaya Pemanchar to Pengarah or Temenggong is the Chief Minister's responsibility. I purposely bypassed Dukau because he is not our man. It must be understood my Government is a political Government. My instruction"

Tuan Luhah Wan: Minta penjelasan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tidak boleh penjelasan. Kalau hendak tegor atas on a point of order atau pun hendak menjelaskan ucapan yang kita sendiri telah buat.

Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: I continue the quotation:

"My instruction is Orang Kaya Pemanchar Dukau to be told to retire from service. He is quite old and no longer active as an Orang Kaya Pemanchar. Please act accordingly.

NO APPEAL TO BE ACCEPTED

(sd) Stephen Kalong Ningkan
Chief Minister
6th September, 1965"

Sir, in place of the dismissed Orang Kaya Pemanchar Dukau, who is still alive and strong in Serian, the then Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak appointed Enche' Rahun, who is now the Honourable Member for Serian, purely because of political affiliation. I need hardly elaborate on this.

Of course, Mr Speaker, Sir, one sympathises with many of the SNAP Members who have to rely on ghost writers not responsible to this Dewan. As usual, either in this Dewan or in the Council Negri in Sarawak, they just read what has been written for them by others. The result, of course, is obvious. That is why, Mr Speaker, I hope that the Honourable Member understands what he utters. A real Malaysian would put his nation truly first and foremost in words and deeds above everything else and the interest of the nation takes precedence over everything else, even his life, let alone his party. For as long as one is not prepared to undertake this, he has no business whatsoever to criticise what others are doing to bring about national unity in this country.

Mr Speaker, Sir, the Honourable Member for Saratok also seems to infer that without Opposition representation in the Development Committees, the Government is not in a position to determine what the people want. This, to say the least, is an absurd thinking, reflecting the attitude of the Opposition Member. We in the Government regard development as something where political issue is barred from obscuring the true objective and our development objective is simply and purely to bring about a better standard of living to the people regardless of their racial origin or political

affiliations. It is true that at the Divisional and District levels, the membership of the Action Committee excludes the political leaders: but not only the political leaders of SNAP, even the political leaders of my party, the S.U.P.P. and others are not included in those Committees. These Committees, however, are not responsible for planning of development. This is the responsibility of the State Action Committee, which is composed of senior qualified Government officers and also must necessarily include Ministers, who are the elected representatives of the people. There is no question of the Committee not knowing the need of the people. The very fact that we are in power is an acknowledgement by the people that their aspirations are recognised and being realised. Our development programme is co-ordinated with our security efforts. The suspicion of the Honourable Member for Saratok that communist terrorists are now having a field day is, therefore, unfounded. On the other hand, they will have a field day if irresponsible people are allowed to meddle in the planning and implementation of the development programmes. Development is one sphere of activity in which we cannot tolerate delays, and delays are often caused by having unsuitable people whose only interest is to discredit the Government.

Mr Speaker, Sir, the problem of school drop-outs is not only confined to West Malaysia; it is a national problem. I hope that since a survey on school drop-outs is to be conducted or is being conducted in West Malaysia first, any solution that is found will be made applicable to East Malaysia as well, after taking into consideration of course the peculiar conditions prevailing in the two States. One of the ways in which the Sarawak Coalition Government has decided to solve the problem is to do away with the Common Entrance Standard VI Examination. This will be implemented as soon as it is practicable as more teachers and accommodation will have to be found first. The question of school drop-outs should not be looked at as a purely educational exercise. It has a far-reaching effect and it is especially so in Sarawak, where young children have been made the target of communist subversion.

Tuan Yang di-Pertua, saya geli hati juga mendengar ucapan daripada rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Johor Tenggara mengenai masalah filem² sex dan lain².

Kalau di-zaman dahulu, Tuan Yang di-Pertua, orang pergi ka-Sarawak atau Sabah melihat ra'ayat bumiputra topless, mereka ketawa dan mereka kata primitive. Sekarang nampak-nya sa-makin topless, sa-makin bottomless, sa-makin moden, ini nampak-nya definition baharu; sedangkan di-Sarawak sa-makin sahari payah kita hendak chari topless, jauh lagi bottomless.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin akhir-nya untuk memberi sokongan yang penoh kepada usul yang di-buat oleh Ahli Yang Berhormat dari Segamat Utara mengenai Titah Uchapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kaseh.

Tuan Su Liang Yu (Bruas): *(Dengan izin)* Mr Speaker, Sir, I rise to associate myself with the Mover of this Motion to offer His Majesty the Yang di-Pertuan Agong our humble thanks for the Gracious Speech from the Throne to the Dewan Ra'ayat of Malaysia in Parliament for the official opening of the Second Session of the Third Parliament.

It is indeed very true that we have had independence for nearly fifteen years, yet we are still confronted by many serious problems such as increasing unemployment year by year, a large number of school drop-outs from the primary and the secondary levels, fragmentation of estates and a steady increase in the high cost of living. In spite of the Government's encouragement to boost more industries and foreign investors to help solve the big unemployment in Malaysia, but such encouragement only benefits a handful of those holding top executive posts such as the managing directors, directors and board of governors, etc. Only those fortunate relatives of those executives would get employment. The school leavers with M.C.E. qualification could not get even the labourer's job unless he or she is related to those executives.

I urge the Government to look into this matter to stop discrimination and nepotism and to ensure that those who are qualified and deserving to be employed be employed; otherwise in another 10 or 20 years to come half the population of Malaysia would be unemployed.

However, Sir, the Government has realised that there is a need for constructive Opposition and we on our part in the People's Progressive Party shall keep a careful watch over the actions of the Department of

Implementation, Co-ordination and Evaluation and those of the National Action Council to see that the Plan is fully implemented fairly and justly. For too long the people of Malaysia have lived in circumstances of poverty not to be cautious over the promises made by the Government to eradicate their state of poverty. The people of Malaysia have been fully aware of the problems of the "haves" and the "have-nots" and the need to redress the economic imbalance. These have been thrashed out over months.

The promises implied by the Second Malaysia Plan and the implementation of the projects envisaged by the Government will provide with a new dimension and a new arena of political activities between the Government and the Opposition. We constantly check on the progress of the implementation in this House to ensure the benefits of the Second Malaysia Plan so that it will actually accrue to every single Malaysian equitably, justly and fairly. We shall do everything we can to ensure that no one will be denied of his rights or deprived of his opportunity of livelihood as guaranteed in the Federal Constitution of Malaysia.

Sir, similarly, with the new concept of the Plan to bring new economic development into the rural areas, the farmers must be ensured that the new scheme will actually bring them greater benefit, will not dislocate the pattern of livelihood to which they adhere through habit and custom. They must be fully shown that they would directly enjoy the benefits of the new programmes of double cropping, triple cropping and new crops. The farmers will not be satisfied by the promises of the new economic development when they see that the Government subsidy for padi does not parallel to the higher costs that are involved in the new methods brought about by the Government.

Before Merdeka we never heard of estates being sold or fragmented, but now estates after estates have been sold from hand to hand and finally fragmented by those unscrupulous syndicates who became rich overnight. The Government should discourage and never allow estates to be fragmented in the interest of the labourers who had been born and brought up in the estates. When their estates had been sold the labourers had

to move out of the estates so as to give way to the relatives of the new employer, because the Government had provided the new employers with the new labour law that the labourers could be ejected within 14 days' notice by the racketeers. So the labourers could be confronted too with unemployment and their children have to stop schooling, though there is a provision in the Land Code prohibiting land of not more than 50 acres to be fragmented nor an estate to be sold to not more than four persons' share.

It is not my intention to add salt to the wound, but I speak with the intention that the Government should take serious action against those estates which had been sold from one employer to another who then disposed of the said estates to the smallholders by agreements executed through a legal firm, like the Suffolk Estate in Sitiawan, Perak. It was first sold to a chettiar who later mortgaged the said estate to a finance company in Taiping and subsequently the finance company disposed of the estate piece by piece to the smallholders. This sort of attitude adopted both by the Government and the employers should be checked without any further delay in the interest of the tappers and their dependants.

Tuan Yang di-Pertua, local goods are always more expensive than the imported goods. The price of sugar and milk has gone up by another 5 cents per kati and per tin respectively. Any new factory or industry means the increase of price for goods after its production. Sugar retails at 45 cents a kati, but a ton of sugar costs only \$591.60. Hence a kati of sugar costs only 35 cents. So why is there a discrepancy of 10 cents in a kati, but a ton of sugar costs only \$591.60. tion amongst local shopkeepers that the price of sugar will increase further in the coming months. As the present situation stands, the price of sugar is too much for any lower income group.

Sir, it is shocking and I regret to note that there were 93,300 school drop-outs at the primary school level and 86,401 at the secondary level in Malaysia last year. The Ministry should take a very constructive measure to see that those drop-outs continue their further studies. There are many reasons.

attributing to those drop-outs, but I prefer to group them as follows:

- (1) Expensive and constant change of school text-books.
- (2) Underqualified teachers teaching Bahasa Malaysia.

It is always against the Government policy to have constant change of text-books. The printers have cleverly changed certain contents in the books to avoid being caught by the Ministry, so that what is good for this year is no good for the following year. If a parent has 4 children learning in the primary school and 3 children learning in the secondary school, he has to buy 7 sets of text books for his children in the first half of the year and then another 7 sets of text books for the second half of the year, which would cost him approximately \$250 a year which is very expensive. So I urge the Ministry to look into this problem carefully and then have standardised text books throughout Malaysia, so that the poor parents need not or will not be in fear of having to buy expensive text books for their children.

Many primary school teachers are asked to teach Bahasa Malaysia in schools when they themselves are underqualified or incompetent to teach Bahasa Malaysia, just because they have undergone three-months in service training in Kota Bahru for primary school teachers and Pantai Valley in Kuala Lumpur for secondary school teachers. So the three-months courses are inadequate to equip a teacher with a sufficient command of Bahasa Malaysia. This type of education policy will naturally do more harm than good to our children, when the Government is really and seriously wanting to implement Bahasa Malaysia as the sole medium of instruction at all levels. I for one would like to urge the Government to defer the decision for the compulsory oral test for Bahasa Malaysia in the L.C.E. this year until the Government has found a remedy to the present defective teaching of Bahasa Malaysia in schools. Thank you, Sir.

Dato' Engku Muhsein bin Engku Abdul Kadir (Trengganu Tengah): Tuan Yang di-Pertua, saya bersama² bangun untuk menyebarkan penghargaan atas Titah Uchapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Satu perkara yang sangat menarek perhatian

saya ia-lah sa-bahagian yang besar daripada pati Titah Uchapan Duli Yang Maha Mulia itu ia-lah berkenaan dengan dasar Kerajaan untuk memperimbangan gulongan yang berada dengan gulongan yang tidak berada. Memang-lah ini satu perkara yang sangat besar, yang saya perchaya Kerajaan dengan chara ikhlas dan jujur sedang melaksanakan chara ini sa-chepat mungkin. Walau macham mana pun apa yang saya harap dapat perhatian Kerajaan di-samping Kerajaan dengan bersungguh² dan jujur mencari jalan memperimbangan keadaan pehak² yang berada dengan yang tidak berada, baharu-lah pula pehak Kerajaan, saya rasa, dengan chara yang lebih serious lagi, dengan lebih bersungguh lagi melihatkan pula ada-kah perimbangan ini hanya sa-mata² bagi pehak yang berada dengan yang tidak berada, tidak-kah patut pula di-ambil perhatian, timbangan yang sedang saya nampak berlaku dengan begitu hebat-nya di-antara negeri² di-Pantai Timor dengan negeri² di-Pantai Barat.

Jikalau kita perhatikan daripada rancangan perbelanjaan yang di-kemukakan oleh Kerajaan, saya sangat-lah merasa dukachita oleh kerana peratus yang di-untokkan kepada kawasan di-Pantai Timor, terutama di-negeri Trengganu di-bandingkan pula dengan Negeri² Pantai Barat, boleh di-katakan peratus-nya itu terlampau rendah. Padahal keluasan daerah atau Negeri itu boleh di-katakan lebih kurang sahaja. Dan sebab itu-lah jikalau kita pergi lebih dalam lagi, mithal-nya pada pendapatan tiap² sa-orang, tidak salah saya pada hari ini pendapatan per kapita bagi sa-saorang katakan di-Kuala Lumpur atau negeri Selangor ini lebih kurang \$1,000.00, tetapi kalau kita lihat pendapatan bagi sa-saorang di-Negeri Trengganu lebih kurang hanya \$400.00. Jadi, dengan sebab itu saya rasa di-samping Kerajaan bersungguh² melihat perimbangan yang berada dengan yang tidak berada maka pertimbangan di-antara Negeri² Pantai Timor dan Negeri² Pantai Barat perlu, saya rasa, lebih² lagi di-ambil berat. Dan sebab itu-lah juga walau pun mithal-nya negeri Trengganu hanya mempunyai penduduk hampir 400,000 orang sahaja di-bandingkan dengan negeri Selangor yang mempunyai penduduk 1,000,000 lebih, tetapi peratus pemuda², belia², lelaki dan perempuan yang tidak mempunyai pekerjaan, lepasan L.C.E., lepasan M.C.E., lepasan H.S.C. dan sa-bagai-nya peratus-nya lebih

banyak di-negeri Trengganu jika di-bandingkan dengan peratus di-negeri Selangor ini.

Tiap² kali saya pulang ka-Trengganu, sama ada di-Kuala Trengganu atau pun melawat kawasan Trengganu Tengah, saya di-hujani oleh beratus² pemuda² yang bukan hanya lepasan sekolah rendah bahkan sabahagian besar-nya lepasan Tingkatan V atau Tingkatan VI, yang meminta recommendation, meminta sokongan untuk mendapatkan sa-suatu pekerjaan. Satu yang kosong, untuk hanya menjadi Hospital Attendant, satu kosong 400—500 orang, termasuk yang lepasan M.C.E. meminta pekerjaan itu. Saya agak angka ini tidak sampai bagitu tinggi-nya jikalau kita bandingkan di-sabelah Ipoh, di-sabelah Kuala Lumpur, Seremban dan sabagai-nya. Ini-lah keadaan²-nya, Tuan Yang di-Pertua, yang saya rasa tidak boleh kita ringankan, oleh kerana kita mengetahui Pantai Timor dan Pantai Barat ada-lah di-umpamakan tangan kanan dan tangan kiri. Jikalau tangan kiri kita tidak bagitu sempurna dan kita lemah maka tidak guna-lah badan yang sehat pun oleh kerana tidak dapat membuat pekerjaan yang sempurna.

Satu perkara yang saya rasa Kerajaan harus mengambil berat pula dan ini sa-chara berkebetulan Yang Berhormat Menteri Pelajaran ada di-sini ia-lah chara semangat murid² sekolah yang lepasan daripada bangku sekolah. Satu perkara yang memelekkan ia-lah tiap² murid yang keluar daripada sekolah sa-lepas S.R.P. atau pun L.C.E., lepasan School Certificate dan sa-bagai-nya, telah memandang ia-itu kerana mereka itu mendapat sedikit pelajaran, telah ada satu sijil, maka tempat mereka tidak patut lagi pergi kembali ka-tanah menjadi petani, menjadi pekebun atau pun sa-orang peniaga, tetapi tempat mereka ia-lah menjadi itu-lah orang makan gaji. Kalau boleh bekerja dengan Kerajaan, jadi mandor pun tidak apa, tetapi hendak makan gaji kerana ketetapan menerima pendapatan tetap pada tiap² bulan. Ini satu semangat, saya rasa bukan-lah saya hendak salahkan Kementerian Pelajaran yang ada, tetapi ia-lah satu semangat yang di-pusakai, yang di-turuni oleh penjajah pada masa dahulu. Semangat ini, saya rasa mustahak-lah semua pehak terutama sa-kali pehak Pelajaran mengambil satu tindakan yang tegas supaya murid² itu tidak-lah menjadi hanya gulungan yang tahu untuk menjadi hamba, yang tahu hanya makan gaji, tetapi akan menerbitkan pula murid², pemuda²,

ra'ayat² pada masa yang akan datang yang sanggup menghadapi dan memasoki apa² lapangan yang sesuai untuk faedah mereka bersama di-samping memberi bakti jasa pada tanah ayer.

Tuan Yang di-Pertua, di-samping itu saya rasa satu perkara yang aneh sa-kali ia-lah sambutan atau sokongan atau bantuan pehak Kerajaan kepada negeri² Pantai Timor, terutama Trengganu. Jikalau di-bandingkan dengan yang di-berikan kepada negeri di-lain² tempat, saya rasa sangat-lah tidak berpatutan. Padahal keadaan² di-negeri² Pantai Timor, terutama negeri Trengganu sangat-lah kurang jika di-bandingkan dengan negeri² lain. Kerajaan berbilang² kali melalui Menteri dan juga pembesar² yang lain mengatakan hari ini menyokong pembukaan lapangan perusahaan, lapangan² perkebunan dan pertanian di-seluruh negeri, terutama sa-kali di-negeri² Pantai Timor, tetapi apakah langkah² yang sungguh di-beri oleh Kerajaan menyokong Kerajaan² Negeri atau di-buat sendiri oleh Kerajaan² di-lapangan ini.

Mithal-nya Kerajaan Negeri Trengganu meminta sa-buah pelabohan di-negeri Trengganu. Kerajaan Pusat jawab sudah ada sa-buah pelabohan yang hendak di-buat berhampiran dengan Kuantan, maka tidak payah-lah sa-buah pelabohan baharu di-buat lagi di-negeri Trengganu. Saya faham perbelanjaan membuat pelabohan sangat-lah besar, tetapi kenapa jikalau di-Pantai Barat boleh di-buat Pelabohan Kelang, boleh di-buat Pelabohan Pulau Pinang, hendak di-buat pula sa-buah pelabohan di-Johor Selatan, entah di-mana-kah; hendak di-buat pula pelabohan di-Port Dickson, di-Melaka dan Lumut, sedangkan Pantai Timor buat satu pun sudah kata chukop. Ini-kah satu keadilan, yang saya rasa Kerajaan patut ambil tindakan, padahal kita mengetahui pada hari ini di-negeri Trengganu sahaja mithal-nya ada berpuluh² ribu ekar tanah yang di-buka kerana kelapa sawit, kerana perkebunan getah dan berbagai² perkebunan lagi. Kelapa sawit ini ia-itu di-buka di-Sungai Tong, yang di-buka di-Jerangau dan lain² lagi, hari ini terpaksa di-bawa dengan ongkos atau belanja yang besar ka-Pantai Barat. Padahal jikalau di-benarkan sa-buah pelabohan, saya dapat fahaman, Kerajaan Trengganu telah rundingkan dengan satu kumpolan yang tidak menghendaki wang Kerajaan Pusat, maka alang-kah banyak keselamatan² dari segi

kewangan dapat di-beri kepada peserta² atau pun ra'ayat² negeri Trengganu. Ini-lah satu perkara yang saya sangat hampa dan hairan atas tindakan Kerajaan yang bagini.

Hari ini, walau pun Kerajaan telah mengatikan mana² perusahaan yang di-buka di-negeri² Pantai Timor atau negeri² yang terkebelakang, perusahaan² ini mendapat satu galakan, ia-itu tidak di-kenakan chukai bagi chukai² tahunan, tetapi dengan tidakkah Kerajaan insaf dengan pengangkutan yang memakan belanja yang besar, bawa daripada Besut, daripada Kuala Berang, dari Trengganu ka-Port Kelang; sudah tentu tidak ada mana² badan perusahaan pun yang hendak membuka perusahaan di-Trengganu atau pun perkebunan di-Trengganu. Ubi kayu, nenas, mithal-nya, jikalau kita bertanya kepada pehak² yang berkenaan di-Kuala Lumpur, pehak ini mengatakan ubi kayu dan nenas ia-lah perusahaan² yang membawa hasil yang memberi keuntungan yang besar, tetapi daripada apa yang saya dapati hasil daripada satu usaha Kerajaan Negeri Trengganu hendak membuka satu ladang ubi kayu di-Mukim Tertat, Ulu Trengganu, ia-itu di-kawasan Trengganu Tengah saya yang di-jangka memberi keuntungan yang besar apabila di-selideki dalam keadaan hari ini, dengan infra-struktur yang ada pada hari ini ta' mendapat keuntungan kerana harga pengangkutan untuk membawa barang² ini dari Kuala Berang ka-Pelabohan Kelang atau ka-Singapura terlampau tinggi. Jadi, dengan sebab itu-lah saya mendesak dengan kuat-nya kepada pehak Kerajaan, di-samping membuat sa-buah pelabohan yang besar di-Kuantan yang kami sama² sokong, apa-lah kira-nya biarkan-lah pula pehak Kerajaan Trengganu dengan usaha sendiri dengan kerana saya faham tidak menghendaki wang daripada Kerajaan Pusat, tetapi dengan chara joint-venture atau sa-bagai-nya pehak² yang berkenaan membuat satu pelabohan di-mana² ka-Negeri Trengganu, mithal-nya yang di-chadangkan itu di-Kemaman untuk membolehkan dengan itu perkara² seperti ladang ubi kayu, nenas dan lain-nya dapat di-buat, jikalau tidak, sudah-lah pelabohan ta' di-beri, basib ra'ayat pula ta' terjamin sedangkan penganggoran begitu besar sa-kali. Saya perchaya jika ladang² bagini, perkebunan² bagini, perusahaan² bagini dapat di-buat oleh berbagai gulungan termasuk Kerajaan Negeri, maka soal kegagalan ini, kerugian peratus besar-nya akan dapat di-

atasi, jikalau pun tidak 100%, sa-kurang²-nya sa-tengah daripada yang dapat di-khaskan.

Hari ini satu lagi yang saya tidak mengerti kenapa badan² separoh Kerajaan seperti FIMA, seperti perusahaan nenas yang di-beri wang-nya daripada Kerajaan dan lain² lagi, biasa-nya dalam meranchangkan ranchangan² mereka hanya nampak Pantai Barat sahaja, dari Johor Bahru sampai ka-Perlis dan kalau Pahang sedikit², Trengganu ta' ada peluang langsung, kalau Kota Bharu barangkali pergi dengan kapal terbang dapat begitu juga.

Baharu² ini saya dengar ada ranchangan besar sa-buah lembaga yang sa-mata² untuk membuat kebun nenas, tetapi bila saya tanya pehak yang berkenaan yang mereka nampak hanya Johor samata². Ada-kah kerana mithal-nya, Pengerusi atau pun Managing Director-nya orang Johor? Saya agak tidak. Sebab saya rasa, rasa kedaerahan, rasa kenegerian sudah ta' ada lagi, tetapi walau macham mana pun saya chadangkan kami orang pantai timor mengatakan juga walau pun di-katakan tidak ada tetapi pada amalan-nya sedikit sa-banyak maseh lagi berleluasa. Oleh sebab itu-lah saya harap pehak² yang berkenaan mesti pandang dengan sunggoh² perkara ini, boleh jadi di-jawab kalau buka ladang nenas Trengganu ta' menguntongkan, kerana belanja pengangkutan-nya besar. Dalam hal ini saya rasa satu dasar yang tegas mesti di-buat oleh Kerajaan. Kalau satu perusahaan yang besar dapat memberi untung yang besar di-satu tempat, apa-lah salah-nya kerana badan ini juga badan separoh Kerajaan, untuk pergi ka-tempat² ka-negeri Trengganu seperti itu membuat perniagaan yang walau pun ta' untung tetapi dapat di-atasi dengan keuntungan yang besar di-tempat yang lain. Dengan sa-chara itu dapat-lah perimbangan yang saya katakan ada di-Pantai Barat dan di-Pantai Timor ini kita atasi sa-chara beransor².

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Panjang lagi-kah Ahli Yang Berhormat? Sudah 20 minit Ahli Yang Berhormat berchakap!

Dato' Engku Muhsein bin Engku Abdul Kadir: Dato' Yang di-Pertua, akhir sa-kali, saya rasa berdasarkan kepada pandangan saya tadi, maka sampai-lah masa-nya bagi Kerajaan² Pusat dan Negeri meranchang dengan sa-chara sunggoh² dan lebih berat lagi

akan keadaan hendak mempersaibangkan kekurangan² di-Pantai Timor dan memandangkan pula perusahaan² dan badan² perkebunan oleh kerana keadaan tertentu itu tidak hendak membuka di-Negeri² Pantai Timor. Patut-lah Kerajaan sendiri di-samping L.K.T.P. dan yang ada ini dengan lebih besar² lagi membuka usaha² bagini. Memandangkan pula oleh kerana sa-bahagian besar daripada usaha ini seperti ladang ubi kayu ta' boleh memberi keuntungan kerana masaalah perhubungan dan sa-bagai-nya, apa-lah salah-nya jikalau pihak Kerajaan melalui Perbendaharaan memberi pinjaman² tanpa interest kepada Kerajaan Negeri Trengganu mithal-nya, sebab dengan pinjaman tanpa interest yang di-katakan 6% itu dapat-lah jumlah pengangkutan yang tinggi itu di-saibangkan dan dengan itu saya rasa ini pula satu usaha yang jujur dan sunggoh² daripada Kerajaan Pusat untuk di-beri kepada Kerajaan² Negeri di-Pantai Timor.

Di-samping itu juga, saya berseru-lah kepada badan² yang walau pun bukan saparoh Kerajaan atau Kerajaan, tetapi mendapat monopoli istimewa daripada Kerajaan seperti katakan Badan Empat Ekor (4 Digits), Badan Toto dan lain² yang saya di-fahamkan mendapat hasil yang begitu banyak beratus² juta ringgit, maka patut-lah Kerajaan mewajibkan pula kepada badan bagini mesti menggunakan sama ada 50% atau 75% daripada keuntungan-nya itu untuk membuka perusahaan², perkebunan² di-Pantai Timor. Dato' Yang di-Pertua

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tadi sudah kata yang akhir!

Dato' Engku Muhsein bin Engku Abdul Kadir: Saya rasa lagi 3 minit, sekarang baharu 2 minit. Jadi ada 3 minit lagi, kalau boleh.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat sudah berchakap 20 minit lebih. Dato' Yang di-Pertua sudah berpesan ta' boleh beruchap lebih daripada 10 atau 15 minit!

Dato' Engku Muhsein bin Engku Abdul Kadir: Sa-kejap sahaja, yang penghabisan, boleh?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Satu dua minit sahaja lagi!

Dato' Engku Muhsein bin Engku Abdul Kadir: Terima kaseh, Dato' Yang di-Pertua. Akhir sa-kali yang saya hendak menarek perhatian ia-lah berkenaan dengan apa-kah pendirian yang sa-benar badan² separoh Kerajaan, ejensi² hari ini yang di-lantek oleh Kerajaan untuk menolong perniagaan orang² Melayu. Saya anggap dan saya menghargai langkah yang di-buat oleh PERNAS, yang di-buat oleh MARA, yang di-buat oleh Bank Bumiputra dan sa-bagai-nya, tetapi apa yang kadang² mewas²kan kami ia-lah langkah² yang di-buat oleh badan² ini kadang² sa-olah² hanya mengambil bahagian dalam lapangan yang orang Melayu mahu buat, dalam lapangan yang orang Melayu tidak buat, badan ini pun ta' buat sama. Ada-kah ini kerana sa-chara kebetulan badan² bagini kebanyakan pegawai²-nya terdiri daripada orang² Melayu, maka fikiran-nya pun chara Melayu sahaja atau pun bagaimana, saya ta' faham, tetapi daripada keadaan² hari ini menaikkan satu perasaan kepada gulungan² Melayu yang mereka ini hanya tahu buat dengan sa-chara yang orang Melayu yang biasa boleh buat. Patut sangat badan² bagini di-samping membuat perkara² yang orang Melayu boleh buat masuk dengan lebih mendalam lagi dalam lapangan² yang memang orang Melayu ta' buat yang di-buat oleh gulungan² lain. Dengan chara itu, saya rasa baharu-lah sunggoh² bersesuaian dengan tujuan² badan² ini di-tubuhkan. Terima kaseh.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Minta pendek²kan Ahli Yang Berhormat, sa-bagaimana mengikut pesanan Dato' Yang di-Pertua tadi.

Tuan Haji Mohamed Yusof bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil bahagian, untuk memberi ucapan bersama² dengan Ahli² Yang Berhormat yang membawa Usul Uchapan Terima Kaseh kepada Titah Uchapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ka-Dewan ini pada minggu yang lalu. Dalam Uchapan Titah Duli Yang Maha Mulia ini yang menarek hati saya sangat, ia-lah tujuan dan ingatan Kerajaan Duli Yang Maha Mulia untuk mengharapkan dalam masa 20 tahun supaya bumiputra dapat mengambil bahagian sa-kurang²-nya 30% bahagian ekonomi negara ini. Pada pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha ini memang-lah kita nampak, sa-bagaimana Kerajaan kita, telah mengadakan

bermacam² ranchangan dan berjuta² ringgit untuk menyediakan chadangan² ingatan yang telah saya katakan tadi.

Bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, bagi pehak bumiputra, sa-golongan-nya pekebun² kechil dan orang² kampung, maka persediaan² untuk mereka, juga, patut-lah di-beri peluang yang besar mengambil dalam ranchangan ini. Pada masa ini, Tuan Yang di-Pertua, saya memandang, tidak mungkin bilangan yang saya katakan tadi, boleh masuk mengambil bahagian dalam perkara ini. Kita mahukan anak² bumiputra daripada pekebun² kechil dan orang² kampung mesti mendapat pelajaran tinggi, supaya menikmati segala ranchangan² yang akan di-jalankan itu. Tetapi pada masa sekarang, kita tahu, kebanyakan kechichiran anak² dalam sekolah ia-lah anak² pekebun² kechil dan anak² kampung, bukanlah daripada bumiputra yang ada di-bandar atau bumiputra yang ada kewangan dan ada kesempatan. Jikalau kita tidak sa-imbangkan, bukan sahaja antara bumiputra dengan bangsa² asing, tetapi bumiputra² sama² bumiputra juga, patut kita mengambil daya upaya, supaya mereka² ini juga, mengambil bahagian, dan peluang dalam perkara ini. Pada pendapat saya, kebanyakan anak² kita yang kechichiran ia-lah kerana asas mereka untuk mendapatkan pelajaran tinggi pada mula-nya sangat² kurang, terutama sa-kali dalam segi pelajaran, di-mana sekolah² rendah mereka serba serbi-nya tidak cukup, itu yang pertama sa-kali.

Yang kedua, kekurangan² buku² teks yang mana di-laungkan oleh anak² bumiputra daripada pekebun² kechil dari satu masa kasatu masa untuk mendapat perhatian daripada Kerajaan kita, maseh belum lagi dapat perhatian yang berat. Ini saya rasa, sangat² penting kerana saya, sa-bagai wakil pada satu kawasan di-mana sa-bilangan besar-nya daripada pekebun² kechil yang berkehendakkan, supaya pekebun² kechil yang tidak mampu—orang² bumiputra yang tidak mampu membeli buku² teks dapat di-sediakan oleh Kerajaan dalam sekolah² ini supaya dapat mereka menikmati pelajaran untuk mendapatkan asas—tapak untuk meningkat, pelajaran tinggi.

Saya tahu, Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan anak bumiputra sungguh pun sa-paroh-nya dapat pergi ka-pelajaran tinggi, tetapi mereka tidak dapat berlumba, kerana asas tapak-nya tidak kuat. Saya berasa sangat²

sedeh memikirkan pada baharu² ini, Tuan Yang di-Pertua, di-mana pengeluaran² anak² bumiputra dalam Universiti kita dalam bahagian sains yang pertama tidak sa-orang pun anak daripada bumiputra, ini-lah yang saya tangiskan, Tuan Yang di-Pertua, yang patut Kerajaan mengambil berat dalam perkara ini. Kalau tidak, Tuan Yang di-Pertua, saya takut satu masa nanti, kita ta' dapat mengamankan negeri ini.

Yang kedua, saya beralah pula kepada keperluan² penting yang di-keluarkan oleh bumiputra² di-kampung² yang tidak dapat penghargaan. Ini satu perkara yang sangat² penting, Tuan Yang di-Pertua. Kita suroh mereka bertanam segala²-nya, tetapi pasaran²-nya tidak dapat kita tetapkan. Sudah sampai masa-nya Kerajaan sendiri mengambil alih bagaimana mengatorkan pasaran² ini. Dan begitu juga untuk bertanam, sampai-masa-nya ekonomi bumiputra di-tetapkan, zonekan kawasan² yang tertentu, apa-kah tanaman² yang patut di-tanam. Kita tidak mahu pada satu masa sa-bagaimana yang telah terjadi kapada getah sekarang, yang terlampau banyak, maka getah kita tidak boleh di-jual. Kita tengok pula sekarang tentang tanaman, kelapa sawit, yang pada satu masa nanti kelak, kelapa sawit tidak ada harga. Saya rasa patut sangat kita fikirkan perkara ini. Jikalau hendak bertanam kelapa sawit berapa-kah banyak kelapa sawit yang patut kita tanam 10 tahun lagi, berapa kelapa yang patut kita tanam dalam masa 10 tahun lagi. Dengan chara ini, Tuan Yang di-Pertua saya fikir dapat jaminan yang pekebun² kechil—orang² kampung atas pengeluaran barang² mereka. Tidak ada guna-nya mereka bertanam jikalau ta' boleh di-jualkan, Tuan Yang di-Pertua. Ini satu juga kesulitan yang besar kapada pekebun² kechil dan orang² kampung di-kawasan saya.

Yang ketiga, dari segi pelajaran, Tuan Yang di-Pertua. Saya nampak kita banyak—Kerajaan² Negeri menyediakan biasiswa, tetapi biasiswa ini selalu-nya di-beri kapada darjah² yang tinggi. Sampai masa-nya, kita tahu sekarang, satu daripada-nya saya cheritakan hal buku² teks. Yang kedua, mengenai kemasokan dalam Tingkatan I, sa-lepas mereka tamat Darjah VI masuk Tingkatan I, banyak tidak upaya untuk melanjutkan pelajaran kerana kemiskinan dan sa-bagai-nya, patut saya rasa kita zonekan—untukkan dalam satu kawasan. Sa-umpama-nya di-kawasan saya di-Temerloh kita adakan \$100,000 hadiah di-tayangkan kapada anak² bumiputra supaya mereka kuat

belajar, ada benda-nya dia terkam. Dengan chara ini, saya perchaya bumiputra lebih minat belajar dengan ada benda yang dia kehendaki—tidak macham sekarang, Tuan Yang di-Pertua, sa-telah lulus pepereksaan, kita beri dia scholarship, dia tidak ada minat dia tidak sayang kepada scholarship itu, tetapi jikalau dia berlumba², dia berkehendak, saya perchaya ini akan meninggikan taraf pelajaran mereka² itu. Rasa saya, ini-lah dua tiga perkara, Tuan Yang di-Pertua, kerana saya sudah dua tiga kali Dewan bersidang tidak dapat peluang saya berchakap, tetapi kali ini saya berterima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya berchakap. Terima kasih.

Tuan Chen Ke Ming (Sarikei): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I would like to touch on a few points which concern the people in Sarawak in general and the people in my constituency and the neighbouring areas in particular.

Mr Speaker, Sir, the Government is spending millions and millions of dollars in agriculture with the objective of achieving greater nett income for the farmers. This is very well and good, but I wish to point out here that due to the security situation prevailing in the rural areas, the farmers, particularly the pepper planters in the Third Division, Sarawak, suffer a great deal. Some of these pepper planters, after several years or at least one year's hard work do not enjoy the fruits of their labour because the berries on the pepper vines were plucked by thieves and some of the dried pepper stored in their houses was stolen. These thieves were sometimes armed with firearms. Some of these cases have been reported to the authorities whilst some were not. In one particular instance there was enough evidence that stealing was committed by a certain culprit. But so far no positive measures have been taken. On account of this, some of these pepper planters sought to desert the pepper gardens and move to the towns. This is serious. These hardworking and productive people, once they move to the towns, will become unproductive and will eventually create social problems to the country. These farmers even could not reap what they have toiled, let alone going to start new plantations. This has a far-reaching effect upon the pepper planters in the Third Division, Sarawak. I hope that the Government would take a serious view of this matter,

especially since the Third Division in Sarawak is now under special security area. Therefore, the Government has all the power to deal with this situation effectively before it goes out of hand.

Mr Speaker, Sir, a few days ago, the Honourable Chief Minister of Sarawak began issuing firearms to the Vigilante Corps people to fight the Communist Terrorists. Here, I would like to caution the authorities to take every precaution to exercise strict discipline. Unless this can be achieved, I fear it would do more harm than good. The authorities must make prompt investigations whenever any complaints are being lodged.

Mr Speaker, Sir, the Government has been appealing to the subversive elements to come out and surrender themselves and then they will be given a chance to live a new life. In this connection, I would like to bring to the notice of the Government the fact that many of those who were detained in Sarawak in 1969, have written letters after letters to the relevant authorities revealing what they have done in the past, expressing their sorrow for having done so, promising to co-operate with the Government and agreeing to do whatever that the Government wants them to do for their release. They have shown their repentance not only by words but by deeds as well. After being detained for almost three years, many of these detainees are not even given a chance of being heard. If this state of affairs should continue too long, I think it will benefit no one but will cause hardship to everybody concerned. Therefore, I would like to appeal to the Government to deal with this matter urgently, for it has been delayed far too long and if they are found to be genuinely repentant and are willing to turn a new leaf, then release them, so that everyone concerned will be happy. This, of course, includes the Government because the Government will incur less expenses.

Mr Speaker, Sir, now I would like to touch upon the sales tax. Since the introduction of this new tax, the cost of living has increased generally. The prices of some of the goods which are not affected by sales tax have increased for no good reason at all. Though some of the goods are subject to the 5% sales tax, the prices of these goods have been increased out of proportion. These unreasonable increases in prices are the misdoings of

some of the unscrupulous merchants who try to fish in troubled waters. This must be stopped. To achieve this, I would suggest that these profiteers must be exposed of their misdoings and that the Government should take stern action against them. For various reasons, the prices of consumer goods in East Malaysia are higher than those in West Malaysia; and the prices of export products are lower in East Malaysia than in West Malaysia. As a result, the cost of living is higher in East Malaysia than in West Malaysia. In order to redress this situation, I hope the Government would give serious consideration for abolishing the 5% sales tax in East Malaysia.

Mr Speaker, Sir, just a few days ago, there was a Bankers' meeting in which the Minister of Finance suggested to set up a \$20 million Credit Guarantee Corporation to guarantee bank loans to rural and small-scale enterprises based on the viability of the projects and the character of the borrowers, rather than on the availability of security. I think we should congratulate our Honourable Minister of Finance for initiating such a brilliant idea of helping our people with little means.

In this connection, I would suggest that the same facilities should be accorded to those students who have the brains for higher studies, but due to the financial position of their parents they cannot do so. The Government has reiterated time and again that education is the best investment of a country. Since the Government needs a lot of qualified personnel to carry out the Second Malaysia Plan, this is one of the solutions of solving the problem of lack of personnel. In Sarawak, there is a Fund called "Students Loan", which could be advanced to the needy students for higher learning on condition that they have to provide adequate security. Many of the parents of the students are not in a position to provide the necessary security. Therefore, I would appeal to the Government to do away with security, so long as the Government is satisfied that the courses the students are going to pursue are approved ones, that the character of the students is good and that the students must come back to serve the country.

Mr Speaker, Sir, I beg to support the Motion to thank His Majesty the Yang di-Pertuan Agong for his Royal Address. Thank you, Sir.

Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, saya akan menjawab dalam Bahasa Kebangsaan dan minta izin berchakap dalam bahasa Inggeris juga.

Tuan Yang di-Pertua, di-sapanjang perbahathan ini beberapa pandangan telah dikemukakan berhubung dengan perkara² yang menyentoh Kementerian saya. Saya suka merojok kapada sa-tengah daripada pandangan tersebut di-dalam perbahathan salanjut-nya.

Some Honourable Members, Sir, especially from Bukit Bintang and Dato' Kramat, alleged that our Industrial Relations system needs to be improved in the light of the so-called industrial unrest in the country. As Honourable Members will recall, at the time when the recent amendments to the Industrial Relations Act, the Trade Unions Ordinance and the Employment Ordinance were debated in this august House last year, I mentioned, among other things, that these labour laws would be constantly under review in the light of experience gained after the implementation of the various new provisions to the law.

I must say that, generally speaking, these labour laws have been found to be satisfactory having regard to the overall national interest. However, there are certain provisions of the law which are found to be in need of review. In fact, the Labour Laws Committee of the N.J.L.A.C. is currently examining and discussing matters which are considered to be in need of urgent review. Furthermore, a fruitful discussion was held between Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri and the M.T.U.C. officials on the 6th of this month on various matters affecting the Industrial Relations system. It will, therefore, be seen that there is sufficient existing machinery as well as dialogue between Government and the workers' organisations to review such matters. Where either the workers' organisations or employers' organisations feel that provisions of the labour laws need to be reviewed they can always bring this matter up for discussion at the National Joint Labour Advisory Council, which is of a tripartite composition.

The Honourable Member for Bandar Melaka remarked that there has been an increase in industrial unrest in the country. Sir, perhaps, what the Honourable Member

terms as "industrial unrest" is the increasing number of picketing by workers to draw public attention on their grievances. It is not true to say that industrial unrest is on the increase. On the general question of alleged exploitation of workers by employers, my Ministry is doing all it can to prevent this and where cases reported to us were found to be true, appropriate action has always been taken.

On his request for the establishment of a special department to look after retrenched estate workers and to find jobs for them, our present Employment Offices are adequately equipped to cope with the problem.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor telah menyebut bahawa terdapat sa-buah kilang di-Petaling Jaya yang membayar gaji hanya \$1.50 sa-hari kepada pekerja²-nya. Saya berharap Ahli Yang Berhormat tersebut akan dapat memberi tahu saya nama kilang yang di-maksudkan-nya itu. Selalu-nya pekerja² di-bayar gaji \$1.50 sa-hari sa-masa mereka mula belajar bekerja atau pun jika mereka bekerja hanya satu atau dua jam sa-hari. Berhubung dengan permintaan oleh Ahli Yang Berhormat itu supaya di-ujudkan satu gaji minima bagi seluruh negeri sabanyak \$3.50 sa-hari, saya berpendapat masa-nya belum tiba untuk berbuat demikian memandangkan keadaan pekerjaan di-negeri ini sekarang.

In reply to the Honourable Member for Dato' Kramat, I would like to emphasise that our labour laws accord protection to workers and to employers alike. It also takes into account the interest of the community and the nation, and it is not correct to say that our labour laws are against the interests of workers. Normally all appeals made under Section 16A of the Industrial Relations Act are settled within a period of 60 days from the date the appeal is received from a dismissed worker. There are, however, a few exceptional cases which take a longer period to settle, but this is due to both parties asking for postponements or that the parties are not available for inquiries. Be that as it may, this matter was discussed at the recent meeting between Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri and the M.T.U.C., and the Government has given an assurance that it would look into the matter with a view of streamlining the procedure so as to dispose of cases expeditiously.

As regards his remarks on the Industrial Court, I would like to emphasise here that the decisions made by the court are based on the merits of each case. As the Honourable Member is aware, the functions and procedure of the Court are fully set out in the Industrial Relations Act, 1967. As I have said earlier my Ministry is looking into the whole procedure relating to dismissal cases:

As our labour laws are always being reviewed within the context of the situation in the country with the participation of workers' representatives and employers' representatives in the National Joint Labour Advisory Council, there is no necessity at present for the establishment of any Commission to look into the matter.

The allegation by the Honourable Member for Bukit Bintang that about 70 unmarried female workers in Folex Industries in Taiping becoming pregnant and their services subsequently being terminated has been investigated. There is no evidence of the alleged happenings occurring either in the factory in question or in any place of employment in the Taiping area. However, if the Honourable Member wished to pursue the matter further, I should be glad to have fuller details from him.

Some Honourable Members mentioned of unemployment and Manpower Planning.

Penekanan yang khas serta usaha² terator telah di-jalankan oleh Kerajaan dan akan terus di-lakukan untuk memperbaiki keadaan penganggoran di-dalam negara.

Kajian berkenaan tenaga ra'ayat yang sistematik sedang di-jalankan bagi menentukan kadar perkembangan pekerjaan mengikut jenis kerja seperti yang di-jangkakan dalam tempoh Ranchangan Malaysia Kedua. Pekerjaan² di-anggarkan bertambah di-berbagai-bagai sektor ekonomi di-bawah Ranchangan Malaysia Kedua sabanyak lebih kurang 600,000 pekerjaan yang mana sabanyak 495,000 ia-lah di-Malaysia Barat dan 105,000 di-Malaysia Timor. Pekerja² di-dalam berbagai-bagai sektor ekonomi sedang di-jeniskan ka-dalam kumpulan iktisas, saparoh iktisas, pengurusan, mahir dan saparoh mahir. Satakat ini Kerajaan telah menyiapkan kajian-nya di-dalam sektor pertanian dan projeksi dalam lain² sektor sedang di-jalankan.

Dalam tahun yang lalu dalam bulan Disember, 1971, sistem maklumat pasar buroh telah di-perbaiki lagi dengan menubuhkan Sistem Laporan Otomatik Perkhidmatan Pekerjaan yang mana data² pasar buroh di-kutip dan di-analisa dengan menggunakan komputer. Sistem ini menyediakan analisa² penerangan pasar buroh yang ada sekarang dengan lebih chepat dan berkesan berkenaan dengan pendaftaran, penawaran buroh dan butir² lanjut mengenai kaum, umur, latehan pelajaran dan lain² maklumat yang berkaitan. Maklumat² seperti ini akan memberikan maklumat kepada Kerajaan untuk di-gunakan dalam merancang tenaga ra'ayat.

Langkah² sedang juga di-ambil bagi mendapatkan maklumat² dari Kerajaan dan pehak swasta mengenai punga² penawaran buroh dan pechahan² kaum di-dalam jawatan² ini bagi membolehkan Kerajaan mengambil langkah yang betul untuk menentukan bahawa peluang² pekerjaan yang di-perolehi ada-lah menggambarkan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan.

Langkah² positif juga sedang di-pertimbangkan bagi mengadakan satu saluran perhubungan yang rapat dan perhubungan dengan bekul² penanaman modal untuk mendapatkan lebih banyak lagi maklumat² mengenai keperluan² tenaga buroh mereka dengan tujuan untuk memenuhi kehendak² mereka yang tertentu.

Perkhidmatan pekerjaan terus-menerus menjalankan tugas²-nya dengan langkah² yang telah berjaya terhadap pendaftaran penchari² kerja, penempatan² kerja, memudahkan perpindahan tenaga buroh ka-Sabah, mengadakan lebih banyak lagi peluang² pekerjaan bagi warganegara dan juga panduan pekerjaan bagi belia². Perkhidmatan itu juga terus memainkan peranan yang penting dalam membentokkan sa-mula masyarakat dengan membetulkan ketidak sa-imbangan tenaga kerja menerusi gerakan² penempatan kerja. Dalam tahun lepas sa-banyak 157,302 orang telah di-daftarkan dan 33,702 penchari² kerja itu telah mendapat pekerjaan.

Ranchangan² latehan perusahaan yang pesat sedang di-jalankan bagi menyesuaikan tenaga buroh yang ada terhadap kemajuan perusahaan yang tinggi di-Negara ini. Untuk tujuan ini ranchangan latehan telah di-gubah bagi melengkapkan belia² dan penganggor dengan kemahiran pekerjaan yang asas dan untuk memperbaiki kemahiran pekerjaan²

pekerja². Kementerian saya telah juga menubuhkan Perkhidmatan Penasihat di-dalam ranchangan² latehan bahagian dalam loji untuk menyedia keperluan² khas pertubohan² perusahaan. Oleh sebab Pengajar² Ketukangan merupakan anggota yang penting di-dalam sebarang ranchangan latehan perusahaan dan untuk mengatasi kekurangan anggota tersebut di-Malaysia, satu ranchangan latehan kebangsaan akan di-tubuhkan di-dalam pertengahan tahun ini di-Institute Latehan Perusahaan Kuala Lumpur. Ranchangan² latehan dalam berbagai kemahiran pekerjaan bagi bekas² perajurit akan juga kendalikan dalam tahun ini. Kemudahan² latehan perusahaan yang akan ada sekarang akan di-perbesarkan lagi pada tahun ini apabila satu lagi Institut Latehan Perusahaan di-Butterworth di-mulakan pada awal tahun 1973 dan kemungkinan menubuhkan lebih banyak lagi Instituti di-kawasan² perusahaan yang baharu akan sentiasa di-pertimbangkan.

Dengan tujuan melichinkan dan menyamakan taraf ketukangan perusahaan dan perusahaan² yang berdasarkan kebangsaan satu Lembaga Latehan Perusahaan dan Persijilan² Ketukangan Kebangsaan telah di-tubuhkan dalam bulan Disember, 1971 dan dengan Undang² Penubohan Lembaga ini dan penetapan kemahiran ketukangan bersangkutan dengan latehan, sekatan pelajaran, pe-periksaan, ujian dan persijilan yang berdasarkan kebangsaan akan di-adakan. Usaha² sedang di-lakukan sekarang untuk menentukan taraf ketukangan bagi Mekanik Kenderaan Motor (Motor Vehicle Mechanic) Penyejukan (Refrigeration) dan Ketukangan Mendinginkan Hawa (Air-Conditioning Trade). Penubohan Majlis Penasihat mengenai Latehan Perusahaan baharu² ini sa-terus-nya akan memberi garis² panduan yang positif terhadap Latehan Perusahaan di-Negara kita.

Dalam segi langkah² Keselamatan Sosial 1hb Oktober, 1971 menentukan satu lagi "milestone" dalam Undang² Buroh Kerajaan dengan perlaksanaan sa-penoh-nya Ranchangan Insuran Chedera sa-masa bekerja (Employment Injury Insurance Scheme) di-Johor Bahru. 1hb Jun ia-lah tarikh pelancharan ranchangan ini yang akan di-adakan bagi kawasan² Kuala Lumpur/Petaling Jaya. Persediaan² bagi memulakan pergerakan ranchangan ini di-Ipoh, dan di-Pulau Pinang sedang di-siapkan di-ikuti pula oleh pusat²

lain yang sesuai di-seluruh Negara. Kajian² kemungkinan melanjutkan rancangan² ini ka-Malaysia Timor akan juga di-jalankan. Penubohan rancangan Penchen bagi pesakit² tetap (permanent invalidity pension scheme) di-negara ini akan juga di-perhatikan pada tahun ini.

Berhubung dengan Kesihatan dan Keselamatan Perusahaan, Kementerian saya sedang menumpukan perhatian khas terhadap masalah² pengatoran dan pada masa ini kajian² permulaan sedang di-buat di-kawasan² perusahaan tertentu di-negeri ini. Persediaan² yang aktif sedang di-kelolakan untuk menguat-kuasakan langkah² keselamatan perusahaan di-Malaysia Timor.

Di-samping mengusahakan sa-berapa yang boleh untuk meranchangkan penggunaan tenaga kerja dan menchuba sedaya upaya menchari pekerjaan untuk penganggor² supaya mengurangkan keadaan penganggoran, Kementerian saya juga sedang mengambil langkah² positif dalam segi Buroh dan Perhubungan Perusahaan untuk menentukan keadaan tenaga buroh yang lebeh baik keseluruhan-nya.

Tuan Yang di-Pertua, sukachita saya memberi tahu kepada ahli² Dewan ini bahawa Kerajaan telah juga menubuhkan satu Yunit Penyelidikan Gaji di-Kementerian Buroh dan Tenaga Ra'ayat. Dengan penubohan Yunit yang baru ini usaha² khas akan ditujukan kepada penyelidikan terhadap kadar² gaji dan semua sharat² pekerjaan yang lain di-sektor swasta, sektor awam dan majlis² tempatan dan badan² berkanun. Oleh kerana maklumat² dan data² mengenai gaji dan sharat² pekerjaan yang kekurangan Yunit ini akan memberi penegasan utama kepada sektor swasta. Yunit ini khusus-nya akan menjalankan penyelidikan terhadap susunan gaji, elaun² dan kesemua sharat² perkhidmatan pekerja² di-sektor swasta. Oleh yang demikian peranan Yunit ini ia-lah untuk memberikan maklumat dan nasehat kepada Kerajaan mengenai penentuan dan perubahan gaji yang patut, terutama-nya bergantung kepada prinsip perbandingan yang adil. Kerja memungut data² akan terus di-lakukan supaya maklumat² mengenai angka² gaji akan sentiasa kemiskinan. Dalam lapangan ini ada-lah di-harapkan bahawa kedua² sektor awam dan swasta akan memberikan sa-penoh kerjasama kepada Yunit ini dalam fungsi²-nya memperolehi data² dan maklumat yang betul.

Di-masa ini Kementerian saya sedang mempertimbangkan untuk melanjutkan saterus-nya peratoran² gaji minima dengan meluaskan untuk melindungi perusahaan² yang rendah kadar gaji-nya dan pekerja² yang tidak boleh mengendalikan diri mereka sendiri. Yunit Research Gaji ini melakukan research dalam lapangan ini dan meneliti perusahaan² lain terhadap gaji minima yang berdasarkan undang².

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mema'alomkan kepada Dewan ini bahawa Kementerian saya dari sa-masa ka-samasa ada-lah menghantar surat kepada majikan² menasehatkan mereka mematohi dasar Kerajaan untuk mengujudkan persaimbangan kaum di-kalangan tenaga kerja-nya kerana sa-benar-nya ada-lah satu chara untuk menchapai perpaduan negara. Tindakan akan diambil terhadap majikan² yang mempunyai tenaga kerja yang tidak bersaimbangan dari segi pechahan kaum. Walau bagaimana pun ini tidak berma'ana dengan sa-wenang²-nya membuang atau memberhentikan pekerja² mereka dan mengambil tenaga kerja baharu untuk mengujudkan persaimbangan kaum. Malang-nya terdapat sa-tengah² majikan yang telah menyalah-gunakan nasehat yang di-berikan oleh Kementerian saya untuk kepentingan mereka sendiri.

Saya juga sedar akan masalah pembuangan pekerja sa-chara 'am. Tiap² kejadian pembuangan pekerja² di-dalam sa-suatu tempat yang di-laporkan ada-lah di-siasat dan pehak majikan di-kehendaki memberikan sebab² yang menasabah mengenai tindakan pembuangan itu. Terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yeoh Teck Chye (Bukit Bintang): (Dengan izin) Mr Speaker, Sir, I would just like to get a clarification from the Honourable Minister, when he mentioned about these cases of pregnancy, whether, if I can supply further evidence, he would be prepared to conduct an inquiry into this matter because I am able to produce witnesses.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, saya pun sudah berchakap, kalau Ahli Yang Berhormat boleh memberikan keterangan, kita mesti menyiasat.

Tuan Haji Ahmad bin Sa'id (Seberang Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul yang di-kemukakan

oleh Ahli Yang Berhormat dari Segamat Utara dan saya mengambil peluang ini bagi pehak kawasan saya mengucapkan ber-banyak² terima kasih kepada Kerajaan dan juga berdoa sa-muga Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berada di-dalam keadaan selamat dan negara kita dalam keadaan selamat sentosa.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah di-Raja, saya sangat tertarik hati berkenaan dengan Dasar Ekonomi Baharu, yang mana tujuan untuk hendak mengsaibangkan kedudukan ekonomi di-antara warganegara yang ada di-dalam Malaysia ini, khas-nya mengenai chadangan hendak mendapatkan 30% daripada ekonomi negara ini dalam tempoh 20 tahun untuk bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sudah pun termaktub di-dalam Perlembagaan yang mana di-rekemenkan oleh Lord Reid dalam Artikel 153 yang mana bertujuan untuk hendak mempersaibangkan ekonomi orang² Melayu dengan ekonomi orang yang bukan Melayu. Pada masa sekarang ini sudah sampai 15 tahun dan dalam recommendation itu mengatakan patut di-kaji sama ada sudah sampai persaibangan-nya atau tidak, tetapi sa-lama 15 tahun, Tuan Yang di-Pertua, jauh daripada yang di-jangkakan. Kedudukan ekonomi sekarang ini kalau di-bandingkan di-katakan sa-chara kasar modal asing lebih daripada 60%, orang yang berketurunan China 30%, orang Melayu barangkali ada dalam 5% sahaja dan yang bukan Melayu, yang lain²-nya 5%. Ini sudah mengambil masa 15 tahun. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dengan sa-tinggi² harapan supaya pehak Kerajaan akan bersungguh² menjalankan segala usaha dan ikhtiar untuk mensaibangkan kedudukan ekonomi. Ini ada-lah satu dasar untuk mengujudkan keadilan ekonomi dan sosial. Sa-kira-nya keadilan ekonomi tidak terujud mustahil ujud-nya keadilan sosial. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, sangat²-lah penting bagi Kerajaan melipat-gandakan segala usaha dan tenaga untuk mengujudkan keadilan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, di-antara masaalah² yang timbul ia-lah berkaitan dengan pelaksanaan Fasal 153 ini. Jikalau kita kaji, kita halusi perlaksanaan Artikel 153 ini tidak berjalan sa-bagaimana yang di-kehendaki. Dalam pemberian permit, lesen, kemudahan² dan juga biasiswa² kita harap pehak yang

berkenaan akan mengkaji dengan sa-penoh²-nya dan membuat satu penentuan dan peratoran yang tetap supaya dapat di-laksanakan mengikut jangka yang di-kehendaki. Mithalnya permit lori sa-bagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar 40,000 permit lori sudah di-keluarkan, bumiputra chuma 3,000 sahaja. Jadi, bila-kah masa-nya yang dapat kita saibangkan, begitu juga permit bas, permit bas² sekolah yang di-keluarkan oleh pehak yang berkenaan, permit dan lesen perniagaan dan perindustrian oleh perdagangan. Ini-lah masaalah yang patut di-tumpukan di-buat satu kertas kerja yang tegas di-bentangkan di-Dewan ini mengikut Artikel 153 bahawa permit² ini di-keluarkan untuk bumiputra. Sa-kira-nya tidak di-buat demikian, saya bimbang tujuan hendak mendapatkan 30% ekonomi ka-tangan warganegara tidak akan terchapai. Saya berharap lagi sa-kali pehak yang berkenaan akan bersungguh² mengambil berat di-atas Fasal 153 ini.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, masaalah modal orang Melayu. Di-dalam Kongres Islam Yang Kedua timbul masaalah ini yang mana ahli² peserta semua-nya bersetuju ia-itu ekonomi orang Islam terdesak. Jadi, di-ikhtiarkan bermacam² chara untuk mendapatkan modal itu. Saya ingin menchadangkan satu pandangan yang saya fikir lojik dan menasabah. Kita mempunyai beberapa banyak pegawai² Kerajaan. Saya perchaya lebih daripada 100,000 pegawai² Kerajaan daripada tingkatan bawah sa-hingga ka-tingkatan atasan dan terus kepada Yang Berhormat Menteri² semua dan pegawai² yang bekerja dengan badan² yang berkanun juga badan² swasta supaya Kerajaan adakan satu undang² sa-bagaimana kita adakan Undang² E.P.F. memaksa pekerja² menyimpan wang dalam tabong kumpulan pekerja. Saya harap pehak Kemeterian Pembangunan Negara dan Luar Bandar menge-luarkan undang² membolehkan tiap² kaki-tangan Kerajaan Melayu menyimpan wang dalam kumpulan permodalan pekerja² Melayu dan di-awasi oleh sa-buah Jawatankuasa yang mana Kerajaan akan menjaga supaya wang ini di-perkembangkan dan di-tanamkan modal ka-tempat² yang selamat dan boleh memberi faedah dan boleh di-keluarkan dengan sa-chara yunit, satu yunit sa-kecil²-nya \$1.00 dan kalau boleh 1%

daripada gaji pekerja itu di-simpan dan di-potong pada tiap² bulan pada masa di-bayar gaji. Saya percaya dengan chara yang samacham ini dapat kita kumpulkan sa-banyak \$500,000 sa-bulan dan boleh-lah dengan chara yang lain di-kumpulkan supaya di-tambahkan modal. Ini satu chara yang saya nampak praktik yang boleh mendapat modal untuk orang Melayu dan saya percaya kaki-tangan Kerajaan pun tidak berasa berat untuk hendak menghulorkan 1% daripada gaji mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga berkenaan dengan ranchangan² untuk hendak memajukan orang² yang tidak berada. Pada pandangan saya perkara yang lebeh praktik sa-kali ia-lah menjalan atau melaksanakan ranchangan yang berdasarkan kapada ekonomi sosialis. Jadi barangkali ada diantara orang kita memasoki Persatuan Peladang, Persatuan Nelayan, gerakan sharikat kerjasama ada-lah badan² yang berdasarkan ekonomi sosialis supaya hendak membolehkan tiap² orang yang tidak berada itu mengumpul modal mereka dan menjalankan usaha² bersama untuk memajukan sa-sama mereka sendiri. Di-dalam ranchangan ini, saya mengambil peluang ini menguchapkan berbanyak terima kaseh kapada Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Perikanan yang telah berusaha bersungguh² untuk mewujudkan atau pun melaksanakan ranchangan yang sa-bagini dan saya berharap pehak Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang berkaitan dengan sharikat kerjasama akan ada persefahaman yang erat dengan Kementerian Pertanian dan Perikanan supaya sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Johor Tenggara tadi ada perselisihan faham di-antara kedua² Kementerian ini. Apa yang saya maksudkan ia-itu kedua² Kementerian ini mesti-lah membuat satu perundingan menentukan chara² hendak melaksanakan dasar ini supaya dapat lichin dan berjalan dengan terator dan di-sambut baik oleh semua golongan yang berkenaan. Pada masa sekarang ini Persatuan Peladang menumpukan kapada petani², Persatuan Nelayan kapada orang² yang menangkap ikan dan Sharikat Serbaguna ini telah berjalan, yang sa-benar-nya bukan-lah serbaguna, tetapi satu guna.

Oleh yang demikian, saya mengeshorkan jikalau benar² hendak menolong orang yang tidak berada, orang yang bergolongan rendah

ini patut-lah pehak Kementerian Sharikat Kerjasama mengadakan sharikat satu guna sahaja, mithal-nya sharikat pengilang padi, sharikat kerjasama pekedai keperluan, sharikat kerjasama pengangkutan dan lain² dan berkenaan dengan urusan pasaran barang² pertanian dan hasil² pertanian dan bekalan itu serahkan kapada Persatuan Peladang. Dengan chara yang macham ini, Tuan Yang di-Pertua, ahli² Persatuan Peladang boleh menjadi ahli Sharikat Kerjasama Serbaguna dan ahli² Sharikat Kerjasama boleh jadi ahli Persatuan Peladang. Kedua² serampang dua mata ini dapat berjalan dan kesan-nya akan di-perolehi dengan sa-berapa segera yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini bagi pehak Persatuan Peladang menguchapkan sa-tinggi² terima kaseh kapada Kerajaan yang telah menguntokkan sa-banyak \$4.2 juta sa-bagai modal pusingan kapada Persatuan Peladang Kebangsaan. Saya harap pehak Pengarah²-nya akan menjalankan perusahaan untuk memberi apa juga kemudahan kapada Persatuan² Peladang Peringkat Negeri dan peringkat kawasan, khas-nya ranchangan credit sangat² perlu, di-laksanakan dengan sa-chepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan peladang ini, satu masaalah berkenaan dengan Undang² Sewa dan Kawalan Tanah, Undang² ini telah di-luluskan pada tahun 1967 tetapi maseh tidak berjalan dengan sa-penoh-nya. Pehak² peladang berharap sunggoh² supaya Kerajaan dapat melaksanakan Undang² ini supaya memberi keadilan kapada penyewa tanah dan juga tuan tanah, dengan chara ini dapat-lah masharakat peladang atau masharakat tani berbaik² diantara satu dengan lain.

Masaalah yang di-hadapi oleh peladang yang kebanyakan-nya sa-banyak 60% sa-bagaimana yang di-buat perangkaan tidak mempunyai tanah sendiri. Ini-lah satu perkara yang sangat² merumitkan dan saya berharap pehak Kerajaan akan mengambil satu tindakan yang tegas supaya orang² yang tidak mempunyai tanah ini di-beri tanah dengan chara bayaran beransor². Kalau kita pandang pada masa sekarang ini, ada orang yang bukan peladang, mereka chuma hidup untuk memberi sewa tanah mereka kapada petani². Molek juga Kerajaan adakan satu kumpulan wang belikan tanah² mereka itu

dan berikan kepada orang² yang berusaha di atas tanah itu dan biarkan-lah mereka ini bayar balek sa-chara beransor sa-lama 15 tahun atau 20 tahun, akhir-nya menjadi hak milik mereka. Ini satu pandangan berkenaan dengan Negeri yang tidak mempunyai tanah seperti negeri Pulau Pinang, negeri yang ada tanah seperti Perak dan yang lain² tidak-lah berasa rumit di atas perkara orang² yang tidak ada tanah ini.

Satu perkara yang kita dapati negeri kita ini ia-lah mengenai harga gula. Harga gula sangat melambong tinggi dan sangat mahal di luar negeri, dan pada masa dahulu harga gula 20 sen sa-kati, sekarang sudah naik sampai 45 sen. Jadi nampak-nya perusahaan gula ini ada-lah baik. Oleh yang demikian, saya berharap pihak Kerajaan akan menggalakkan peladang² menanam tebu supaya mereka dapat menjualkan tebu mereka ini kepada kilang² perusahaan gula yang akan di-dirikan dan yang telah di-dirikan dalam negara kita ini. Kita akan jadi sa-buah negara yang mengeluarkan gula yang sa-banyak²-nya, kalau boleh. Saya perchaya dengan chara macham ini peladang² boleh dapat lebeh pendapatan sa-bagaimana yang di-taksirkan sa-ekar tanah sawah, kalau di-tanam dengan tebu, kalau di-jaga baik² boleh dapat sa-hingga 40 tan tebu, ini dapat kita jual kepada kilang² perusahaan gula dari tebu dan boleh-lah peladang itu mendapat wang yang banyak sedikit.

Saya beraleh kepada pelajaran, Tuan Yang di-Pertua. Saya berharap pihak Kementerian akan menimbangkan supaya di-adakan peperiksaan naik darjah tiap² tahun. Kerana tidak ada naik darjah tiap² tahun ini-lah ramai di-antara penuntut² kita yang gagal, kerana mereka tidak dapat belajar dengan sa-penoh²-nya dan guru² pun sa-tengah²-nya tidak mempunyai minat sa-penoh-nya hendak mengajar dan pihak pejabat tidak dapat mengambil tindakan terhadap guru², kalau mereka itu tidak mengajar dengan sa-sungguh²-nya. Jikalau di-adakan peperiksaan tahunan tidak payah-lah Pengelola Sekolah melawat sekolah². Sekolah² beri laporan beberapa orang daripada penuntut yang lulus chukup-lah, dia boleh tahu mutu guru² itu mengajar atau tidak mengajar.

Yang kedua, kita ada banyak darjah² TADIKA atau pun Taman Didekan Kanak², umur 4 tahun mereka sudah di-hantar sekolah, umur 6 tahun baharu masuk sekolah

Kerajaan. Mereka ini manakala masuk sekolah Kerajaan sudah pandai A.B.C., dan menulis, di-champorkan dengan budak² yang belum masuk sekolah lagi. Oleh yang demikian, saya berharap pihak Kementerian ini akan mengadakan double promotion. Dan murid² yang pandai di-lompatkan dua darjah sa-kali. Dan orang yang mundor dalam pelajaran di-tahan sa-tahun supaya dengan ini kita sa-imbangkan kenaikan murid² sekolah. Jadi hampa-lah hati budak² yang belajar di-sekolah Taman Didekan Kanak² waktu mereka masuk sekolah Kerajaan, mereka tawar hati hendak belajar kerana mereka sudah tahu apa yang guru itu ajar, ini satu perkara yang saya harap Kementerian akan mengkaji supaya dapat di-laksanakan.

Ada chadangan berkenaan dengan mengadakan Hari Guru.² Pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, sangat-lah di-bimbangkan, usaha ini akan menjadi satu precedent. Kalau kita ada Hari Guru², kita harus adakan Hari Kerani, Hari Budak Pejabat, hari pekerja² yang lain². Saya berharap Hari Guru² ini tidak payah di-adakan, kerana semua guru² bekerja dengan chara di-bayar gaji. Kalau hendak di-adakan hari peladang, orang yang tidak makan gaji, patut. Kalau kita adakan Hari Buroh, ini termasuk-lah guru baik, termasuk-lah orang yang profesional, 1hb Mei yang di-chadangkan oleh Timbalan Perdana Menteri itu hendak di-jadikan Hari Buroh termasuk semua sa-kali pekerja² di-bawah hingga sampai ka-atas. Ini ada-lah perkara yang munasabah, tidak payah di-adakan hari guru, dan hari kerani dan hari lain². Saya harap sa-belum di-persetujukan, hari guru² ini dapat di-kaji sa-mula supaya jangan pula akan melibatkan orang lain minta pula hari mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, membandarkan luar bandar. Ini ada-lah satu rancangan yang sangat baik dan sa-hingga hari ini belum lagi di-dapati apa² langkah di-ambil. Saya harap pihak Kementerian yang berkenaan akan bersungguh² menjalankan usaha untuk membandarkan luar² bandar, kerana pada masa ini masa yang sangat baik, banyak di-antara orang² bumiputra khas-nya yang ingin hendak mengambil bahagian dalam perniagaan dan perusahaan, masaalah² yang di-hadapi oleh mereka ini yang utama sa-kali ia-lah tempat perniagaan ia-itu kedai², jikalau boleh pihak Kementerian akan bekerjasama

dengan Kerajaan² Negeri supaya di-wartakan di-mana persempangan jalan yang di-anggap boleh jadi sa-bagai pekan atau bandar dan di-buatkan plan supaya di-benakan bangunan² untuk kedai dan di-beri sewa atau pun di-jual kepada bumiputra untuk mereka itu berniaga di-tempat² itu di-samping peniaga² keturunan orang² yang bukan Melayu. Ini ada-lah satu langkah yang baik, saya berharap pehak Kementerian akan bersungguh² mengambil langkah untuk mengadakan tempat² perniagaan bagi bumiputra di-kawasan² luar bandar.

Akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan ranchangan belia yang mana tiap² orang kita tahu berkenaan dengan masaalah² belia ini, terutama mereka ini berkehendakkan kerja yang mana terdiri daripada 60% warganegara kita ini daripada belia. Saya berharap supaya Kerajaan membesarkan lagi tempat latehan yang ada di-Dusun Tua atau pun di-buka dua tiga tempat lagi di-Utara atau Pantai Timor supaya dapat menambah pengambilan belia² dan di-beri latehan.

Yang kedua, pehak Kerajaan akan men-sharatkan di-dalam perusahaan dan per-indasterian supaya pehak majikan atau pun pehak perusahaan yang bertaraf perintis akan menerima beberapa peratus daripada pekerja-nya sa-bagai pekerja sementara atau pun latehan sementara sa-lama 6 bulan atau sa-lama 1 tahun untuk mendapatkan kemahiran menjalankan jentera atau lain². Ini satu daripada chara menampung masaalah hendak memberi peluang kepada belia² mendapat kemahiran. Dan saya perchaya tiap² kilang dan perusahaan akan menerima ranchangan dengan sharat Kerajaan sanggup membayar sagu hati kepada belia² yang berkhidmat sa-lama 6 bulan atau 1 tahun itu dapat kemahiran dan majikan chuma menyediakan tempat dan mendapat perkhidmatan perchuma daripada belia. Ini satu chara yang boleh memperchepatkan lagi melateh belia² kita dapat kemahiran di-kilang² perusahaan yang akan di-dirikan dan jika nampak belia ini rajin dan usaha, dia terus ambil belia² ini berkhidmat dengan kilang itu. Sekian sahaja, saya ucapkan banyak terima kasih.

Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid (Batu Pahat Dalam): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang meng-ucapkan sa-tinggi² tahniah di-atas Titah

Uchapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong beberapa hari yang lalu. Sa-panjang Uchapan Titah Baginda ada-lah menitekberatkan perkara yang boleh dan bersesuaian dengan Dasar Ekonomi Baru. Di-dalam Uchapan Titah Baginda telah mengatakan bagi tahun yang akan datang ada-lah menjadi satu perkara yang termesti bagi negara memupok nilai²an yang sama yang menjadi asas pegangan bagi masharakat yang berbilang keturunan sa-bagaimana yang terkandung di-dalam Rukunegara. Dasar Ekonomi Baru ada-lah di-lahirkan dengan keazaman mahu mengujudkan perpaduan ra'ayat menerusi penyusunan sa-mula masha-rakat dan membasmikan kemiskinan di-kalangan ra'ayat tanpa mengira keturunan. Usaha² bagi mencapai matlamat ini hendak-lah dengan segera chara memper-luaskan lagi peluang² dan membanyakkan pusat² perusahaan serta menyediakan kemudahan² bukan sahaja di-bandar juga akan menekmati ra'ayat yang dudok di-merata² tempat di-luar bandar. Di-atas kesedaran Kerajaan terhadap kehidupan ra'ayat di-desa atau di-luar bandar ada-lah merupakan sa-bahagian daripada nilai²an hidup dan kebuda-ayaan Malaysia. Proses pembangunan yang memberi perhatian utama kepada usaha² mengadakan kebajikan masharakat yang luas yang tidak dapat di-pisahkan dari proses yang mengekalkan dan memberi kehidupan perdesaan.

Pembangunan di-luar bandar hari ini maseh jauh berbeza dengan pembangunan di-kawasan bandar. Oleh demikian masha-rakat di-luar bandar sangat memerlukan dengan segera satu penyusunan dan perlaksanaan yang sa-laras dengan keadaan ekonomi luar bandar. Ranchangan Malaysia Kedua yang merupakan satu peringkat penting di-dalam pembangunan jangka panjang, masharakat desa atau pun di-luar bandar dan negara Malaysia am-nya ia-nya hendak-lah tegas dan menuju ka-hadapan untuk mengendali soal² ekonomi dan masharakat. Juga di-bentuk sa-laras dengan tujuan besar untuk memupok perpaduan negara. Panduan ini berasaskan dasar ekonomi Kerajaan atau Ranchangan Malaysia Kedua yang mengandongi dua matlamat untuk membasmikan kemiskinan di-kalangan semua ra'ayat Malaysia ini tidak kira keturunan dan kaum yang bertujuan menyusun semula masharakat Malaysia, terutama sa-kali bagi membetulkan jurang

perbezaan ekonomi di-antara keturunan kaum melalui usaha² memodenkan kehidupan di-luar bandar dan hendak-lah memperhebatkan kegiatan² bandar dengan lebih seimbang dan membentok satu masyarakat perdagangan dan perusahaan Melayu. Di-dalam usaha² memodenkan ranchangan desa dan ranchangan ini hendak-lah di-laksanakan dengan sa-chepat mungkin, bererti ranchangan ini akan dapat mengubah keadaan penduduk² di-luar bandar kepada satu tenaga yang benar² dinamis untuk pembangunan pertanian dan ekonomi kemajuan sains dan teknologi yang patut digunakan lebih banyak di-dalam kegiatan² pertanian atau menambah jenis² serta membaiki mutu keluaran pertanian ini. Tanah² yang di-gunakan sekarang oleh penduduk² luar bandar hendak-lah diperbaiki dengan sa-berapa segera dengan mengadakan parti dan taliayer dengan menggunakan baja² yang baik dan dengan penanaman yang lebih baik akan mempercheptkan lagi pembaharuan pertanian dan meninggikan pendapatan daripada pekerjaan pertanian yang tertentu supaya sa-tanding dengan yang terdapat di-kawasan di-dalam bandar, Kerajaan hendak-lah dengan sa-chepat mungkin bagi memberi pertolongan menyatukan pertanian dengan kegiatan² moden di-dalam daya usaha perdagangan dan perusahaan juga hendak-lah mengadakan kemudahan baharu di-dalam pengangkutan perhubungan dan kuasa² letrik yang akan merapatkan lagi perhubungan antara kawasan luar bandar dengan dalam bandar.

Bagaimana kita semua tentu sedar bahawasanya keseluruhan ra'ayat di-dalam negara ini telah dudok dengan keadaan keloh kesah khas-nya ra'ayat² yang dudok di-luar bandar di-sebabkan kenaikan harga barang dan kejatuhan harga getah. Kegelisahan ini puleh sedikit terhadap kepada pekebun² kechil dengan ada-nya sedikit kenaikan harga getah baharu² ini. Tetapi walau macham mana pun pihak Kerajaan hendak-lah menjalankan daya usaha bagi menjamin pendapatan² pekebun² kechil ini. Jangan-lah terlalu mengharap pada harga² getah kerana pengalaman yang telah lalu menunjukkan kedudukan bergantung kepada pasaran. Langkah untuk memberi puncha² tambahan pendapatan pada pekebun² kechil ini ada-lah perlu bagi menolong mereka dengan mengadakan ranchangan² seperti tanaman yang menge-

luarkan hasil² segera atau pun penternakan ayam, itek dan lain² perlu di-galakan kepada penduduk pekebun kechil. Ranchangan² menambah pendapatan pekebun² kechil ini memang perlu di-ambil perhatian oleh Kerajaan.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, di-dalam perkara penyeludupan yang berlaku di-dalam negeri kita ini, saya suka menchadangkan kepada pihak Kerajaan supaya menambahkan lagi kekuatan² kawalan yang terdiri daripada Polis di-Raja, kaki-tangan Kastam dan orang ramai juga badan² sukarela supaya di-beri tugas bersama untuk menchegeh penyeludupan², kerana dalam perkara ini ada-lah salah satu dari keselamatan ekonomi dan pertahanan negara kita. Kerana penyeludupan yang berlaku daripada Pantai Timor dan Barat yang mana salah satu-nya ia-lah sa-panjang pantai sungai Selat Tebrau. Pantai ini ada-lah sangat berdekatan dengan negara jiran yang mana perjalanan laut hanya memakan masa sa-lama lima atau sa-puluh minit. Penyeludupan² ini boleh di-katakan di-dalam masa satu hari berapa banyak telah dapat melarikan barang² chara penyeludupan. Walau pun ada kawalan daripada Jabatan Kastam dan Polis², tetapi tugas² mereka ini ia-lah berpusing² di-sepanjang pantai dengan menaiki kapal² ronda laju. Tetapi di-dalam masa pengawalan ini berpusing² meninggalkan tempat itu, masa itu-lah penyeludupan ini mendarat di-tepi² Pantai yang berdekatan dengan bandar Johor Bahru tidak sampai dua batu dan perjalanan penyeludupan ini dari negeri jiran mengikut jalan laut hanya sa-lama lima minit sahaja.

Saya telah di-beri tahu penyeludupan² ini telah di-beri kerjasama oleh sa-bahagian daripada penduduk² di-tempat itu. Perkara ini telah di-beri laporan kepada pihak yang berkenaan oleh penduduk² yang bersimpati pula dengan Kerajaan dan sanggup memberikan kerjasama, tetapi tidak di-beri layanan oleh Kerajaan. Dengan ini saya menchadangkan sa-lain daripada menambahkan kaki-tangan Kerajaan yang berkawal maka hendak-lah di-galakkan oleh orang ramai, memberi ma'alumat dengan menyediakan tawaran² sugu hati untuk kerjasama yang di-berikan-nya. Jika kegiatan penyeludupan dan pengelak chukai ini dapat di-benteras pendapatan negara kita akan bertambah. Hasil-nya dari itu sudah pasti akan kembali

kapada faedah ra'ayat. Kegiatan penye-
ludupan ini sa-lain daripada merugikan segi
pendapatan negara juga tidak shak akan
mendatangkan keburokan dan kegiatan
penyeludup yang di-ator rapi, berma'ana
terlepas semua jenis barang² ka-dalam negeri
kita ini. Dari pengetahuan pehak yang
berkuasa barang² saperti umpama-nya
senjata api kechil dan bahan² madat,
gambar² luchah ada-lah di-antara-nya yang
tidak dapat di-ragukan lagi kemasokan-nya
itu. Gerakan ini tidak sa-harus-nya di-
pandang dari segi kerugian, keburokan
masharakat perlu juga di-pentingkan. Demi
kepentingan negara pehak Kerajaan hendak-
lah melancharkan kawalan yang hebat dan
juga persek², ma'alumat daripada orang
ramai.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,
telah menjadi tujuan Kerajaan yang utama
daripada Kerajaan pada hari ini yang mahu-
kan negara kita membangun dan membentok
sa-buah negara dan bangsa Malaysia yang
sa-benar²-nya, dengan lain perkataan
Malaysia yang tulin, lahir dan melalui dari
watak, lalu kapada politik, sosial dan
ekonomi-nya dan sudah tentu pula kesemua-
nya ini tidak akan lahir dan terdapat, andai
kata tidak lahir dan datang-nya dari sa-tiap
jurusan masharakat Malaysia. Terutama sa-
kali dari masharakat bangsa kita sendiri atau
bumiputera. Jika kita tujukan pada hari ini
pada muda-mudi kita telah bagitu banyak
melahirkan dan memperchepatkan peribadi
yang bertentangan dengan peribadi nasional.
Semangat dan kemahuan nasional hipi
mithal-nya sa-bagaimana yang telah di-
lafazkan oleh rakan saya tadi, memang-lah
kalau soal ini yang akan di-bawa dan di-
katengahkan ada orang yang mengatakan
soalan ini tidak menjadi soal yang besar,
bukan soal ekonomi atau bukan soal politik.
Tetapi kita mesti sedar bahawa Malaysia
ada-lah sa-buah negeri yang mempunyai
peribadi yang terkenal, yang mempunyai tata
susila yang tinggi, yang keadaan itu soal
mengawal peribadi yang sa-araf dengan
kehendak dan taraf negara kita ini, terpulang-
lah kapada Kementerian yang berkenaan ia-
itu Kementerian yang bertanggung-jawab.
Sa-chara langsung terhadap moral muda-
mudi kita pada hari ini supaya mengawasi
akhlak mereka daripada tergelinchir atau
terkeluar dari landasan peribadi ra'ayat
Malaysia yang sa-benar-nya. Sebab masalah
hipi, ganja dan sa-bagai-nya ada-lah menjadi

penyakit yang sangat merbahaya kapada
ranchangan pembangunan negara, ia-itu
angkatan muda kita tidak sa-harus-nya di-
beri menurut nafsu yang mengawasi diri
mereka, sebab yang hanchor dan rugi kelak
ia-lah bangsa dan negara kita juga. Dari itu
sa-elok²-nya di-adakan satu undang² yang
mesti di-patohi oleh muda-mudi kita.
Undang² yang mengawal mereka agar tetap
tinggal di-garisan² pemuda harapan bangsa
dan pemudi tiang negara.

Tuan R. C. M. Rayan (Ipoh): Tuan Yang
di-Pertua, saya mengucapkan terima kaseh
kapada Titah Uchapan yang di-berikan oleh
Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda
Yang di-Pertuan Agong di-Parlimen ini.

(*Dengan izin*) At the outset, I would like
to say that, as a general rule, a man is known
by the company he keeps and a country is
judged, *inter alia*, by:

- (1) the educational standard attained by
the people living in the country;
- (2) the amount of employment or un-
employment that exists in the country;
- (3) the mineral or other resources available
for tapping and the fertile nature of the
place;
- (4) how industrious or active the people
are and their ability to grasp the oppor-
tunities afforded them by the Govern-
ment;
- (5) whether the Government is aware of
the needs and aspirations of all its
people irrespective of race.

Now, commenting on the educational
policy, I would point out that the basic
educational policy that is now practised in
this country is hopelessly bad. Children are
not, as in the good old days, taught the
alphabetical letters and then go step by step
to coin up words and phrases with those
alphabets. Instead they are, for example,
shown pictures of an apple, of an elephant,
of a dog, of a cat, of a wolf and are taught
to say it is an apple, it is a dog, it is a cat,
it is an elephant and so on. Unless they are
shown a picture, they are unable to read and
say what the words mean-whether it is a dog,
etc. If we buy an elementary book today we
will find it full of pictures and the children
learn by heart what those pictures are, but
when they are asked to write the words, for
example "apple", they stand flabbergasted and

lost. This sort of basic training probably accounts for the large failures in life and in schools.

Now, when we go further and examine the computer method of testing answer papers, I am told that if a student does not know what the answer is and consequently does not know what to cross out, he has only to cross out all the words one by one and the computer machine will pass him. For example, if the question is, "What is the capital of Malaysia?" and the question contains, say, the words "Penang", "Ipoh", "Singapore", "Johore Bahru" and "Kuala Lumpur", a shrewd student who does not know the answer will be passed, I am told, by the computer machine if he strikes out all the words one by one. It is time that this method of correcting answer papers be looked into by the Government. I had no chance of trying this method myself because I left my school days earlier and therefore I am subject to correction if I am wrong.

On the subject of university education, I would say that a large number of our children are going abroad to India, Ireland and other countries to do medicine. But to gain admission into a medical college, for example in India, one has to pay about 30,000 to 50,000 rupees to the Government, which is about \$15,000 to \$25,000. I hope the Government will do all it can to help students who wish to do medicine, for example, by building more universities and medical colleges here and making places freely available to them.

Secondly, as far as employment is concerned, the Government has not fully utilised all its resources to solve the unemployment problem, which is mounting up day by day. Although vast areas of land are available for eradicating this acute problem, little has been done to open up factories in the various States.

Mangosteens, for example, are in abundance during the season and still the Government has not done much to open up mango-steen factories. So are rambutans, which are also available in abundance during the season period. What has the Government done to get experts from abroad to can these rambutan fruits?

Similarly, various Government owned textile and glass factories should be opened

up in every State thereby helping to solve the unemployment problem.

Now, thirdly, Malaysia is a land with plenty of mineral ore, not merely tin and iron. What has the Government done to see if there are other valuable ores like lead, copper, etc. Every available area of land should be studied and investigated into with a view to ascertaining if there is any hidden treasure beneath the land.

Finally, if the people are industrious and active it is the duty of the Government to go all out and help each and every person by giving him employment. There is no use, as the saying goes, "to rob Peter to pay Paul". All must work and earn an honest living. In this connection, I may as well say that some of the so-called leaders in this country must refrain from making explosive utterances thereby giving an impression that some can earn easy money whilst some others have to struggle hard to make a living. The sooner utterances of this nature are stopped, the better it is for everybody and the country.

Now, regarding roads, what has the Government done up to now to straighten up the Tanjong Malim/Kuala Lumpur main trunk road? Today, this road is an eyesore. If the Slim River/Tanjong Malim Road can be improved, there is no excusable reason for the delay in making up the Tanjong Malim/Kuala Lumpur Road into a straight and pleasant road for people to drive on.

Further, what has happened to the Ipoh/Cameron Highlands Road envisaged a few years ago. So far nothing has taken shape. This road when completed would be a boon not only for the people of Perak but also for people of other States and tourists as well. Cameron Highlands, as we all know, is a great hill resort in Malaysia with its cooling temperature, ideal surroundings, natural hill tops and the grand bungalow-type buildings with plenty of flowers, vegetables and strawberries around them. It will also be an ideal place for setting up factories which will eventually benefit not only Perak and Pahang but the whole of Malaysia as well.

Now on the question of salaries to employees, who are, as a matter of fact, being paid monthly, whether they be executive officers, clerks, peons, labourers, or others, I would say that the Government should explore the feasibility of paying them

weekly as is done in the United Kingdom and continental countries in the West or at least pay them once in two weeks. Today, say, a clerk who is paid about \$400 a month on the 30th of the month, would have spent by the 10th half his salary and by the 15th the other half is gone, leaving him nothing for the next 15 days. What he then does is to borrow at a high rate of interest and for the next 15 days live a hand-to-mouth living. If at the end of the month, he again gets his monthly pay, he pays off his creditors and others, and by the middle of the month he is again broke and this goes on and on indefinitely. But if payments are made weekly, this running into debts and borrowing at high rate of interest are not likely to happen. I would ask the Government to look into this matter although this may involve the Government and others in additional work in preparing paysheets. Thank you very much.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungan): Tuan Yang di-Pertua, saya suka turut bersama² dalam membahatkan Uchapan Terima Kaseh ka-Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada meshuarat yang ada pada hari ini.

Sa-chara ringkas saya ingin menyebutkan sedikit tentang—Pertama ia-lah dari segi pelajaran. Bagaimana yang di-katakan oleh Ketua kami ia-itu Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu Hulu bahawa tujuan pelajaran kita maseh samar² maka saya juga memper-katakan demikian. Apa-kah kita mahu menjadikan jenerasi² yang akan datang hanya jenerasi yang terdiri dari ahli² sains dan teknologi dengan tidak memikirkan moral dan keugamaan atau pun sama² kita mahu. Kalau-lah kita mahu melahirkan jenerasi yang akan datang terdiri daripada ahli sains dan teknik serta berpanduan agama juga moral yang baik maka hendak-lah tujuan ini ditekankan lebeh sedikit tanpa takut² dari rungutan sa-tengah² orang. PAS bimbang Kerajaan akan terpengaruh dengan fikiran² barat yang mahu mengeneipikan agama dari pengetahuan masharakat, oleh sebab tidak ternampak di-dalam barisan Kerajaan di-peringkat Menteri orang² yang ahli dalam agama, sama ada lepasan dalam atau luar negeri.

Sa-benar-nya kira-nya fikiran barat itu diikuti atau terikut oleh pehak Kerajaan maka akan hanchor-lah agama Islam di-negara ini di-dalam masa berpuluh² tahun yang akan datang. Sudah pun sekarang umat Islam di-Malaysia makin berkurangan mengikut kata Tan Sri Aziz beberapa masa yang lalu. Dan kalau-lah ini berlaku maka orang yang meng-hanchorkan Islam itu akan di-hanchorkan pula oleh kaum atheist yang lebeh berke-bendaan itu. Akan berhasil-lah kata² kristian menghanchorkan Islam, tetapi Kristian sendiri akan di-hanchorkan oleh kominis.

Saya ingin menarek perhatian tentang chara² Kementerian Pelajaran di-dalam menjalankan usaha²-nya antara lain yang paling baharu ini ia-lah Kementerian Pelajaran ada menganjorkan satu kegiatan luar, ia-itu mengadakan pertandingan tarian dan drama di-sekolah², sama ada di-peringkat rendah atau pun di-peringkat menengah. Sa-sungguh-nya anjoran ini mengikut pendapat saya ada-lah tidak begitu baik kerana terlampau banyak masa di-gunakan oleh penuntut² dan guru² bagi latehan² tarian dan drama ini sedangkan ia-nya tidak ada erti langsung di-dalam keperluan negara yang maseh ketinggalan ini untuk maju di-dalam ranchangan² yang kita hadapi. Tidak-kah kita sudah mengetahui bahawa sekarang murid² selalu gagal dalam menghadapi pepereksaan, khas-nya murid² Melayu dan bumiputra. Kalau-lah pertandingan tarian dan drama ini di-panjangkan maka akan bertambah gagal murid² Melayu. Sebab² yang paling banyak di-dalam hal ini ia-lah mereka dan ini kita tidak mahu. Sapatut-nya untuk menghadapi Ranchangan Malaysia Yang Kedua harus galakkan pelajaran di-perkuatkan, sama ada dengan memberi hadiah kepada lulusan² yang baik atau sa-bagai-nya.

Pula baharu² ini saya membacha surat khabar yang menyiarkan Yang Berhormat Menteri Pelajaran mahu menggalakkan penubohan Kelab² Chator di-sekolah². Itu pun satu perkara yang saya tidak setuju dan pada anggapan saya ada-lah perkara yang membazir. Sa-benar-nya masa itu ada-lah lebeh berguna daripada emas. Ketinggalan orang² kita, khas-nya orang² Melayu ada-lah kerana tidak menggunakan masa dengan lebeh baik. Sekarang pula Kerajaan sendiri menggalakkan kepada penuntut² menghabiskan masa dengan bagitu sahaja, sedangkan itu tidak ada guna. Dalam hal kechichiran murid², banyak orang berpendapat bahawa

ibu-bapa ada-lah salah dan silap. Sa-benarnya mengikut pendapat saya tidak-lah banyak hendak di-salahkan kepada mereka. Saya tidak nampak ramai ibu² bapa yang tidak suka anak²-nya munchol ka-atas, dengan chara mustahak belajar sa-hingga berjaya. Ini sa-benar-nya ada-lah di-sebabkan oleh kemiskinan ra'ayat, mereka tidak terdaya untuk membiayai bas, buku dan bayaran² untuk anak² yang bersekolah. Bandingkan sahaja kalau bekerja di-kampung sama ada kaum tani atau nelayan yang berpendapatan \$70 atau \$80, sedangkan anak-nya ada empat atau lima orang yang bersekolah dan di-champur dengan mereka menjadi 7 orang, bagaimana mahu chukop? Demikian juga kalau bekerja di-ranchangan² atau perusahaan² dan gaji-nya ta' lebeh daripada \$3.10 atau pun sa-rendah-nya \$2.50 sa-hari. Bagaimana boleh chukop, sedangkan keperluan harian ada-lah melebihi angka itu. Harga gula mahal, bawang mahal, kain mahal dan segala²-nya mahal, mahu ta' mahu mereka menarek anak² mereka dari sekolah bagi menchari kerja di-ranchangan² Kerajaan atau sa-bagai-nya dengan mendapat gaji yang murah \$1.50 atau \$1.60 sa-hari. Mungkin ada orang menjawab peruntukan bantuan buku dari Kerajaan ada-lah menchukopi, saya tidak tahu chukop atau tidak, tetapi jikalau di-tempat saya, di-Trengganu telah buka sekolah beberapa bulan buka pun ta' dapat 1 lagi, hanya murid² memakai satu buku atau dua buku yang di-beli oleh bapa-nya sahaja dan pusat kebajikan pun tidak dapat memperuntukan buku yang chukop untuk murid² yang tersebut. Hal ini saya harap pehak Kerajaan, pehak Kementerian yang berkenaan mengambil perhatian yang bersungguh².

Satu perkara yang ingin saya sebutkan ia-lah tentang sekolah² yang berasrama penoh yang baharu ini mendapat peratus kelulusan murid²-nya lebeh memuaskan hati daripada sekolah² biasa yang ada di-daerah²; terutama di-luar² bandar. Saya rasa kejadian seperti ini kurang menyenangkan ra'ayat, kurang menyenangkan ibu bapa kerana kalau hanya peratus kelulusan ada-lah terlampau tinggi di-sekolah² berasrama penoh sedangkan sekolah² menengah di-kampung², di-luar² bandar tinggal begitu sahaja di-mana kelulusan 40% atau 45% sahaja, saya rasa ini tidak baik. Saya harap pehak Kementerian Pelajaran mengambil perhatian supaya sekolah² di-luar² bandar, khas-nya

sekolah² di-tempat kami, di-Trengganu di-lengkapkan dengan sa-chukop²-nya bukan sahaja bangunan² yang kita kehendaki, tetapi alat² di-dalam-nya harus di-penuhi dengan memuaskan hati.

Satu perkara juga yang ingin saya sebutkan ia-lah sekolah² berasrama penoh nampak-nya kurang hendak di-dirikan oleh pehak yang berkenaan di-Pantai Timor. Tidak terdapat sekolah² ini di-Pantai Timor, sedangkan chakap mengatakan Kerajaan hendak meninggikan taraf pelajaran orang di-luar bandar, sedangkan orang² di-Pantai Timor ada-lah di-anggap orang² di-luar bandar dan mengikut anggapan Menteri Besar Trengganu bahawa sa-sungguh-nya ra'ayat Trengganu ada-lah berpendapatan rendah sa-kali kalau di-bandingkan di-seluruh Malaysia ini.

Dato' Yang di-Pertua, perkara lain ia-lah tentang biasiswa kecil yang saya nampak terlampau lambat dalam proses pemberian-nya. Sa-hingga ini saya dapat tahu biasiswa² kepada murid² yang masok belajar di-Tingkatan I, Tingkatan IV dan yang baharu ini di-Tingkatan VI, masih belum diperolehi, sedangkan kalau asas kita memberi biasiswa ia-lah untuk menampung orang² yang tidak mampu pergi menghantar anak²-nya belajar, kalau-lah mulai daripada awal penggal sa-hingga sekarang ini masih belum kita beri wang itu, maka erti-nya kalau orang itu benar² tidak ada bantuan lain atau pun ibu bapa-nya tidak ada duit, sudah tentu dia chabut, tarek anak mereka daripada bangku sekolah kerana tidak berdaya untuk membiayai belanja bagi anak²-nya.

Dato' Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu saya ingin menekankan juga tentang penerimaan penuntut² ka-universiti. Saya harap pehak Kerajaan memberi keistimewaan dalam penerimaan ka-Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan dan sa-bagai-nya kepada penuntut² di-Pantai Timor. Kalau kelulusan syarat membolehkan masok dengan kelulusan yang sama daripada penuntut² daripada Pantai Barat dan Pantai Timor, maka saya harap istimewa kan sedikit di-Pantai Timor. Kalau mithalkan satu subsidi, dua prinsipal syarat-nya maka kalau kelulusan-nya sama lebeh baik di-ambil orang Pantai Timor. Ini, Dato' Yang di-Pertua, kerana untuk menambahkan ramai-nya bilangan orang² di-Pantai Timor yang

terlatah di-peringkat universiti atau pun di-sekolah menengah dan kelak kita boleh menghantar balek mereka mengajar dan bekerja di-tempat masing². Tidak-lah timbul sa-bagaimana sekarang ini di-mana ada orang berkata dan khas pehak Kerajaan bahawa guru² tidak mahu mengajar di-Pantai Timor, tidak mahu pergi ka-Trengganu, tidak mahu pergi ka-Kelantan. Jadi, kalau demikian lebeh baik-lah mulai sekarang di-ambil banyak² orang di-sini untuk di-latah menjadi guru² untuk di-tempatkan di-sekolah² tinggi, Dato' Yang di-Pertua, dan sempena kata Tan Sri Suffian baharu² ini ia-itu di-hari konvokesen di-Universiti Malaya bahawa kenapa-kah guru² di-ambil orang² di-Pantai Barat kalau orang² Pantai Barat tidak mahu melepaskan diri daripada Lake Garden.

Dato' Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu ingin saya menyebutkan dalam hal pertanian dan hasil² pengeluaran-nya. Maka saya nampak Kerajaan kita meranchang dengan tidak begitu jelas. Ada sa-tengah perkara Kerajaan mahu mengeluarkan dengan sa-chara berlebeh²an dan ada sa-tengah-nya mahu mengeluarkan dengan sa-chukup keperluan, dan ada sa-tengah memang tidak mahu menchukupi keperluan negara. Chuba kita lihat getah, Kerajaan mahu mengeluarkan-nya dengan banyak² walau pun ia-nya sudah banyak, tetapi mahu lagi walau pun harga-nya turun tetapi mahu di-keluarkan banyak² lagi. Chara-nya ia-lah kempen ra'ayat tanam getah sama ada melalui Lembaga Tanam Sa-mula atau sa-bagai-nya dan Kerajaan sendiri pun tanam getah juga banyak². Tempat saya sendiri berpuluh² ribu ekar Kerajaan sedang menchuba ranchangan tanaman getah sa-hingga menimbulkan keraguan di-satengah² orang yang berfikir dalam hal ini apa-kah keadaan ranchangan tanaman getah banyak² ini sa-benar-nya mengalami masa depan yang cherah atau sa-bagai-nya. Kalau-lah cherah, beri-lah tahu kepada ra'ayat dengan terang², nya akan sebab²-nya dan faedah-nya di-masa hadapan dan kalau hanya untuk bertanding dengan getah tiruan, maka perlu di-fikirkan ada-kah sempat bagi ra'ayat berbuat demikian atau tidak. Saya nampak keluasan tanaman getah yang sekarang ini 2/3 daripada jumlah tanaman tanah di-Malaysia atau pun 4 juta ekar lebeh di-Malaysia Barat ini sudah pun luas. Kalau-lah Kerajaan tidak nampak ra'ayat boleh

untung dengan tanaman getah ini galakkan sahaja ra'ayat dengan tanaman² lain supaya getah hanya di-selenggarakan oleh Kerajaan² atau perbadanan² Kerajaan. Jangan saperti sekarang ra'ayat di-kampong ada getah tapi mereka meninggalkan getah masing². Mereka pergi ka-tempat² perusahaan, sama ada perusahaan kecil, perusahaan di-dalam bandar atau pun di-luar bandar, menjadi buroh menchari pekerjaan walau pun gaji-nya hanya \$2 atau \$3 sebab mereka bekerja getah ta' dapat sa-banyak itu. Bukan sahaja di-kilang² perusahaan, bahkan juga ra'ayat di-kampong² sanggup menjelajahi di-dalam hutan² rimba menchari damar dan kayu chandan guna mendapatkan sedikit wang lebeh. Sa-tengah²-nya Kerajaan perlu mengeluarkan dengan cukup² pengeluaran negara saperti susu dan daging sa-bagaimana yang kita dengar chakap² daripada pehak Kerajaan. Ada juga pehak Kerajaan memang tidak mahu menchukupi keperluan negara, ia-itu beras, Kerajaan mahu hanya 90% sahaja dengan beberapa sebab yang di-dapati oleh pehak Kerajaan. Dalam hal ini suka saya memberi pandangan bahawa saya lebeh bersetuju kita dapat berusaha untuk menchukupi keperluan negara kita ini di-semua perkara, bukan sahaja sa-takat menchukupi, bahkan kita mahu menjual ka-luar negeri. Sekarang kita dapati negara ini memang banyak mengimpot barang² luar negeri, hatta di-dalam bidang buah²an lebeh kurang 4 juta tiap² tahun belanja kita keluar untuk bidang ini. Bukan sahaja buah²an yang ta' sesuai di-tanam di-Malaysia kita bawa masuk, bahkan buah²an yang sesuai tanam di-Malaysia pun di-impot juga saperti limau dan mempelam. Kenapa kita tidak meranchangkan supaya limau negeri kita ini menchukupi sa-tiap masa keperluan kita dan juga mempelam, bukan itu sahaja malah kita jual ka-negeri lain. Kopi mithal-nya kita banyak inpot mengapa kita tidak meluaskan tanaman kopi itu daripada 21,000 ekar di-Malaysia Barat ini sahaja.

Dato' Yang di-Pertua, saya ingin menyen-toh fasal ranchangan Lembaga Tanah Persekutuan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Panjang lagi Yang Berhormat dekat 15 minit sudah. Ada Ahli Yang Berhormat yang lain yang hendak berchakap lagi.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Dato' Yang di-Pertua, sedikit sahaja lagi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sa-takat dua minit sahaja lagi.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Izinkan saya berchakap panjang sadikit Dato' Yang di-Pertua, kerana Ahli² PAS baru 2 orang sahaja yang dapat berchakap.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Satu dua minit sahaja, lagi boleh.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Saya ingin menyentoh fasal ranchangan tanaman sa-mula melalui sharikat pekebun kech'il di-mana sadikit sa-banyak wang di-salurkan di-beri kapada pekebun² kechil dengan lebeh sistematik. Yang menjadi masalah kapada pekebun² kechil khasnya di-Trengganu ia-lah sa-bahagian besar daripada mereka tidak berjaya-nya mendapat bantuan itu, kerana mengikut syarat untuk mendapatkan bantuan tanaman baharu ia-lah sa-orang itu mesti mempunyai keluasan 5 ekar ka-bawah. Di-Trengganu sejak sa-belum merdeka dan hingga sekarang chara pembahagian tanah ia-lah kadar sa-luas 6 ekar. Maka orang² ini tidak berhak untuk dapat dan menerima bantuan daripada Kerajaan itu kalau-lah ada pun ia-lah orang² yang menerima harta pusaka, itu pun tidak dapat juga kerana keluasan 6 ekar dalam geran walau pun ia di-miliki oleh beberapa orang yang menerima pusaka. Saya berharap pihak yang berkenaan harus mengambil perhatian supaya syarat² itu di-beri bagi membolehkan orang yang benar² kekurangan tanah dapat menyertai ranchangan tersebut. Jangan seperti sekarang mithal-nya A., B., C. ada memiliki 6 ekar kebun peninggalan bapa-nya yang berarti tiap² sa-orang hanya dapat dua ekar tetapi ketiga²-nya itu tidak dapat menyertai ranchangan sharikat pekebun² kechil kerana mereka memiliki satu geran tanah yang luas 6 ekar sedangkan sharikat mensyaratkan mesti tidak lebeh daripada 5 ekar.

Dato' Yang di-Pertua, satu perkara yang ingin saya sebutkan ia-lah tentang harga barang². Nampak-nya kenaikan harga barang² di-Malaysia ada-lah kerana tekanan ekonomi dari luar, mengikut kata pihak Kerajaan. Tetapi yang sedeh-nya kenaikan harga mengikut penjelasan yang di-beri oleh peniaga² ada-lah kerana bertambah-nya chukai. Ketika mengemukakan chukai akhir tahun lalu Menteri Kewangan telah menaikkan

sadikit chukai seperti chukai gula dan lain². Tetapi gula turut juga naik. Demikian juga ketika mengemukakan chukai jualan Menteri yang berkenaan memberi jaminan bahawa barang² tidak akan naik tetapi sekarang semua-nya barang² itu sudah naik. Ra'ayat yang tidak ada mempunyai wang chukup, susah untuk mendapatkan barang² ini. Saya telah pergi ka-kedai² dan membanchikan barang² ini saya dapati bukan sahaja gula yang naik, susu pun naik, lada pun naik, bawang pun naik, minyak kelapa pun naik dan barang besi pun naik dan sa-bagai-nya pun naik, chuma beras yang tidak naik. Mungkin apakala di-sebut semua barang² ini naik, maka Menteri akan menjawab tidak semua-nya naik dan jika naik laporkan sahaja kapada Kerajaan untuk di-ambil tindakan. Sekarang ini umum sudah mengetahui barang² naik, jadi barang² ini tidak perlu siasat lagi. Tahu-kah pihak Kerajaan bahawa sekarang ra'ayat sudah ada makan nasi sa-kali sa-hari bukan kerana tidak ada beras, tetapi tidak ada wang untuk membeli beras. Ma'alom-lah ra'ayat bekerja di-kampung² tidak ada hasil, sekarang ra'ayat di-kampung² berhijerah menchari kerja makan gaji walau pun hanya mendapat \$2.00 atau \$3.00.

Dato' Yang di-Pertua, oleh yang demikian, saya mengeshorkan kapada Kerajaan supaya menubuhkan Jawatan-kuasa² Kawalan Harga Barang di-beberapa peringkat bukan sahaja di-peringkat national tetapi di-peringkat negeri dan peringkat daerah dan memberi senarai harga barang² itu untuk pengetahuan mereka dan dapat mereka memberi tahu kapada orang ramai supaya tidak kesamaran.

Dato' Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu, ingin saya sebutkan sa-chara ringkas di-bidang pertahanan ia-itu di-bidang ketenteraan dan kepolisan. Saya harap pihak Kerajaan melateh pegawai² tentera kita atau pun semua tentera² kita dengan semangat yang sungoh², dengan semangat bukan sahaja chintakan kapada tanah ayer tetapi chintakan ugama dan tanah ayer dan juga Raja kita.

Dato' Yang di-Pertua, saya suarakan hal ini, kerana saya tidak mahu tentera² kita kalau menghadapi musuh² akan menjadi seperti tentera² di-Vietnam di-aman lari sahaja. Ini sa-benar-nya ia-lah kerana lemah semangat. Saya harap tanamkan semangat Islam kerana apakala di-tanamkan semangat Islam, Dato' Yang di-Pertua, orang Islam

dia suka mati, kalau mati-nya itu shahid itu-lah saya kata supaya di-tanamkan semangat Islam yang benar²—semangat iman yang benar² di-dalam jiwa tentera² kita. Sa-lain daripada itu, saya minta supaya pehak tentera kita ini jangan di-galakkan minum minuman² yang keras, kerana ini mendatangkan kebochoran rahsia² di-kalangan tentera kita. Kerana kalau kita biarkan tentera² kita khas-nya pegawai² yang minum minuman yang keras, maka mungkin kebochoran rahsia² negara kita akan di-perolehi oleh interligen² atau pun musuh² kita yang ada di-dalam negara ini. Jadi minuman keras ini bukan sahaja haram dari segi ugama Islam, tetapi merugikan negara kita, kepentingan negara kita.

Dato' Yang di-Pertua, yang akhir sa-kali, ingin saya ingatkan kepada Menteri Penerangan ia-lah tentang menayakan pertunjukan² kugiran² di-Talivishen hendak-lah lebih sopan sedikit, kerana saya dapati ada sa-tengah² kugiran² kita yang pakai, bermacam² rantai, pakai baju yang tidak senonoh saya nampak. Jadi, untuk nampak keperibadian Malaysia kita yang bertata susila ada beradab sopan ini, maka saya harap Yang Berhormat Menteri Penerangan mengambil perhatian dengan mengenakan syarat² yang ketat sedikit atau pun Kementerian Kebudayaan berbuat demikian.

Dan satu lagi untuk ingatan Kementerian Penerangan ini ia-lah kalau cerita yang sedap² itu, jangan-lah di-tengah² maghrib atau tengah² hendak sembahyang, biar-lah pukul 8.30 malam dan yang baik sa-kali waktu anak² tidor supaya mereka tidak terganggu masa untuk membaca buku² dengan sebab tengok tayangan² filem² yang sedap di-Talivishen itu. Sekian, terima kasih.

Tuan Edwin anak Tangkun (Batang Lupar): (Dengan izin) Mr Speaker, Sir, I take this opportunity to take part in the debate on His Royal Highness Address, delivered at the Opening of the present Parliament session last week. I will try to confine my observations briefly to the present plight of the rural sectors of our people. These are the people who form the main bulk of the population.

I and my colleagues feel that the destiny of the Malaysian nation rests solely on the success of the Second Malaysia Plan. It can make us or break us. This is the second year

of the Second Malaysia Plan, and yet the impact and the impetus are yet to be seen and still to be felt by the people of all walks of life—from the remote villages along the coastal areas, the isolated longhouses and scattered kampongs, to the towns and urban centres.

The Honourable Member from Padawan had spoken at length on the development imbalance between West and East Malaysia, particularly Sarawak. This is very true indeed. I need only stress further that there is a great imbalance in the development sector between the populated town-urban centres and the rural areas, particularly in the lesser developed State of Sarawak. My colleagues, the Honourable Members for Miri-Subis and Saratok had time and again stressed on this. I, therefore, call on the Government to act immediately to ensure that the gap between the rural areas and the town-urban centres in the development distribution should be bridged, and bridged immediately.

There was the introduction of the Sales Tax which I and my colleagues and a great number of Honourable Members in this House had opposed. This is a very premature and retrogressive taxation on the vast number of poor, illiterate and hard-pressed section of the Malaysian people, implemented at a time when these people cannot possibly afford to pay an additional tax burden, because of the high cost of living and the low prices of agricultural commodities upon which the farmers and the fishermen look forward to for survival. We need not go too far to the upriver longhouses and the rural kampongs, especially in rural Sarawak, to see and hear what adverse effects the premature sales tax had caused. People are grumbling and angry with the shortsightedness of the Government in introducing the sales tax too soon and during very trying times. In Sarawak, because of the constant curfews and security impositions, the situation had become from bad to worse. The annual bad harvest does not improve the matter.

The sales tax had tremendously widened the existing gap between this rich and the poor—with the rich becoming richer and the poor getting poorer. I, therefore, plead that the Government should exempt Sarawak's rural areas, especially those in the border

areas, from having to shoulder the imposition of the sales tax. In the rural areas of Sarawak, people are objecting to the sales tax, because by the time it reaches the Ulu, it is not only 5 per cent but 10 per cent. In Miri, the people had submitted their representation to the Government, while the other Sarawak places are still silent.

Time and again, I and my colleagues had stressed in this House of the education imbalance between East and West Malaysia, particularly Sarawak. Sarawak is supposed to have free primary education. Yet, a poor farmer, staying far from a rural school, has to spend about fifty dollars to send one child to school. If he is lucky enough to live near a rural primary school, he still has to pay for books, uniforms, pencils and other items necessary to see that his child can do his works properly in the classroom. Each month this will cost him not less than \$35.00 as against about \$50.00 per month if the child is to go to a primary boarding school. With the low price of rubber, the high prices of essential commodities in the shops and trading launches, like sugar, kerosene, benzine for the family's small outboard engine, the poor longhouse farmer, more often than not, finds himself owing by way of school and boarding fees. This adversely affects the child's studies and, as a result, more and more have to leave school at lower secondary and primary levels, before one-third or about 30 per cent are promoted to the First Form of the Junior secondary.

This is one of the urgent reasons why we have been constantly asking the Government to start a survey of school drop-outs and school failures. I strongly support the Honourable Member for Saratok in his plea that the Government should now review the education system in Sarawak. This is a very urgent matter. If we are to avoid a future generation of semi-literates, untrained, dissatisfied, discontented and unemployed citizens, we must act now. We must overhaul the system, provide training for those who are unable to continue their studies, create employment and thereby inject fresh hopes to this group of much-talked-about but neglected young generation.

While on the subject of education and training, I wish to bring to the attention of the Honourable Minister concerned to allow Mara College students and students at the

Universities, who had come to study in West Malaysia, under Government scholarship, to return to Sarawak once a year with Government-paid passages. This will enable them to meet their loved ones—their parents and other members of the families whom they had left behind. This is a small thing to ask, but I feel that this is very important, especially on the emotional aspect of their studies.

In the many places of the Mara Colleges, at Petaling Jaya and at Shah Alam, the authorities should ensure that the students from the various States in Malaysia should get to know each other, promote better understanding and give better tolerance amongst the students. No discrimination whatsoever must be made, and any incident that will mar inter-State relationship amongst the students should be properly dealt with. A number of the Mara students had approached some Sarawak MPs on some of their problems.

I am glad that the implementation of the Aziz Report for teachers in West Malaysia is just around the corner. We from Sarawak feel that the implementation of the Aziz Report should not be made in timing like Suffian report. The Suffian report was first implemented in West Malaysia and then later in East Malaysia. I would like to see Sarawak teachers enjoying the benefits of the Aziz Report at the same time as that of West Malaysian teachers. It is such a small thing to ask, but it will assist greatly in our East-West integration process advocated by the Honourable Member for Segamat Utara.

I will not elaborate too much on rural industries. My colleagues the Honourable Members from Miri-Subis and Saratok had stressed on the subject often enough in this House. What little I wish to say regarding this subject, when looked at from the rural angle, is that so far there is so much hot air, and very little ground-level work is being done. I, therefore, urge the Government to proceed with the dispersal of industries to rural areas before the period of the Second Malaysia Plan comes to an end in 1975.

Time and again, I and my colleagues had spoken about agricultural activities and agricultural development in Sarawak in this House. Recently, the Sarawak Coalition Government announced a proposed pepper subsidy to farmers. The farmers are waiting

anxiously to see this scheme being implemented. I call on the Federal Government to assist as much as possible in this scheme and ensure that each family in the rural farming community is given at least 400 subsidised pepper vines per family, so that the scheme can really benefit them and assist to alleviate their sufferings.

I wish to take this opportunity to call upon the Government to increase the price of rubber to a minimum of 50 cents to 70 cents per kati. This price level, I feel, can then give a new boost to rural rubber tappers and revive their low spirit and dwindling interests in the few untapped and small rubber holdings they have in the rural areas in Sarawak. I also call upon the Government to remove for the time being import duties and surtax on the imported raw sugar to Malaysia in order to reduce the price of sugar in the country.

With the above humble submission, in the Sarawak context, I conclude by hoping that the Second Malaysia Plan will be the means, and a successful means, towards a Malaysian solution. I hope that the Plan will be viable enough to incorporate Opposition's suggestions to ensure success for everybody. Thank you. Sir.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman (Besut): Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan hasrat Kerajaan dalam usaha untuk membahagi rezki kepada seluruh ra'ayat sa-chara adil seperti yang di-Titahkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong saya ingin menarek perhatian Kerajaan bahawa perusahaan² taraf perintis ia-itu Kerajaan hendak-lah mengkaji sa-mula tentang chara² pelaksanaan dasar mengenai pemberian taraf perintis kepada sharikat perusahaan dan pemodal² luar, kerana pelaksanaan yang ada sekarang ini bukan-nya dapat mengurangkan jurang perbezaan ekonomi antara kaum² malahan lebeh meluaskan lagi jurang perbezaan-nya dan jumlah saham² kepunyaan Melayu dalam sharikat² tersebut sangat²-lah sedikit, sharikat tersebut juga nampak-nya tidak berusaha dengan bersungguh² untuk melateh anak bumiputra supaya menjadi pekerja² yang mahir.

Mengikut perangkaan 1969, jumlah modal sharikat² yang bertaraf perintis di-negeri ini ia-lah \$429 juta, dari jumlah tersebut hanya

\$187 juta sahaja modal dalam negeri sementara yang baki lagi sa-banyak \$242 juta ada-lah kepunyaan luar negeri dan dari jumlah ini modal dalam negeri dan dari jumlah modal dalam negeri sa-banyak \$180 juta tidak sampai 5% pun kepunyaan Melayu dan bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lain dari itu saya juga di-fahamkan bahawa pengusaha² dan pemodal² luar negeri di-samping membawa modal dan melaborkan modal dalam negeri ini telah juga melakukan suatu perkara yang kurang sihat ia-itu mereka juga telah membawa tenaga² export untuk mengeluarkan perusahaan dengan alasan bahawa di-Malaysia kekurangan tenaga² seperti itu. Tenaga² export itu telah di-bawa dari Australia, Jepun dan Canada untuk mengatasi anak² Malaysia. Pada hal jika di-semak pendaftaran akan terdapat bahawa orang² yang di-anggap pakar yang di-bawa daripada luar negeri itu bukan sahaja muda sahaja pada umur-nya, Tuan Yang di-Pertua, tetapi mempunyai kelulusan yang lebeh rendah daripada kelulusan² dan kelayakan² yang ada pada anak² tempatan di-Malaysia ini.

Sa-sungguh-nya, Tuan Yang di-Pertua, usaha² untuk melateh anak² tempatan tidak akan berjaya sa-kira-nya sharikat² perusahaan yang bertaraf perintis tidak mahu bekerjasama pada menjayakan-nya. Sebab itu-lah saya berpendapat Kerajaan perlu mengkaji dasar pemberian taraf perintis yang sedang berjalan sekarang ini supaya tidak terus-menerus merugikan kepentingan negara. Sa-sungguh-nya di-dalam pengkajian itu nanti soal persandingan kaum hendak-lah di-beri perhatian yang sewajar-nya meliputi dari pekerja² di-bahagian rendah sa-hingga-lah kepada pegawai² tinggi dan tidak-lah sa-mesti-nya pegawai² tinggi itu di-isi dengan kaum² lain, kerana itu boleh meluaskan lagi jurang yang perbezaan yang ada sekarang ini dan yang pada pendapatan saya ada-lah bertentangan dengan semangat dasar ekonomi baharu yang menjadi perkara utama untuk menchapai chita² dan perpaduan di-kalangan ra'ayat seperti yang di-sampaikan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di-dalam Titah di-Raja-nya pada Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya ingin sebutkan di-sini ia-lah masaalah pengajaran agama Islam di-dalam

sekolah² dan kedudukan Sekolah² Agama Menengah yang ada di-dalam negeri kita ini. Kalau kita kaji kepada Perlembagaan negara kita bahawa agama Islam ada-lah agama persekutuan atau pun juga agama rasmi negara ini, maka sa-bagai satu agama rasmi, saya fikir tidak sa-harus-nya akan agama rasmi menjadi hak kepunyaan orang Melayu sahaja, tetapi ada-lah menjadi hak kepunyaan seluroh ra'ayat negeri ini. Dengan sebab itu, saya fikir dan saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, tidak melanggar, tidak bertentangan dengan kehendak Perlembagaan dan undang² sa-kira-nya pengajaran agama Islam di-wajibkan di-dalam pengajaran di-sekolah², bukan-nya di-wajibkan orang itu mengerti agama Islam, tetapi di-wajibkan di-dalam pengajaran-nya sama-lah seperti kita menwajibkan Bahasa Kebangsaan di-tiap² sekolah tetapi bukan-nya kita menghendaki supaya orang itu belajar, orang itu berchakap dengan Bahasa Kebangsaan. seperti yang pernah kita lihat di-dalam Dewan ini, dari kalangan Menteri sendiri seperti Yang Berhormat Menteri Kewangan, walau pun beliau menyokong tentang kedudukan bahasa Melayu sa-bagai bahasa rasmi, tetapi beliau kurang sa-kali berchakap dengan menggunakan bahasa rasmi. Jadi, saya fikir, Tuan Yang di-Pertua, kalau agama Islam di-jadikan satu mata pelajaran yang wajib bukan sahaja kepada orang Melayu, tetapi seluroh ra'ayat dalam negeri ini—ini bukan berarti kita memaksa orang supaya memasoki agama Islam.

Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan kedudukan Sekolah² Agama Menengah. Saya sering kali mendengar pehak Yang Berhormat Menteri Pelajaran mengatakan bahawa kedudukan Sekolah² Agama Menengah ini ada-lah kewajipan Kerajaan Negeri. Saya ingin menyatakan di-sini bahawa Sekolah² Agama Menengah yang ada sekarang ini lain atau pun jauh bedza-nya dengan keadaan Sekolah² Agama Menengah, empat, lima tahun dahulu. Kerana kedudukan Sekolah² Agama Menengah yang ada sekarang ini 50% ada-lah berchorak pelajaran Arab dan 50% lagi ia-lah menggunakan mata pelajaran umum yang murid²-nya pun memasoki peperiksaan L.C.E. dan S.R.P. dan lain², sama seperti dengan murid² yang duduk di-perengkat dalam aliran Melayu dan aliran Inggeris. Dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, atau masalah pengajaran bukan atas masalah kedudukan agama

yang menjadi hak kepunyaan Kerajaan Negeri, atas masalah pengajaran, saya fikir, sudah sampai masa-nya pehak Kementerian Pelajaran menerima kedudukan Sekolah² Agama Menengah sa-bagai sekolah² yang di-tadbirkan terus-menerus oleh Kementerian Pelajaran dan tidak-lah lagi duduk di-bawah Jabatan Agama Islam di-tiap² negeri atau pun duduk di-bawah pentadbiran Kerajaan Negeri. Kerana kalau kedudukan Sekolah² Agama Menengah ini terus-menerus terletak di-bawah pentadbiran Kerajaan Negeri, bagi Kerajaan² Negeri yang banyak kewangannya boleh-lah mampu kedudukan sekolah itu, tetapi bagi Kerajaan² Negeri seperti Trengganu khas-nya, tentu-lah murid² yang ada di-dalam sekolah agama ini akan menjadi mangsa terbit daripada kekurangan kewangan yang ada pada sa-sabua Kerajaan itu dan saya di-beri faham pula, Kerajaan Negeri Trengganu telah pun kerap kali menawarkan kepada Kerajaan Pusat khas-nya kepada Kementerian Pelajaran supaya mengambil alih Sekolah² Agama Menengah yang ada di-dalam Negeri Trengganu. Jawapan yang pernah di-beri kepada pehak yang berkenaan di-sana, tunggu dan lihat dan akan di-kaji. Jadi, saya fikir, tunggu dan lihat dan akan kaji itu ta' usah-lah memakan masa yang panjang sangat, Tuan Yang di-Pertua, kerana kedudukan murid² bukan boleh kita tunggu dan lihat dan kita kaji, mereka akan bergerak, umur mereka akan meningkat dari sa-tahun ka-satahun dan pelajaran akan berjalan terus. Jadi, dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa, alasan yang saya beri mengenai dengan kedudukan agama Islam ini hendak-lah di-tinjau lain daripada masalah kedudukan agama yang kita bimbang orang² yang bukan Islam itu merasa kita hendak menekan mereka, sebab kalau kita berpandu kepada Ahli Yang Berhormat dari Batu yang dua tiga hari baharu² ini telah berchakap begitu faseh di-dalam Dewan ini menerangkan masalah agama Islam yang di-pelajari-nya, maka dengan ini menjadikan satu bukti bahawa sa-saorang yang mempelajari agama Islam itu tidak mesti dia memelok agama Islam seperti yang terdapat daripada Ahli Yang Berhormat dari Batu. Walau pun beliau faseh dan faham tetapi beliau maseh kekal dengan agama Keristian-nya. Jadi, dengan sebab itu-lah, Tuan Yang di-Pertua, saya fikir perkara yang seperti ini dapat di-pertimbangkan oleh pehak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya ini datang-nya dari negeri Trengganu, ia-itu sa-buah negeri yang sedang ranchak membuat persediaan dan menyusun berbagai² ranchangan pembangunan, tetapi negeri Trengganu juga menghadapi kekurangan dalam masaalah kewangan untuk membiayai projek²-nya yang sedang di-susun dan di-ranchangkan itu. Saya terlebih dahulu menguchapkan sa-tinggi² tahniah dan jutaan terima kasih kepada pemimpin² Kerajaan Pusat terutama sa-kali kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah memberi perhatian yang begitu berat kepada Kerajaan serta ra'ayat negeri Trengganu, terutama sa-kali di-sa'at² yang akhir ini kerana itu-lah di-dalam Titah di-Raja ada menyebutkan:

Kerajaan Pusat telah pun menjalankan usaha² pembangunan kawasan, yang bertujuan memajukan kawasan² yang maseh belum di-buka supaya kemajuan ekonomi menyeluruh kesemua pelusok negara. Kerajaan berharap bahawa dengan terlanchar-nya ranchangan² pembangunan yang raksaksa seperti yang di-dapati di-Johor, Pahang, Kelantan, Trengganu dan Sarawak akan dapat mengembangkan pendapatan negara, dan juga, pembahagian kekayaan yang lebih meluas dan adil.

Dato' Yang di-Pertua, bagi ra'ayat Trengganu, dengan ada-nya pengumuman yang telah di-buat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sa-waktu lawatan beliau ka-negeri Trengganu baharu² ini, bahawa suatu ranchangan yang di-namakan Trengganu Tengah akan di-buka dalam negeri Trengganu ada-lah merupakan suatu pemberian nafas baharu dalam sa'at ra'ayat Trengganu sedang menghadapi masa depannya antara maju dengan mundur. Ra'ayat Trengganu juga merasa amat terhutang budi di-atas budi bichara yang baik dari pemimpin² Kerajaan Pusat kerana baharu² ini, Dato' Yang di-Pertua, pihak Kerajaan telah memberikan pinjaman wang sa-banyak \$1,500,000 untuk membiayai ranchangan pembukaan tanah sa-chara besar² dalam negeri Trengganu. Kemudian-nya Kerajaan Pusat juga telah menghantarkan satu rombongan Bahagian Peranchang Ekonomi, dari Jabatan Perdana Menteri untuk membantu dan menolong Kerajaan Trengganu dalam usaha mengator dan menyusun sa-mula ranchangan² pembangunan sa-chara raksaksa yang benar² boleh memberi pekerjaan ka-

pada ra'ayat negeri Trengganu serta penambahan puncha kewangan kepada Kerajaan negeri Trengganu.

Dato' Yang di-Pertua, walau bagaimana pun ra'ayat Trengganu sambil menjunjung dan menghargai perhatian berat serta pertolongan yang begitu besar yang telah di-berikan oleh Kerajaan Pusat, sangat-lah mengharapkan semuga bantuan, pertolongan dan pandangan berat itu akan dapat di-lipatgandakan di-masa² yang akan datang kerana dengan keadaan negeri Trengganu yang terletak di-tengah² negeri Pahang dan Kelantan, di-mana negeri Pahang sedang pesat dengan ranchangan² pembangunan sa-chara raksaksa, manakala Kelantan yang akan menerima perubahan besar berikutan dengan pelaksanaan ranchangan Jalan Raya Timor/Barat ada-lah di-perchayai kalangan swasta akan menumpu ka-negeri Pahang dan Kelantan, dalam usaha untuk membuka kilang² dan perusahaan² besar. Kira-nya berlaku demikian, Dato' Yang di-Pertua, sudah tentu negeri Trengganu akan menerima akibat yang burok ia-itu akan terchichir di-tengah² dalam zaman pembangunan.

Perkara yang utama yang patut di-beri perhatian berat kepada negeri Trengganu sekarang ini, Dato' Yang di-Pertua, ia-lah tentang kekurangan-nya tenaga bekalan letrik, bekalan ayer, alat² perhubungan, jalan raya dan pegawai² yang mahir dalam bidang ekonomi, kejuruteraan, pertanian dan perikanan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Panjang lagi-kah Ahli Yang Berhormat?

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Sadikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Pada akhir-nya, Dato' Yang di-Pertua, melihat kepada cherita² yang tersiar dalam akhbar sa-hari dua ini, nampak-nya ada fikiran² untuk melahirkan Kerajaan Champoran di-Kelantan antara Perikatan dan PAS dan boleh jadi fikiran² itu akan sampai ka-Trengganu dan ka-Kedah. Pada himat saya, Dato' Yang di-Pertua, soal champoran antara Perikatan dengan PAS ini, ini pada pendapat saya sendiri, Dato' Yang di-Pertua, berasaskan kepada ma'lumat² yang saya terima daripada pengundi² saya di-Besut, oleh kerana Besut ada-lah dudok tempat-nya antara Kelantan dengan Trengganu atau pun

boundary dan dahulu-nya merupakan kawasan yang begitu kuat bertapak-nya PAS dan boleh jadi kemenangan saya ada sokongan juga daripada pengundi² PAS.

Dato' Yang di-Pertua, saya fikir kalau Perak telah mengadakan Kerajaan Champoran, kalau Pulau Pinang telah mengadakan Kerajaan Champoran di-peringkat Negeri dan di-Sarawak telah mengadakan Kerajaan Champoran Negeri, tetapi ada satu keistimewaan di-Sarawak. Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching kita masukkan dia ka-dalam Jema'ah Menteri dan sekarang ini sa-bagai Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan. Saya fikir dalam mengkaji soal Kerajaan Champoran ini, oleh kerana PAS ada-lah sa-buah parti yang agak menyeluruh juga di-Malaysia kita ini, tidak hanya sa-tempat sahaja, ada baik-nya di-kaji masalah champoran antara PAS dengan Perikatan ini di-peringkat Pusat, bukan-nya peringkat Negeri. Kerana kalau kita dapat adakan Kerajaan Champoran di-Peringkat Pusat antara Perikatan dengan PAS, saya fikir masalah ini dapat memberi kepuasan kepada pengikut² Perikatan dan PAS di-Trengganu, di-Kelantan, di-Kedah dan di-Perlis.

Saya tidak dapat hendak mengatakan apa² dalam masalah ini, Dato' Yang di-Pertua, kerana saya tidak mempunyai authority yang begitu kuat untuk berchakap, chuma saya daripada pehak bencher sahaja, berchakap fasal ini ada-lah dengan hasrat supaya perkara² yang saperti ini dapat di-kaji dengan chara mendalam. Saya hanya-lah memikirkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching dapat di-masukkan duduk dalam Jema'ah Menteri, saya fikir tentu-lah Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu Hulu dapat di-masukkan ka-dalam Jema'ah Menteri dan buat sementara boleh-lah kita lantakkan beliau sa-bagai Menteri Dengan Tugas² Khas. Kemudian kita chari-lah apakah yang di-fikirkan perlu di-berikan tugas kepada-nya.

Dato' Yang di-Pertua, saya hanya-lah berdo'a kepada Tuhan yang maha kuasa, di-dalam Dewan yang sangat mulia ini supaya apa yang saya tegorkan ini di-berkati oleh Tuhan, sambil itu Tuhan memberi taufik dan hidayat kepada pemimpin² Perikatan dan pemimpin² PAS supaya mulai daripada sekarang ini merintis jalan dan mengorak langkah. Sa-sungguh-nya kalau kita kaji dari

segi sejarah, Dato' Yang di-Pertua, antara UMNO dengan PAS ini ada-lah mula-nya satu. Kemudian berselisih faham sedikit, berpisah. Sudah lama kita berpisah, Dato' Yang di-Pertua. Kata pepatah Melayu: kalau sesat di-hujung jalan, kita kembali kapangkal jalan, dan mengikut sistem Islam kalau kita kembali kepada benda yang hak itu ada-lah satu perkara yang wajib maka dengan sebab itu, Dato' Yang di-Pertua, saya sa-bagai sa-orang yang beragama Islam yang ada dalam Dewan ini, saya chuba menyatakan hak kerana saya fikir wajib bagi saya chuba menyatakan hak, kalau tidak barangkali saya akan di-soal di-padang Mahshar tentang perkara yang benar, Dato' Yang di-Pertua.

Dengan sebab itu, Dato' Yang di-Pertua, untuk menamatkan ucapan saya pada petang ini saya hanya berserah kepada Tuhan samuga Tuhan memberkati usul atau pun shor daripada saya ini dan kedua² pemimpin Perikatan dan PAS dapat di-beri taufik dan hidayat oleh Tuhan membuka jalan yang baik, berbinchang dari hati ka-hati bagi kepentingan seluruh ra'ayat dalam Malaysia ini. Sekian, terima kaseh.

Tuan Fan Yew Teng (Kampar): (*Dengan izin*) Tuan Speaker, the most salient feature, and indeed the whole tone and style of this year's Royal Address reflects once again the obstinate insistence of the Alliance Government to indulge in the more repetition of its many favourite and even worn-out cliches and the pontification of the same old and tired pious platitudes.

Our people and our country, instead of being inspired, encouraged and stirred by specific, solid and dynamic long-term programmes for the realisation of political democracy, economic equality, social progress, cultural democracy and industrial justice, are merely given more doses of the same medicine of confusion, stagnation and cant rhetoric to further lull and dull their senses. Empty promises are still shamelessly reiterated in the attempt to further numb our multi-racial people with a false and deceiving sense of euphoria.

Wrong assumptions and blatant fallacies, which have been proved to be wrong and dangerous in the past decade and half, are still fondly, albeit blindly, pursued in the urgent and gigantic task of forging national

unity and achieving national development. In many instances, old methods and attitudes are coated in new words and phrases. More problems are swept under the carpet as a result. More sacred cows are reared in the process.

In the important task of building national unity among our multi-racial people, for instance, a thoroughly confused, inadequate and discredited politician is appointed Minister of National Unity. How, in the name of heaven, can this Minister inspire confidence and encourage national unity when he is himself the prime cause of utter disunity in his own little party? I say the Honourable Prime Minister, by this appointment, has made a farce out of a political joke, which can only make the gods weep in despair. It reminds me more and more of the melodrama of the Emperor's new clothes, where people deceive themselves and others to protect their own interests and to save their own necks.

The tools of governmental power are increasingly being misused and abused. The Ministry of Information—and I am glad the Parliamentary Secretary of that Ministry is here—is an excellent example, Sir, of this, of the abuse and misuse of governmental facilities and powers. Television and radio, controlled by the Government, are misused to serve narrow partisan political purposes. There is no honest distinction and demarcation between Government duties and functions and party activities and events. Purely Alliance Party activities, events and functions are being extravagantly propagandised almost every day at great public expense.

Yet another illustration of the shameful bias that is plaguing our government-controlled mass media is this: when my colleague, the D.A.P. Member of Parliament for Port Dickson, Dr Soorian, was charged in court, it was fully played up by the TV and Radio Malaysia, but when he was acquitted and discharged, not a word was mentioned by either Radio Malaysia or TV Malaysia. And yet, when Alliance MPs, for instance the Member for Kluang Selatan and Enche' Hanafi and the Selangor State Assemblyman, Enche' Kamarulzaman were charged in court, their cases were most completely and conveniently omitted.

How is this kind of shameless bias to be reconciled to the Minister of Information's pledge that his Ministry would carry out its duty to disseminate news "without fear or favour"? Where is the "widest possible coverage" as mentioned in the Royal Address?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Panjang lagi-kah Ahli Yang Berhormat? Tempoh sudah sampai dan sama ada Ahli Yang Berhormat akan di-benarkan berchakap untok di-sambong pada hari esok ada-lah bergantung kapada perintah Dato' Yang di-Pertua.

Majlis Meshuarat di-tanggohkan hingga pukul 2.30 petang, 16hb Mei, 1972.

Dewan di-tanggohkan pada pukul 7.35 malam.